KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

POLITEKNIK MALAYSIA NILAI

RESEARCH & INNOVATION SEMINAR in EDUCATION

RISE 2014

"Excellence in Education through Sustainable Research and Innovation"

13 November 2014

Politeknik Nilai Negeri Sembilan

Anjuran:

Unit Penyelidikan dan Inovasi, PNS

RISE 2014

Published by:

Politeknik Nilai
Kompleks Pendidikan Bandar Enstek
71760 Bandar Enstek
Negeri Sembilan
Malaysia

Printed in Malaysia by:

Unit Penyelidikan dan Inovasi, Politeknik Nilai

ISBN 978-967-12579-2-0

RISE2014 PROGRAMME COMITTE

ADVISORY
En Tajuddin Bin Abdul Rashid

CHAIRMAN
Dr. Siti Junaidah bt M. Mujir

PROGRAM DIRECTOR
Halimah binti Che Hassan

CO PROGRAM DIRECTOR
Ahmad Razimi bin Mat Lazim

EDITOR IN CHIEF
Halimah binti Che Hassan

EDITOR
Dr. Mohd Zuhir Bin Abd Rahman
Dr. Alias bin Mat Saad
Wan Muna Ruzanna bt. Wan Mohammad
Ahmad Razimi bin Mat Lazim
Kamisah Binti Salikin
Isdawati bt. Ismail
Narizan bt. Abdullah

DESIGNER
Kamisah Binti Salikin
Narizan bt. Abdullah
Suzana Binti Ithnain
Azalinda binti Mat Saad

KATA ALU-ALUAN PENGARAH POLITEKNIK NILAI

.

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته *dan Salam Sejahtera*

Limpahan syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya Seminar RISE2014 anjuran Politeknik Nilai, Negeri Sembilan buat julung kalinya ini berjaya diadakan di bawah kelolaan Unit Penyelidikan dan Inovasi.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas kepada pihak penganjur atas daya usaha menganjurkan seminar RISE2014 yang bertemakan "Kecemerlangan Pendidikan melalui Kelestarian Penyelidikan dan Inovasi " ini. Turut tidak dilupakan, ucapan tahniah dan syabas juga ditujukan buat semua pembentang dan pengkaji yang telah bertungkus-lumus menjalankan kajian dan penyelidikan.

Seperti kita sedia maklum, cabaran dan perubahan lanskap pengajian tinggi amatlah dinamik dan perlu ditangani dengan bijaksana. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kita melihat timbulnya keprihatinan yang lebih tinggi orang ramai akan kepentingan pengajian tinggi untuk pengukuhan ekonomi, pengembangan sosio-budaya dan pembangunan masa depan masyarakat, yang pada asasnya bermula dari penguasaan ilmu seseorang individu. dalam era perkembangan ilmu yang pesat, penghasilan inovasi serta tahap interaksi pada peringkat global yang tinggi, kita perlu memikirkan bagaimana sistem pengajian tinggi dapat dapat menyumbang kepada pembangunan negara sekaligus memantapkan tahap persaingan global Malaysia. Lebih penting, fungsi baharu institusi pengajian tinggi dalam merakyatkan ilmu memerlukan perubahan paradigma yang akan memberi kesan kepada cara kita berfikir, mengatur strategi dan beroperasi. Justeru itu, adalah diharapkan melalui RISE2014 ini dapat menerapkan budaya penyelidikan melalui pembentangan dan penulisan yang dikongsi bersama.

Saya yakin kajian yang memerlukan ketelitian yang terperinci ini memerlukan komitmen dan tahap disiplin yang tinggi bagi memastikan bagi memastikan dapatan kajian menepati disiplin kajian yang ditetapkan. Atas usaha yang bersungguh-sungguh ini saya sekali mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua para pembentang dan peserta yang terlibat. Justeru, besarlah harapan saya agar seminar RISE2014 ini dapat diteruskan dengan mengambil penyertaan pelbagai pihak dan dapat dijadikan platform untuk berkongsi ilmu bagi membangunkan modal insan dan jati diri pelajar-pelajar.

Akhir kata, semoga RISE2014 yang bertemakan "Kecemerlangan Pendidikan melalui Kelestarian Penyelidikan dan Inovasi" ini menjadi titik permulaan bagi melebarkan agenda penyelidikan ke arah memberikan impak yang tinggi dalam arus perkembangan pendidikan masakini khususnya dan untuk masa-masa akan datang.

Sekian. Terima Kasih.

TAJUDDIN BIN ABDUL RASHID
Pengarah
Politeknik Nila

KATA ALU-ALUAN KETUA UNIT PENYELIDIKAN DAN INOVASI

.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته *dan Salam Sejahtera*

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w., ahli keluarga dan para sahabat baginda sekalian.

Seminar "RISE 2014" yang dianjurkan ini adalah satu wacana lisan bersifat interaksional dan proses komunikasi bagi penyebaran ilmu dan maklumat daripada hasil penyelidikan. Sebagai kelompok institusi utama sektor pengajian dan latihan teknikal negara, politeknik adalah peneraju pembangunan modal insan dalam sektor ini. Aktiviti penyelidikan dan inovasi adalah satu pilihan tindakan strategik yang tepat kerana dapat mengeksploitasi maklumat yang ada melalui saluran untuk penjanaan ilmu baharu bagi penambahbaikan dalam pelbagai segi operasi pembangunan modal insan teknikal yang berilmu pengetahuan.

Pembangunan Politeknik Nilai Negeri Sembilan (PNS) adalah juga cetusan idea hasil kajian dua kumpulan pakar iaitu dari Education Australia melalui NCVER pada tahun 90an dan kajian kedua oleh pasukan Bank Dunia melalui kumpulan pakar antarabangsa CDC, Germany. Hasil kajian digunakan dalam perancangan strategik pembangunan sistem politeknik (petikan dari laporan "Long Term Master Plan", projek ESSP, Bank Dunia, April 2002). Dengan ini jelas penyelidikan memberi menafaat terutama dalam usaha untuk menentukan dasar dan polisi pelaksanaan sesuatu projek. dalam dunia akademik hari ini, pembudayaan penyelidikan adalah satu keperluan, bukan lagi satu pilihan. Selain memberi impak kepada persekitaran dan institusi dimana kita berada, penyelidikan menambah pengetahuan kendiri atau "personal knowledge" seperti yang kerap didapati dalam penulisan oleh cendekiawan terkenal seperti Ibnu Khaldun dan Polanyi. Pendedahan kepada penyelidikan membawa kepada kecemerlangan akademik yang boleh membantu dalam mencapai visi, misi dan objektif institusi

dalam penganjuran seminar "RISE 2014" yang ulung ini, penyertaan begitu menggalakkan dan adalah menjadi hasrat kami untuk menjadikan aktiviti penyelidikan, inovasi dan penulisan sebagai aktiviti berterusan. Melalui seminar seperti ini, penyelidik berpeluang untuk berkongsi hasil usaha mereka disamping memperoleh maklumbalas yang berguna untuk terus menambahbaik hasil kajian yang lepas. PNS melalui UPI berhasrat untuk berusaha menyediakan platform seperti ini sebagai batu loncatan kepada pembudayaan penyelidikan yang lebih mapan. Selaras dengan hasrat dan hala tuju Transformasi Politeknik untuk membina keupayaan politeknik bagi membangunkan sumber manusia negara untuk memenuhi keperluan Model Baharu Ekonomi (MBE), penekanan kepada keupayaan inovasi dan kreativiti adalah satu keperluan.

Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih kepada pihak PNS, pembentang, peserta dan semua pihak yang bekerjasama menjayakan penganjuran seminar "RISE 2014". Adalah diharapkan anda semua memperoleh sesuatu pengalaman yang penuh bermanfaat dan memperoleh ilmu yang berguna bagi penerusan usaha dalam apa jua bidang saudara saudari sekalian.

Selamat Membudayakan Penyelidikan Demi Kecemerlangan Akademik

HAJJAH HALIMAH BT CHE HASSAN
Ketua Unit Penyelidikan dan Inovasi
Politeknik Nilai Negeri Sembilan

TABLE OF CONTENT

Kajian Pengaruh Keadilan Prosedur Terhadap Hubungan Penyertaan Belanjawan Dan Regangan Belanjawan

Ku Ahmisuhaiti Ku Ahmad[1], Harziah Ahmad Hanif[2]
Jabatan Perdagangan, Politeknik Port Dickson
KM14, Jalan Pantai 71050 Si Rusa, Port Dickson
[1]ahmisuhaiti@polipd.edu.my, [2]harziah@1govuc.gov.my

Kata Kunci : Penyertaan Belanjawan, Keadilan Prosedur, Regangan Belanjawan, Industri Hotel

Abstrak. Kajian ini dijalankan bagi menguji pengaruh penyertaan belanjawan para pengurus hotel terhadap regangan belanjawan. Bersesuaian dengan teori agensi yang mengatakan individu dijangka bertindak untuk kepentingan diri sendiri, adalah dijangkakan pengurus melakukan regangan belanjawan semasa penyertaan belanjawan bagi mencapai matlamat diri sendiri. Kajian ini turut melihat kesan keadilan prosedur sebagai pembolehubah pemoderat terhadap hubungannya dengan penyertaan belanjawan dan regangan belanjawan. Keadilan prosedur dianggap sebagai pemoderat kerana apabila penilaian prestasi pengurus tidak dilakukan secara adil, dijangka pengurus bertindak mementingkan diri sendiri dengan menambahkan eleman regangan di dalam belanjawan yang disediakan. Kutipan data adalah melalui soalselidik dengan responden kajian terdiri daripada 163 orang pengurus hotel yang berdaftar dengan Persatuan Hotel Malaysia (MAH). Data dianalisis melalui teknik regresi. Penemuan kajian membuktikan penyertaan belanjawan mempunyai hubungan yang positif terhadap regangan belanjawan. Selain itu, analisis regresi berhierarki mendapati keadilan prosedur merupakan faktor pemoderat bagi hubungan di antara penyertaan belanjawan dan regangan belanjawan. Hasil kajian ini memberikan implikasi kepada pihak pengurusan bahawa penyertaan belanjawan merupakan peluang bagi berlakunya regangan belanjawan. Namun keadaan ini mampu dikawal sekiranya keadilan prosedur di tempat kerja dapat ditingkatkan.

Pengenalan

Belanjawan merupakan elemen penting sistem kawalan pengurusan (SKP) dalam organisasi. Ia digunakan secara meluas sebagai alat perancangan dan kawalan (Nik Nazli et al. 2003; Uyar & Bilgin 2011). Hubungan antara perancangan dan kawalan adalah saling berkaitan di antara satu sama lain kerana perancangan menetapkan garis panduan bagi tindakan yang akan diambil dan kawalan pula akan memastikan bahawa tindakan yang diambil selari dengan apa yang dirancangkan (Aizzat et al. 2006). Oleh itu, pihak pengurusan mendapat manfaat daripada kegunaan belanjawan tersebut kerana membolehkan setiap apa yang dilaksanakan adalah mengikut apa yang dirancang serta membolehkan tindakan pengurus dipantau dan dijadikan piawaian untuk membandingkan prestasi kerja. Selain itu, belanjawan turut digunakan sebagai alat penentu prestasi (Steed & Gu 2009). Oleh itu, belanjawan mempunyai kesan langsung kepada gelagat pengurus kerana mereka akan berasa puas hati apabila sasaran dapat dicapai, sebaliknya merasa tertekan dan gelisah apabila tidak dapat mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Keadaan ini menyebabkan pengurus berkecenderungan untuk melakukan regangan belanjawan (Douglas & Wier 2000; Shayuti & Maliah 2007) bagi membolehkan mereka mencapai sasaran belanjawan dengan mudah seterusnya memperoleh ganjaran.

Regangan belanjawan adalah merujuk kepada keadaan pengurus-pengurus berkecenderungan untuk mengurangnyata hasil atau menambahnyata kos yang diperlukan semasa penyediaan belanjawan (Pascal & Carla 2013; Yuen 2004) bagi memudahkan mereka mendapat ganjaran apabila sasaran belanjawan berjaya dicapai. Dengan usaha yang sedikit, mereka senang mencapai sasaran belanjawan yang telah ditetapkan, seolah-olah mereka telah menunjukkan prestasi kerja yang baik seterusnya menerima ganjaran pengurusan. Kehadiran regangan belanjawan yang sebegini memberikan kesan yang negatif kepada organisasi kerana ia secara tidak langsung menjejaskan kebolehpercayaan sesuatu maklumat (Dunk & Perera 1997; Pascal & Carla 2013). Selain itu, dengan kehadiran regangan belanjawan yang bersifat negatif ini dikhuatiri akan menjejaskan fungsi SKP yang sepatutnya membantu proses merancang dan mengawal pengurusan kewangan organisasi. Amalan regangan belanjawan ini seterusnya akan menyebabkan kepincangan dalam SKP serta menjadikannya tidak efektif. Oleh itu, aspek gelagat pengurus dalam sistem belanjawan haruslah difahami sepenuhnya untuk menangani kesan negatif yang timbul akibat interaksi manusia dalam sistem belanjawan (Siegel & Marconi 1989).

Kajian mengenai regangan belanjawan bukanlah sesuatu yang baru dalam kajian perakaunan pengurusan kerana telah banyak kajian yang dijalankan (Maiga & Jacobs 2007; Stede 2000; Yuen 2004). Namun begitu, kajian mengenai regangan belanjawan ini masih lagi mendapat perhatian para pengkaji kerana isu yang masih diperdebatkan ialah berkaitan faktor yang mempengaruhi wujudnya regangan belanjawan tersebut selain hasil kajian yang tidak konsisten. Dengan mengenalpasti dan memahami faktor yang menyumbang kepada kewujudan regangan belanjawan, maka kawalan terhadap gelagat pengurus dapat dilakukan dengan berkesan seterusnya melancarkan fungsi-fungsi pengurusan iaitu merancang, mengawal dan menilai prestasi.

Pernyataan Masalah

Didapati 47% syarikat di Malaysia mengalami sekurang-kurangnya satu kes memanipulasikan maklumat kewangan dengan alasan mengejar kemewahan hidup atau tamak dan masalah kewangan peribadi (KPMG 2009). Masalah ini memberikan indikasi kemungkinan pengurus-pengurus melakukan regangan belanjawan dengan tujuan memudahkan mereka mencapai belanjawan yang disediakan, seterusnya mendapat ganjaran pengurusan. Kemungkinan berlakunya regangan belanjawan adalah tinggi jika penilaian prestasi pengurus dibuat berdasarkan pencapaian belanjawan yang disediakan. Situasi ini berlaku dalam industri perhotelan kerana salah satu cara terbaik untuk menilai prestasi pengurus adalah melalui pencapaian sasaran belanjawan (Jones 2008; Uyar & Bilgin 2010) iaitu pengukur prestasi yang berbentuk kewangan. Pengurus akan turut sama terlibat menyediakan belanjawan dan kemudian prestasi mereka dinilai berdasarkan pencapaian belanjawan yang disasarkan tersebut. Permasalahan kajian ini ialah, adakah penyertaan belanjawan dan keadilan prosedur mempengaruhi tindakan melakukan regangan belanjawan di kalangan pengurus-pengurus industri perhotelan?

Objektif Kajian

Objektif kajian ini secara umumnya adalah untuk mendapatkan bukti empirikal tentang hubungan antara penyertaan belanjawan dan keadilan prosedur terhadap regangan belanjawan. Secara khusus kajian ini bertujuan untuk :

a) Menilai kesan penyertaan belanjawan terhadap regangan belanjawan;
b) Menilai pengaruh keadilan prosedur terhadap hubungan antara penyertaan belanjawan dan regangan belanjawan;

Persoalan Kajian

Berpandukan kepada objektif kajian yang dinyatakan, maka persoalan kajian yang ingin dijawab dalam kajian ini adalah :

a) Adakah penyertaan belanjawan mempengaruhi tindakan pengurus untuk melakukan regangan belanjawan ?
b) Adakah keadilan prosedur mempengaruhi hubungan di antara penyertaan belanjawan dan regangan belanjawan?

Tinjauan Kajian Lepas

Kajian mengenai regangan belanjawan bukanlah sesuatu yang baru dalam kajian perakaunan pengurusan kerana telah banyak kajian yang dijalankan (Maiga & Jacobs 2007; Stede 2000; Yuen 2004). Namun begitu, kajian mengenai regangan belanjawan ini masih lagi mendapat perhatian para pengkaji kerana isu yang masih diperdebatkan ialah berkaitan faktor yang mempengaruhi wujudnya regangan belanjawan tersebut selain hasil kajian yang tidak konsisten (Maiga & Jacobs 2007; Yuen 2004).

Penyertaan belanjawan merupakan faktor penentu regangan belanjawan yang sering digunakan. Namun begitu hubungan di antara penyertaan belanjawan dan regangan belanjawan menunjukkan hasil yang tidak konsisten. Terdapat kajian mendapati apabila pekerja diberikan peluang untuk menyertai proses menetapkan belanjawan maka mereka lebih menghargai peluang yang diberikan seterusnya memberikan komitmen untuk mencapai sasaran belanjawan yang mereka sendiri tetapkan. Ini membawa kepada pengurangan tindakan melakukan regangan (Fisher et al. 2000; Dunk & Perera 1997). Namun begitu terdapat juga kajian yang mendapati sebaliknya kerana dengan penyertaan belanjawan ia membuka peluang kepada pengurus menyumbang maklumat yang mengandungi elemen regangan. Ini membawa kepada maksud semakin besar penglibatan pengurus di dalam penyertaan belanjawan, semakin tinggi regangan belanjawan yang akan dilakukan (Shayuti & Maliah 2007; Young 1985).

Menurut Pascal dan Carla (2013), persepsi keadilan di kalangan anggota organisasi dapat mengurangkan gelagat untuk melakukan regangan belanjawan dan manipulasi data. Tindakan tidak beretika seperti regangan belanjawan dan manipulasi data terjadi disebabkan oleh ketidakadilan sistem belanjawan yang dibentuk dan dilaksanakan di dalam sesebuah organisasi. Bagi mengurangkan tindakan tidak beretika ini, persepsi keadilan dalam sistem belanjawan perlu ditingkatkan bagi mengurangkan regangan belanjawan dan manipulasi data. Pascal dan Carla (2013) menyatakan terdapat tiga dimensi keadilan organisasi yang wujud dalam sistem belanjawan iaitu keadilan pengagihan, keadilan prosedur dan keadilan interaksi. Dimensi-dimensi ini ditakrifkan sebagai :

a) Keadilan pengagihan - merujuk kepada keadilan semasa proses perlaksanaan belanjawan. Keadilan pengagihan bermaksud pihak atasan perlu menentukan kaedah pengagihan sumber organisasi walaupun terhad secara saksama kepada pengurus bawahan mereka (Colquitt 2001). Sumber merujuk kepada pembahagian tugas atau peranan, gaji, kenaikan pangkat dan ganjaran. Pengurus akan melihat bagaimanakah perlaksanaan pengagihan sumber dalam organisasi serta membandingkannya dengan sumber yang diperoleh oleh pengurus yang lain. Hasil daripada perbandingan ini akan mempengaruhi individu untuk meningkatkan atau mengurangkan usaha atau mengubah persepsi mereka terhadap hasil yang bakal diperoleh. Oleh itu organisasi perlu bersedia memberikan ganjaran yang berhak diterima oleh pengurus apabila didapati layak untuk menerimanya.

b) Keadilan prosedur - merupakan satu bentuk keadilan dalam perlaksanaan sesuatu prosedur contohnya prosedur pelaksanaan belanjawan dan prosedur penilaian prestasi di mana keadilan dilihat apabila organisasi membuka peluang kepada pengurus untuk turut serta dalam membuat sesuatu keputusan berkaitannya (Konovsky 2000). Apabila pengurus dilibatkan dalam penyelesaian sesuatu masalah, diberikan ruang dan peluang untuk menyuarakan pendapat serta mengemukakan alternatif ke atas tindakan yang diambil, maka mereka akan beranggapan bahawa terdapat keadilan prosedur yang diamalkan di dalam organisasi.

c) Keadilan interaksi - wujud apabila pengurus menerima layanan dan penjelasan mengenai perlaksanaan sesuatu prosedur (Colquitt 2001). Semasa perlaksanaan proses belanjawan, pengurus akan berinteraksi dengan ketua, berunding sasaran belanjawan yang ingin dicapai serta menilai prestasi belanjawan yang telah dilaksanakan. Layanan dianggap adil jika ketua melaksanakan keputusan dengan memaklumkan kepada mereka serta memberikan penjelasan yang cukup berkenaan dengan keseluruhan sistem belanjawan tersebut. Sebaliknya, kegagalan ketua untuk melaksanakan keadilan interaksi menimbulkan rasa terasing, konflik, merendahkan motivasi pengurus, ketegangan dan kebimbangan di tempat kerja.

Di Malaysia, kajian berkaitan regangan belanjawan dimulakan oleh Nik Nazli et al. (2003). Kajian mereka melihat dari aspek teknikal amalan belanjawan di Malaysia secara menyeluruh dan membandingkannya dengan United Kingdom dan New Zealand. Hasil kajian mendapati tiada perbezaan amalan belanjawan di Malaysia berbanding dua negara tersebut. Walau bagaimanapun regangan belanjawan di Malaysia adalah tinggi (58%) berbanding United Kingdom (23%) dan New Zealand (27%).

Kajian seterusnya di Malaysia telah dilakukan oleh Shayuti dan Maliah (2007). Ini bagi mendapatkan bukti empirikal apakah faktor penentu yang menyebabkan amalan regangan belanjawan yang tinggi di Malaysia. Responden kajian terdiri daripada pengurus-pengurus syarikat Korea yang bertapak di Malaysia. Kajian ini melihat faktor penekanan belanjawan, penyertaan belanjawan, sistem pengesanan regangan dalam organisasi, budaya individualisme serta faktor agama sebagai penentu kepada kecenderungan melakukan regangan belanjawan di Malaysia. Hasil kajian menunjukkan hanya penyertaan belanjawan dan penekanan belanjawan yang mempengaruhi regangan belanjawan sebaliknya faktor lain tidak memberi kesan. Data statistik ini turut disokong oleh maklumat daripada temu ramah dan maklumat penyata kewangan syarikat, di mana sebarang varian yang berlaku tidak dipertanggungjawabkan kepada pengurus tersebut jika mereka mempunyai justifikasi mengenainya. Hasil temu ramah juga menunjukkan pengurus akan diberikan ganjaran jika mencapai sasaran yang ditetapkan. Dengan kata lain, mereka akan melakukan regangan belanjawan dengan membuat sasaran belanjawan yang mudah dicapai supaya memperoleh ganjaran. Secara tidak langsung hasil temu ramah dan maklumat penyata kewangan turut menyokong bahawa faktor penyertaan belanjawan dan penekanan belanjawan mempunyai hubungan yang positif terhadap regangan belanjawan.

Model Kajian

Secara keseluruhannya kajian ini menggunakan teori agensi sebagai asas pembentukan model kajian. Teori agensi menjelaskan hubungan antara dua pihak iaitu pihak agen dan pihak prinsipal di mana agen tersebut akan melaksanakan tugas bagi pihak prinsipal (Jensen & Meckling 1976).

Berdasarkan teori agensi, penyertaan pengurus di dalam penyertaan belanjawan akan memberikan peluang kepada mereka melakukan regangan belanjawan. Tindakan ini dilakukan bagi mencapai matlamat diri sendiri seperti mendapatkan ganjaran iaitu hasil daripada tercapainya sasaran belanjawan tersebut. Pengurus yang mempunyai persepsi keadilan prosedur yang tinggi akan menunjukkan gelagat yang positif seperti meningkatkan komitmen terhadap organisasi, kepuasan bekerja dan meningkatkan prestasi. Sebaliknya jika persepsi pengurus terhadap keadilan prosedur adalah rendah, pengurus akan memperlihatkan gelagat yang negatif seperti melakukan regangan belanjawan. Oleh itu, regangan belanjawan semakin bertambah apabila disertai dengan keadilan prosedur yang rendah.

Berdasarkan teori yang dinyatakan, maka terbentuk model dalam kajian ini seperti yang ditunjukkan dalam Gambarajah 1.

GAMBARAJAH 1 – MODEL KAJIAN



Pembentukan Hipotesis Kajian

a) **Penyertaan Belanjawan dan Regangan Belanjawan**

Kajian ini menjangkakan regangan belanjawan mempunyai hubungan yang positif dengan penyertaan belanjawan. Bersesuaian teori agensi, setiap agen dijangka bertindak mementingkan diri sendiri serta cuba memaksimakan kekayaan dan bersikap inovatif untuk mencapainya. Pengurus sebagai agen akan cuba mencapai matlamat mereka dengan pelbagai cara di antaranya akan memasukkan elemen regangan di dalam belanjawan yang mereka sediakan apabila terlibat di dalam dalam proses penyertaan belanjawan bagi menunjukkan prestasi yang baik. Selari dengan hujah ini, Lukka (1988), Shayuti dan Maliah (2007) mendapati jika penglibatan pengurus semasa penetapan belanjawan adalah tinggi, maka peluang regangan belanjawan semakin tinggi untuk dilakukan kerana pengurus akan berusaha untuk mendapatkan ganjaran iaitu dengan melakukan regangan belanjawan tersebut. Mereka mendapati pengurus yang menyertai penyertaan belanjawan akan memanipulasikan keadaan tersebut dengan menetapkan sasaran belanjawan yang mudah dicapai. Pemahaman ini membawa kepada pembentukan hipotesis berikut :

H1 : Penyertaan belanjawan berhubungan secara positif dengan regangan belanjawan.

b) **Penyertaan Belanjawan, Keadilan Prosedur Yang Rendah dan Regangan Belanjawan**

Pengurus akan berpandangan wujud keadilan prosedur jika mereka meyakini seluruh proses menilai prestasi pengurus dilaksanakan dengan adil, mereka diberikan peluang untuk mengkomunikasikan maklum balas berkaitan prestasi kerja dan penentuan ganjaran. Jika terdapat unsur-unsur keadilan semasa proses penilaian prestasi ini, maka pengurus akan lebih bermotivasi untuk melakukan kerja dengan baik serta menunjukkan komitmen yang tinggi terhadap kerja (Sholihin & Pike 2009).
Kajian Staley dan Magner (2007) mendapati bahawa persepsi keadilan prosedur akan meningkatkan kepercayaan kepada ketua. Rasa kepercayaan ini meningkatkan komitmen pengurus terhadap sasaran belanjawan di mana pengurus menghargai peluang yang diberikan kepada untuk turut sama terlibat di dalam penyertaan belanjawan ini.
Selaras dengan teori agensi, kajian ini menjangkakan pengurus akan melakukan regangan belanjawan jika persepsi keadilan prosedur pengurus terhadap ketua adalah rendah. Oleh itu, hipotesis kedua dibentuk seperti berikut :

H2 : Keadilan prosedur yang rendah mempunyai pengaruh yang positif terhadap hubungan di antara penyertaan belanjawan dan regangan belanjawan.

Definisi Pembolehubah

Terdapat tiga pembolehubah yang dikaji dalam kajian ini iaitu, penyertaan belanjawan (pembolehubah bebas), regangan belanjawan (pembolehubah bersandar) dan keadilan prosedur (pembolehubah pemoderat).

a) Penyertaan Belanjawan
   Penyertaan belanjawan adalah sejauh mana penyertaan pengurus dalam penyusunan belanjawan pada pusat tanggungjawab yang diuruskan oleh mereka (Milani 1975).

b) Regangan Belanjawan
   Regangan belanjawan adalah tindakan sengaja mengurangnyata hasil dan kemampuan produktif dan ataupun menambahnyatakan belanja atau sumber dalam proses penetapan belanjawan. Tindakan ini menyebabkan sasaran belanjawan mudah untuk dicapai (Dunk & Nouri 1998).

c) Keadilan Prosedur
   Keadilan prosedur adalah persepsi pengurus terhadap keadilan pihak atasan berkaitan dengan proses penilaian prestasi, keadilan dari segi peluang yang diberikan kepada pengurus untuk memberi maklumbalas terhadap penilaian prestasi yang telah dibuat serta persepsi keadilan terhadap penentuan ganjaran (McFarlin & Sweeney 1992).

Metodologi Kajian

Bagi kajian ini, unit pemerhatian kajian ialah pengurus-pengurus bahagian di hotel-hotel kerana mereka terlibat di dalam proses penyediaan belanjawan serta bertanggungjawab terhadap belanjawan di bahagian masing-masing (Subramaniam et al. 2002). Maklumat didapati melalui pengedaran soal selidik secara pos. Data dikutip melalui kaji selidik kerana kajian ini melibatkan maklumat yang berkaitan dengan pendapat individu dan juga aspek gelagat manusia.

Kerangka persampelan diambil daripada senarai direktori hotel-hotel yang berdaftar dengan Persatuan Hotel Malaysia. Pemilihan hotel-hotel adalah berdasarkan kategori hotel yang dikelaskan sebagai tiga bintang ke atas di dalam direktori tersebut. Ini adalah kerana hotel yang dikategorikan tiga bintang ke atas merupakan hotel yang besar di mana Sharma (2002) menyatakan faktor saiz mempengaruhi ciri-ciri sistem belanjawan yang dibentuk di hotel. Hotel yang bersaiz besar menggunakan belanjawan sebagai panduan operasi dan mempunyai sistem kawalan dalaman yang formal.

Didapati terdapat 522 buah hotel yang berdaftar dengan MAH, namun begitu cuma 353 sahaja yang memenuhi kriteria 3 bintang ke atas. Selain itu, hotel yang dipilih perlulah mempunyai pekerja melebihi 100 orang kerana pada kebiasaannya bagi hotel yang mempunyai pekerja kurang 100 orang, para pengurus mungkin tidak mempunyai kejelasan tanggungjawab pada bahagiannya (Dunk 1993). Berdasarkan tinjauan awal iaitu hasil temu duga ringkas ke atas beberapa pengurus bahagian di hotel-hotel, didapati kebanyakan hotel melibatkan 5 orang pengurus semasa penyediaan belanjawan. Oleh itu, jumlah populasi pengurus bagi hotel yang termasuk di dalam rangka persampelan adalah 1,765 orang (andaian 5 pengurus bagi setiap hotel daripada 353 buah hotel yang memenuhi kriteria kerangka persampelan). Berdasarkan jadual penentuan saiz sampel dari populasi (Sekaran 2006), sampel yang dicadangkan bagi populasi kajian ini adalah seramai 317 orang pengurus. Dengan ini, sejumlah 350 soal selidik telah dikirim kepada pengurus-pengurus hotel yang terlibat di dalam penyediaan belanjawan di hotel-hotel yang dijadikan sampel.

Kaedah pemilihan hotel adalah secara rawak dengan menyenaraikan 353 buah hotel yang terpilih (tiga bintang ke atas) ke dalam Microsoft Excel. Setiap hotel kelima dalam senarai dipilih sebagai sampel. Dengan ini 70 buah hotel telah dipilih di mana setiap sebuah hotel akan menerima 5 borang soal selidik. Secara keseluruhannya, menjadikan jumlah soal selidik yang dihantar kepada responden ialah 350 (70 hotel x andaian 5 orang pengurus yang terlibat).

Pengukuran Pembolehubah

Pembolehubah dalam kajian ini diukur dengan menggunakan instrumen yang sedia ada dan telah digunakan secara meluas oleh para penyelidik-penyelidik lepas.

a) Penyertaan Belanjawan

Penyertaan belanjawan diukur menggunakan instrumen 6 item, skala Likert 5 yang dicadangkan oleh Milani (1975). Skala 1 mewakili tahap penyertaan yang rendah manakala skala 5 mewakili tahap penyertaan yang tinggi.

b) Regangan Belanjawan

Kajian ini menggunakan instrumen yang dibina oleh Stede (2000). Terdapat 5 soalan di bahagian ini di mana empat soalan menggunakan pengukuran skala Likert 5. Soalan yang diukur menggunakan skala Likert 5 adalah berkaitan soalan yang meminta persetujuan responden dengan kenyataan yang diberikan iaitu kepentingan penekanan mencapai sasaran belanjawan. Nilai 1 merujuk kepada “sangat tidak bersetuju” manakala nilai 5 merujuk kepada “amat bersetuju”.

c) Keadilan Prosedur

Bagi menguji keadilan prosedur, responden diminta menyatakan persepsi mereka terhadap tahap keadilan prosedur yang digunakan untuk menilai prestasi dan penentuan ganjaran. Kajian ini menggunakan instrumen yang dicadangkan oleh McFarlin dan Sweeney (1992). Instrumen ini diukur menggunakan skala Likert 5 dan mempunyai 4 item soalan. Skala 1 mewakili “amat tidak adil” iaitu persepsi ketidakadilan di dalam penilaian prosedur, manakala 5 mewakili “amat adil” iaitu persepsi keadilan di dalam penilaian prosedur.

Teknik Analisis Statistik

Program SPSS 18 digunakan untuk menganalisis data. Terdapat tiga peringkat analisis yang telah dijalankan. Peringkat pertama adalah analisis deskriptif bagi mendapatkan maklumat tentang latar belakang responden kajian. Peringkat kedua adalah ujian kebolehpercayaan data bagi menguji kekonsistenan jawapan bagi setiap jawapan dalam soal selidik. Ujian ini dilakukan dengan melihat nilai cronbach alpha. Peringkat ketiga adalah pengujian hipotesis yang terdiri daripada ujian regresi ringkas bagi menguji hipotesis 1 (H1) dan ujian regresi berhierarki bagi menguji hipotesis 2 (H2).

Dapatan dan Perbincangan

Sejumlah 350 soal selidik telah dihantar secara rawak kepada 70 buah hotel yang dikategorikan sebagai tiga bintang ke atas yang tersenarai di dalam laman sesawang Persatuan Hotel Malaysia (MAH). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 171 soal selidik (49%) telah dipulangkan kembali kepada penyelidik. Walaupun begitu, didapati hanya 163 buah hotel sahaja (47%) yang mempunyai pekerja melebihi 100 orang dan sesuai dijadikan responden kajian.

Profil Responden

Pengkaji menganalisis profil responden bagi mengetahui latar belakang responden. Lampiran 1 menunjukkan ringkasan profil responden kajian. Kesimpulan yang dapat dibuat adalah responden terdiri daripada 50.3% pengurus pertengahan, 34.4% pengurus bawahan, 8.6% penyelia dan 6.7% mewakili pengurus atasan. Ini menunjukkan pengurus bawahan dan pertengahan secara majoritinya lebih banyak terlibat di dalam aktiviti penetapan belanjawan. 56.4% responden kajian ini adalah lelaki manakala 43.6% adalah pekerja wanita. Keadaan ini menunjukkan pengurus yang terlibat di dalam penyediaan belanjawan tidak didominasi oleh mana-mana jantina kerana peratusannya tidak jauh berbeza.

Analisis Kebolehpercayaan Data

Kebolehpercayaan data dinilai dari segi konsistensinya. Soal selidik boleh dipercayai jika jawapan responden terhadap soal selidik adalah konsisten dan boleh dilihat dengan merujuk kepada nilai cronbach alpha. Adalah didapati nilai cronbach alpha penyertaan belanjawan sebanyak 0.80, keadilan prosedur sebanyak 0.91 dan regangan belanjawan sebanyak 0.85.Dengan ini menunjukkan bahawa semua pembolehubah boleh dipercayai dan konsisten kerana nilai cronbach alpha melebihi 0.6. Sekiranya nilai alpha yang ditunjukkan melebihi 0.6, maka skala yang digunakan untuk mengukur pembolehubah tersebut mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi (Hair et al. 2010). Jadual 1 menunjukkan nilai cronbach alpha bagi semua pemboleh ubah.

Jadual 1 Ujian Kebolehpercayaan Data

Pembolehubah	**Bilangan Item**	**Cronbach alpha**
Penyertaan belanjawan	6	0.80
Keadilan prosedur	4	0.91
Regangan belanjawan	5	0.85

Analisis Hubungan Penyertaan Belanjawan dan Regangan Belanjawan

Analisis ini dilakukan dengan menggunakan analisis regresi ringkas di mana pemboleh ubah bebas adalah penyertaan belanjawan dan pemboleh ubah bersandar adalah regangan belanjawan. Hipotesis pertama kajian menyatakan penyertaan belanjawan berpengaruh secara positif terhadap regangan belanjawan. Jadual 2 menunjukkan nilai R^2 adalah 0.131 yang membawa kepada pemahaman penyertaan belanjawan dapat menjelaskan regangan belanjawan sebanyak 13.1%. Selain itu, didapati nilai kebarangkalian (*p*) adalah signifikan ke atas regangan belanjawan pada tahap $p< 0.01$. Nilai β (0.363) yang merujuk kepada kesan penyertaan belanjawan ke atas regangan belanjawan adalah positif dan selari dengan arah jangkaan hipotesis. Oleh itu, hipotesis 1 diterima. Hasil lengkap kajian ditunjukkan di dalam Lampiran 2.

Jadual 2 Hasil Ujian Hipotesis 1

Pemboleh ubah	**koefisien (β)**	**Nilai-t**	**Nilai *p*(sig.)**
Penyertaan belanjawan	0.363	4.937	0.000

R^2 = 0.131, R^2 terlaras = 0.126, n = 163, $F_{1,163}$= 24.371 (p=0.000)

Analisis Pengaruh Keadilan Prosedur Terhadap Hubungan Penyertaan Belanjawan dan Regangan Belanjawan

Hipotesis kedua menjangkakan bahawa keadilan prosedur yang rendah mempunyai pengaruh yang positif terhadap hubungan di antara penyertaan belanjawan dan regangan belanjawan. Jadual 3 menunjukkan ringkasan hasil pengujian hipotesis. Penilaian terhadap model mendapati R^2 meningkat dalam setiap langkah. Didapati juga model secara keseluruhan adalah signifikan [$F_{3,163}$ = 10.708, p < 0.0005]. Untuk keputusan yang lebih meyakinkan bahawa keadilan prosedur yang rendah merupakan faktor pemoderat bagi hubungan di antara penyertaan belanjawan dan regangan belanjawan, penilaian terhadap nilai interaksi turut dilihat. Didapati nilai koefisien interaksi antara penyertaan belanjawan dan keadilan prosedur yang rendah turut signifikan pada tahap 0.05 (β=0.049, p=0.035). Pengaruh ini adalah positif seperti dijangka, oleh itu hipotesis 2 diterima. Hasil lengkap pengujian hipotesis 2 ditunjukkan di Lampiran 3.

Jadual 3 Hasil Ujian Hipotesis 2

	Model 1	**Model 2** **Koefisien (β)**	**Model 3**
PU Bebas : Penyertaan Belanjawan (PB)	.363**	.345**	.244**
PU Pemoderat : Keadilan Prosedur (KP)		.115	.365**
PU Interaksi : PB *x* KP			.298*
R^2	.131	.144	.168
Perubahan R^2	.131	.013	.024
Perubahan F	24.371	13.493	10.708

Signifikan perubahan F	0.000	0.000	0.000

** : signifikan pada 0.01
* : signifikan pada 0.05

Kesimpulan Kajian

a) Hubungan Langsung Penyertaan Belanjawan dan Regangan Belanjawan

Analisis regresi ringkas yang dilakukan terhadap pengujian hipotesis 1 mendapati bahawa penyertaan belanjawan mempengaruhi secara positif regangan belanjawan. Ini menunjukkan bahawa penglibatan pengurus semasa penyediaan belanjawan memberikan kesan yang signifikan terhadap regangan belanjawan. Penemuan ini menyokong kajian yang dilakukan oleh Shayuti dan Maliah (2007) di mana mereka mendapati faktor penyertaan belanjawan merupakan salah satu faktor penentu regangan belanjawan di Malaysia.

Pengujian hipotesis 1 membuktikan penyertaan belanjawan mempengaruhi tindakan melakukan regangan belanjawan sebanyak 13.1 peratus. Walaupun ia hanya mampu menjelaskan hanya 13.1 peratus dan pengaruhnya adalah lemah tetapi ia masih bersesuaian dengan teori agensi iaitu pengurus sebagai agen akan bertindak mementingkan diri sendiri. Tindakan melakukan regangan membolehkan mereka mendapat ganjaran pengurusan dengan mudah.

b) Pengaruh Keadilan Prosedur Yang Rendah Terhadap Hubungan Penyertaan Belanjawan dan Regangan Belanjawan

Jangkaan hubungan ini disokong apabila hasil kajian mendapati terdapat peningkatan dalam hubungan penyertaan belanjawan dan regangan belanjawan apabila disertai keadilan prosedur yang rendah. Ia dikukuhkan lagi dengan nilai interaksi positif yang signifikan di antara penyertaan belanjawan dan keadilan prosedur yang rendah dengan regangan belanjawan. Penemuan kajian turut menyokong keadilan prosedur adalah pemoderat ke atas hubungan antara penyertaan belanjawan dan regangan belanjawan. Ia dapat memperjelaskan hujah kepada hubungan lemah yang wujud di antara penyertaan belanjawan dan regangan belanjawan (13%) tetapi apabila disertai dengan keadilan prosedur yang rendah, faktor regangan belanjawan turut meningkat (14.4%). Oleh itu, peranan keadilan prosedur sebagai pemoderat di dalam kajian ini disokong. Ini bermaksud keadilan prosedur yang rendah menggalakkan lagi berlakunya regangan belanjawan. Kajian ini selari dengan pendapat Dunk (1993) bahawa faktor penyertaan belanjawan sahaja tidak menjadi penyebab berlakunya regangan belanjawan sebaliknya terdapat faktor lain yang mendorong tindakan tersebut dilakukan.

Selain itu, hasil kajian ini mendapati persepsi keadilan prosedur yang rendah mempunyai pengaruh terhadap tindakan melakukan regangan belanjawan pengurus-pengurus hotel. Ini dibuktikan dengan nilai positif yang signifikan (0.168) bagi hubungan korelasi di antara keadilan prosedur yang rendah dan regangan belanjawan. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Maiga dan Jacobs (2007) bahawa faktor keadilan mempengaruhi tindakan seseorang pengurus perhotelan melakukan regangan belanjawan. Kajian mereka mendapati keadilan akan meningkatkan komitmen pengurus terhadap belanjawan yang disediakan, oleh itu secara tidak langsung akan mengurangkan regangan belanjawan. Dapat disimpulkan bahawa persepsi keadilan prosedur dalam sesebuah organisasi mempunyai pengaruh terhadap gelagat pengurus. Pada tahap keadilan yang tinggi, pengurus cenderung melakukan gelagat yang positif manakala pada tahap keadilan yang rendah, pengurus cenderung melakukan gelagat yang negatif.

Implikasi Kajian

Penemuan kajian ini memberikan sumbangan penting terhadap teori dan praktikal. Dari aspek teori, ia dilihat daripada pengukuhan teori yang digunakan dan penemuan bukti empirikal tambahan. Berdasarkan teori agensi yang digunakan, penemuan kajian menyokong penemuan lepas yang berjaya membuktikan penyertaan pengurus semasa penyediaan belanjawan akan meningkatkan regangan belanjawan disebabkan pengurus mempunyai matlamat meningkatkan kekayaan diri sendiri. Pengurus sebagai agen akan berusaha meningkatkan kekayaan sendiri dengan pelbagai cara termasuklah melakukan regangan belanjawan. Penglibatan semasa proses penyediakan belanjawan membolehkan pengurus hotel memasukkan elemen regangan dengan memberikan maklumat yang kurang tepat. Usaha ini dilakukan kerana penilaian prestasi pengurus-pengurus hotel adalah berdasarkan pencapaian sasaran belanjawan. Oleh itu, pengurus hotel sebagai agen akan memanipulasikan maklumat yang ada padanya semasa penyediaan belanjawan tersebut kerana dengan melakukan regangan belanjawan ianya menunjukkan seolah-olah mempunyai prestasi yang baik yang akhirnya membolehkan mereka mendapat ganjaran. Penemuan ini adalah selari dengan Young (1985) dan Shayuti dan Maliah (2007) seterusnya berjaya menyokong teori tersebut.

Selain itu, hasil kajian juga turut mengketengahkan kepentingan persekitaran kerja mampu mempengaruhi tingkahlaku pengurus. Hasil kajian mendapati keadilan prosedur yang rendah akan meningkatkan lagi regangan belanjawan yang akan dilakukan. Ini turut bersesuaian dengan teori agensi bahawa pengurus hotel sebagai agen akan bertindak mementingkan diri sendiri berbanding mengutamakan kepentingan organisasi. Penilaian prosedur yang rendah merujuk kepada persepsi prosedur penilaian prestasi yang kurang adil di kalangan pengurus-pengurus hotel berkenaan. Disebabkan penilaian prestasi merupakan sesuatu yang penting dan menjadi titik tolak motivasi dalaman untuk melaksanakan kerja, maka pengurus hotel lebih cenderung bertindak memaksimakan kekayaan diri sendiri. Dengan ini, diharapkan pihak pengurusan di hotel-hotel dapat meningkatkan lagi persepsi keadilan prosedur terhadap amalan pengurusan mereka iaitu dengan cara memberikan peluang kepada pekerja untuk membincangkan penilaian prestasi, penentuan ganjaran dan kenaikan pengkat. Selain itu, proses penilaian prestasi perlu diperbaiki bagi mencerminkan keadilan prosedur itu sendiri. Oleh itu, organisasi perlu memahami cara yang sebaiknya bagaimana untuk meningkatkan persepsi keadilan prosedur supaya tindakan melakukan regangan dapat dikurangkan.

Batasan Kajian

Terdapat dua batasan yang telah dikenal pasti iaitu yang pertama berkaitan sampel hotel yang dipilih. Oleh sebab kajian ini hanya melibatkan sampel kajian yang terdiri daripada pengurus-pengurus sektor perhotelan, maka hasil kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada industri yang lain seperti perkilangan, kewangan dan lain-lain. Ini adalah kerana berteraskan perkhidmatan.

Batasan yang kedua adalah kajian ini dijalankan terhadap pengurus-pengurus hotel di Malaysia. Hasil kajian Nik Nazli et al. (2003) menunjukkan tahap regangan belanjawan adalah tinggi di Malaysia berbanding New Zealand dan United Kingdom. Jarak kuasa yang tinggi yang merupakan salah satu dimensi pengukuran budaya negara dikenal pasti sebagai faktor yang menjelaskan tahap regangan belanjawan yang tinggi di Malaysia. Oleh itu, hasil kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada negara yang berbeza budaya.

RUJUKAN

[1] Aizzat Mohd Nasurdin, Intan Osman & Zainal Ariffin Ahmad. 2006. *Pengantar Pengurusan*. Utusan Publications and distributors Sdn Bhd. Pusat Pengajian Jarak Jauh USM.

[2] Colquitt, J.A. 2001. On the dimensionality of organizational justice : a construct validation of measure. *Journal of Applied Psychology* 86 (3) : 386-400.

[3] Dunk, A.S. & Perera, H. 1997. The incidence of budgetary slack : a field study exploration. *Accounting, Auditing, Accountability Journal* 10(5): 649-664.

[4] Dunk, A.S. & Nouri, H. 1998. Antecedents of budgetary slack : a literature review and synthesis. *Journal of Accounting Literature* 17 : 72-96.

[5] Dunk, A.S. 1993. The Effect of Budget emphasis and information asymmetry on the relation between budget participation and slack. *The Accounting Review* 68 : 400-410.

[6] Douglas, P.C. & Wier, B. 2000. Integrating ethical dimensions into a model of budgetary slack creation. *Journal of Business Ethics* 28 : 267-277.

[7] Fisher, G.J., Fredericson, J.R., Peffer, S.A. 2000. The effect of information asymmetry on negotiated budgets : an empirical investigation. *Accounting, Oganizations and Society* 27 : 27-43.

[8] Hair, J.F.Jr., Anderson,R.E., Tatham,R.L. & Black, W.C. 2010. *Multivariate Data Analysis*. Ed ke-6. New Jersesy : prentice Hall, Inc.

[9] Jensen, M.C. & Meckling, W.H. 1976. Theory of the firm : Managerial behavior, agency costs and ownership structure. *Journal of Financial Economics* Vol 3, No. 4. Pp 305 – 369.

[10] Jones, T. 2008. Changes in hotel budgetary practice. *International Journal of Contemporary Hospitality Management* 20(4) : 428-444.

[11] Konovsky, M. 2000. Understanding procedural justice and its impact on business organizations. *Journal of Management* 26(3) : 489-511.

[12] KPMG. 2009. KPMG Malaysia Fraud Survey Report 2009. Kuala Lumpur.

[13] Lukka K. 1988. Budgetary Biasing in Organizations: Theoretical Framework and Empirical Evide*nce. Accounting, Organization and Society* 13(3) : pp 281-301.

[14] Maiga, A.S. & Jacobs, F.A. 2007. Budget Participation's Influence on Budget Slack : The Role of Fairness Perceptions, Trust and Goal Commitment. *Journal of Applied Management Accounting Research* 5 : 39-56.

[15] Maiga, A.S. & Jacobs, F.A. 2008. The moderating effect of manager's ethical judgement on the relationship between budget participation and budget slack. *Advances in Accounting* 23 : 113-145.

[16] McFarlin, D.B., & Sweeney, P.D. 1992. Distributive and Procedural justice as predictors of satisfaction with personal and organizational outcomes. *Academy of Management Journal* 35(3) : 347-357.

[17] Milani, K. 1975. The relationship of participation in budget setting to industrial supervisor performance and attitudes : A Field Study : *The Accounting Review* 50: 274-284.

[18] Nik Nazli Nik Mat, Maliah Sulaiman & Norhayati Mohd Alwi. 2003. Are Budget useful ? A Survey of Malaysian Companies. *Managerial Auditing Journal* 18(9) : 717-724.

[19] Pascal, L. & Carla, M. 2013. How can Management Control System fairness reduce managers unethical behaviours ?*Europeon Management Journal 31(3) : 209 – 222.*

[20] Sekaran, U. 2006. *Research Methods for Business. A Skill Building Approach.* 4th Edition. 4th Ed. Wiley India Pvt. Ltd.

[21] Siegel, G. & Marconi, H.R. 1989. *Behavioral Accounting*. Cincinnati. South Western Publishing Co.

[22] Sharma (2002). The differential effect of environment, size and structure on budget system characteristics in hotel. *Management Accounting Research* 13 :101-130.

[23] Shayuti Mohamad Adnan & Maliah Sulaiman. 2007. Organizational, cultural and religious factors of budgetary slack creation : empirical evidence from Malaysia. *International Review of Business Research* 3(3): 17-34.

[24] Sholihin, M & Pike, R. 2009. Fairness in performance evaluation and its behavioral consequences. *Accounting and Business Research* 39 (4) : 397-413.

[25] Staley, A. B. & Magner, N. C. 2007. Budgetary Fairness, Supervisory Trust, and the Propensity to Create Budgetary Slack: Testing a Social Exchange Model in a government budgeting context. *Advances in Accounting Behavioral Research* 10 : 159-182.

[26] Stede, W.A.V.D. 2000. The relationship between two consequences of budgetary controls : budgetary slack creation and managerial short term orientation. *Accounting, Organizations and Society* 25 : 609-622.

[27] Stede, E. & Gu, Z. 2009. Hotel management company forecasting and budgeting practices: a survey-based analysis. *International Journal of Contemporary Hospitality Management* 21(6) : 676 – 697.

[28] Subramaniam, N.; McManus, L. & Mia, L. 2002. Enhancing hotel managers' organisational commitment: an investigation of the impact of structure, need for achievement and participative budgeting. *International Journal Of Hospitality Management* 21 (4) : 303-320.

[29] Uyar, A. & Bilgin, N. 2011. Budgeting practices in the Turkish hospitality industry: an exploratory survey in the Antalya region. *International Journal of Hospitality Management 30(2): 398-408.*

[30] Young, S.M. 1985. Participative Budgeting : The Effect of Risk Aversion and Asymmetric Information on Budgetary Slack. *Journal of Accounting Research* 23: 829-842.

[31] Yuen, D.C.Y. 2004 . Goal Characteristics, Communicatios and Reward Systems and Managerial Propensity to Create Budgetary Slack. *Managerial Auditing Journal 19(4):* 517-532.

KEBERKESANAN ASAS LUKISAN KE ATAS PRESTASI MELUKIS DALAM KALANGAN PELAJAR PROGRAM DIPLOMA SENI BINA DI POLITEKNIK PORT DICKSON

Rohani Bte Mohd. Noor, Zarith Sofia Abu Zahari and
Nordiana Mohd. Nordin*
Politeknik Port Dickson
[1]rohani@polipd.edu.my, [2]zarith@polipd.edu.my and [3]ndiana@polipd.edu.my

ABSTRAK: Kajian ini bertujuan mengenal pasti keberkesanan asas lukisan ke atas prestasi melukis dalam kalangan pelajar-pelajar Program Diploma Seni Bina Disember 2013 di Politeknik Port Dickson Negeri Sembilan. Data dikumpulkan melalui soal selidik Profil (Demografi) pelajar dan penilaian hasil maujud yang dijalankan melalui kaedah eksperimen peringkat ujian pra dan ujian pasca ke atas 60 orang pelajar. Dua instrumen diberikan :

a) Senarai semak profil pelajar
b) Hasil maujud pelajar

Kajian menunjukkan bahawa prestasi pelajar (Lampiran : Kursus Asas Lukisan) yang telah dibentuk mempunyai pendekatan B.F. Skinner iaitu pengajaran terancang dan S. N. Postlewait (1969) iaitu konsep unit-unit kecil dalam satu modul. Bukti fizikal (hasil maujud) dikumpul dan dianalisa dengan menggunakan ujian T untuk membuat perbandingan hasil maujud semasa ujian pasca. Maklumat kemudian diproses dengan menggunakan pakej statistik untuk sains sosial (SPSS). Penemuan kajian telah menunjukkan peningkatan min markah n peringkat pra ujian dari 53.766 ke 60.966 semasa ujian pasca dijalankan dengan nilai sebanyak 5.701 adalah aras signifikan pada $p < .05$ jelas menunjukkan peningkatan prestasi telah berlaku.

Kata Kunci : Asas Lukisan, keberkesanan, dan hasil maujud.

PENGENALAN

Bidang pendidikan senibina bukanlah setakat memberi pengajaran dan pembelajaran untuk menghasilkan karya seni, malah mencakupi segala aspek kehidupan seharian manusia. Sejarah telah membuktikan bahawa secara disedari atau tidak manusia pada amnya telah terdidik dalam seni. Sehingga ke hari ini, seni bukan setakat menjadi mata pelajaran di peringkat sekolah, malah di institusi pengajian tinggi. Secara teori dan amali disiplin seni telah digunakan.Chapman dalam Shukor & Solihin (2000) mendapati bahawa tiga perkara perlu ditekankan, iaitu ekspresi dan tindak balas kendiri di dalam seni, karya warisan yang artistik dan peranan seni di dalam masyarakat atau persekitaran. Fakta lain yang penting mengenai disiplin dalam seni ialah memerlukan kemahiran yang cukup dan perlu difahami serta dipelajari.Pengaruh seni lukis barat dan nilai budayanya bermula apabila pengajaran pendidikan seni secara formal diajar di sekolah-sekolah di Malaysia yang diperkenalkan oleh penjajah Inggeris. Penang Free School di Pulau Pinang yang dibuka pada tahun 1816 telah menjadikan seni sebagai satu mata pelajaran yang diajar di situ. Dalam kurikulumnya, lukisan telah diperkenalkan kepada murid melalui pengajaran formal di bilik-bilik darjah.

Shukor & Solihin (2000) menegaskan bahawa globalisasi di dalam seni sememang tidak asing lagi sejak kewujudan sejarah seni klasik dan moden. Akan tetapi dengan kemunculan era baru dalam seni seperti seni moden dan pasca moden, menyebabkan kurikulum seni sentiasa bergolak dan tercabar di dalam arus pendidikan. Namun begitu nilai, budaya, rupa dan jiwa sesuatu hasil seni dan senimannya perlu terpelihara. Dengan itu keperluan kurikulum yang mantap dengan struktur disiplin yang kukuh amat penting demi mencapai hasil serta membuahkan kejayaan yang cemerlang di abad ini. Sebagai sebuah institusi (Politeknik) yang melatih bakal arkitek, adalah menjadi tanggungjawab pihak institusi mewujudkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan supaya ianya dapat membentuk kredibiliti diri pelajar sebagai arkitek yang berilmu dan berkemahiran.

LATAR BELAKANG MASALAH

Berdasarkan keputusan penilaian yang telah dibuat ke atas pelajar hampir 70 % pelajar Diploma Seni Bina Disember 2013, menunjukkan lemah dalam 3 aspek iaitu pengetahuan, kemahiran dan aplikasi lukisan dan juga ketidak lancaran dalam berkomunikasi dengan menggunakan laras senibina. Ini berkemungkinan di sebabkan tiada kelas 'Lukisan Asas' yang khas dijalankan secara formal semasa mereka di peringkat sekolah menengah. Persoalannya, apakah dengan hanya satu sesi temuduga dan menghasilkan dua lukisan dalam tempoh masa lima puluh minit sudah cukup untuk membuktikan bahawa pelajar-pelajar ini berkeupayaan dan berkebolehan melukis dengan baik? Melalui kajian ini juga akan menguatkan lagi pendapat berdasarkan kajian literatur yang mengatakan bahawa Lukisan Asas memerlukan kelas formal supaya pelajar dapat mempelajari lukisan dengan lebih berkesan. Kajian literatur akan dapat memberikan sedikit gambaran akan kepentingan dan keperluan lukisan sebagai satu bidang khusus, mahupun sebagai asas dalam proses menghasilkan karya seni. Justeru, lukisan bukanlah satu bidang sampingan seperti mana tanggapan dan amalan di sesetengah institusi pengajian tinggi.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk menentukan sama ada terdapat peningkatan prestasi melukis di kalangan responden kajian selepas asas lukisan diberi. Kajian ini juga dijalankan untuk memperkenalkan satu kaedah asas lukisan (Howard J. Smagula, 1993), dalam usaha untuk meningkatkan prestasi melukis di kalangan pelajar-pelajar Program Diploma Seni Bina di Politeknik Port Dickson. Melalui kursus ini beberapa unit konsep lukisan dan teknik asas melukis diperkenalkan. Dari penyelidikan ini diharap dapat memberi panduan kepada pihak lain untuk mencuba kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan dalam memperbaiki prestasi asas melukis pelajar-pelajar.

Kajian ini penting bagi mengenal pasti tahap keupayaan dan kebolehan melukis di kalangan pelajar-pelajar serta memberi idea kepada pihak penganjur untuk membentuk satu program pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan. Dengan kajian ini juga diharap akan membantu pelajar-pelajar Program Diploma Seni Bina (Politeknik Port Dickson) memperbaiki prestasi dan kemahiran asas lukisan yang mereka miliki. Anggapan optimis ini dibuat setelah melihat kelemahan (70%) yang terdapat pada kumpulan pelajar dari ambilan sebelum ini. Diharap kajian ini akan dapat membuka jalan bagi pihak lain untuk mendalami atau memperbaiki lagi Asas Lukisan dalam pengajaran dan pembelajaran.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini cuba menentukan sejauh mana keberkesanan asas lukisan dapat meningkatkan prestasi melukis pelajar Program Diploma Seni Bina (Politeknik Port Dickson). Secara khususnya kajian ini diharap akan dapat - Membuat perbandingan prestasi melukis sebelum dan selepas rawatan asas lukisan ke atas kumpulan pelajar Program Seni Bina.

PERSOALAN KAJIAN

Adakah terdapat peningkatan prestasi melukis yang signifikan selepas responden kajian diberi Asas Lukisan.

KAJIAN LITERATUR

Meninjau kembali sejarah seni secara ringkas, kita dapati bahawa manusia, seperti mana yang dinyatakan oleh sejarahwan seni, Gardner (1959) dalam bukunya *'Art Through The Ages'* menegaskan bahawa aktiviti melukis telah dipraktikkan sejak di zaman pra sejarah. Lukisan–lukisan di Gua Lascaux di Peranchis, Altamira di Sepanyol mahu pun di dinding–dinding piramid dalam tamadun kesenian Mesir adalah merupakan proses awal komunikasi secara visual. Kesan – kesan imajan ini adalah proses asas melukis untuk tujuan komunikasi. Menurut Smagula 1993, semenjak ujudnya masyarakat petani di zaman Mesir Purba sekitar 8,000 tahun sebelum masehi lagi, lukisan-lukisan menggunakan simbol-simbol bercirikan hieroglyfik telah digunakan sebagai alat komunikasi dan ia merupakan asas kepada tulisan. Pelukis-pelukis agung seperti Leonardo da Vinci, Michealangelo dan Albert Durer adalah antara yang mempraktikkan lukisan sebagai pendekatan asas seni dalam menghasilkan karya-karya mereka. Ini menunjukkan bahawa pengetahuan, kemahiran dan keupayaan melukis adalah asas kepada kecemerlangan mereka sebagai artis terulung (Raines, 1997).

Dohanos (1974), seorang ahli jawatan kuasa *'The Stamp Advisory Comitte'* mengatakan bahawa aktiviti melukis bersifat *' learning how to see and how to draw, as well as how the pencil can be use as a versatile graphite tools. For drawings is a tool that enables the artist to translate his ideas to form'.* Tanggapan masyarakat sering mengatakan bahawa kemahiran melukis itu adalah satu anugerah kepada insan yang istimewa. Namun, tanggapan itu tidaklah tepat kerana menurut Harrison (1998), melukis adalah seperti kita menulis, di mana kemahiran itu boleh dilatih dan dipelajari. Jika setiap orang itu bermotivasi, semua orang boleh belajar menguasai melukis dengan tepat.

Aggett (1992), menegaskan bahawa keupayaan menguasai pelbagai teknik adalah keperluan asas untuk membentuk kemahiran imaginatif dan kreativiti seseorang pelukis. Bagi beliau tidak ada jalan mudah selain daripada membuat latihan demi latihan untuk mempertingkatkan kemahiran melukis. Kenyataan ini juga disokong oleh Bell (1998) yang menegaskan bahawa dengan menggunakan pelbagai teknik dan bahan, pelukis akan dapat membentuk kemahiran melukis.

Menurut pengalaman Howard J. Smagula (1993) sebagai seorang pensyarah universiti selama lebih dua puluh tahun menegaskan :

> *'... have shown me that nothing is important to the student as actual drawing practice. In order to learn to draw, student must commit their vision to paper over and over again. Learning to draw, learning the basic information's about drawing, from basic exercise involving the study of the visual elements to more advance personal and creative applications'.*

Berdasarkan sorotan literatur di atas, jelaslah bahawa lukisan mempunyai peranan dan fungsi tertentu dalam dunia seni. Pertama, lukisan sebagai bidang pengkhususan yang mempunyai sejarah perkembangannya yang tersendiri. Kedua, sebagai bidang pengkhususan, lukisan mencabar keupayaan seseorang pelajar mahupun pensyarah senibina melihat dan bertindak balas terhadap alam dan kehidupan sekelilingnya, membentuk dan melahirkan ide, meluahkan perasaan dan keindividuannya, serta kebolehan mengeksploitasi dan mengaplikasikan bahan dan teknik. Ketiga, kebanyakkan pendapat, dan pandangan ilmiah manunjukkan bahawa kebolehan melukis bukanlah disebabkan bakat semata tetapi ianya boleh dikuasai dengan latihan teori dan praktikal. Akhir sekali, untuk meningkatkan kefahaman dan kepentingan lukisan yang begitu dinamik, sama ada dalam seni atau pendidikan, ianya hendaklah dimartabatkan dalam kurikulum. Hanya dengan tindakan yang komprehensif sahaja bidang ini akan dilihat penting. Dengan kefahaman demikian maka diharapkan prestasi pelajar-pelajar DSB ini akan menepati objektif Program Seni Bina sebagai :

> *"...to reach the educational objective through art, however a person must make and appreciate art. Thus the major goal of art education is the production of artists and connoisseurs".*
>
> (Lansing, 1971 dalam Ibrahim 2000)

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini pada asasnya adalah berdasarkan kepada modul rawatan 'Asas Lukisan'. Ianya bertujuan untuk mencuba satu kaedah rawatan 'Asas Lukisan' untuk meningkatkan prestasi melukis dalam kalangan pelajar Program Seni Bina di Politeknik Port Dickson, penyelidikan ini diharap akan dapat memberi panduan kepada pihak lain untuk mencuba kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan dalam memperbaiki prestasi. Bagi tujuan mendapatkan data beberapa prosedur digunakan dalam kajian ini. Penyelidik menggunakan kaedah eksperimen. Sampel kajian ialah 60 orang pelajar Disember 2013 yang mempunyai latar belakang yang sama. Ujian-pra dan Ujian Pasca juga dijalankan keatas kumpulan yang sama dengan arahan ujian yang sama. Selepas ujian-pra dijalankan, satu rawatan asas lukisan modul yang terdiri daripada beberapa unit kecil yang telah disusun mengikut aras berdasarkan pendekatan Smagula (1993) telah diberi (rujuk lampiran modul).

KERANGKA TEORI



TEORI

Di dalam kajian ini penyelidik mendapati bahawa teori penyebab (theory of causation : Collingwood,1940 ; Cook & Shadish, 1994) sesuai digunakan dalam kajian yang akan dijalankan. Kajian berbentuk eksperimentasi ini bertujuan untuk melihat keberkesanan rawatan asas lukisan yang digunakan ke atas sekumpulan responden. keberkesanannya ke atas eksperimentasi ini dijalankan dalam satu situasi yang telah ditetapkan iaitu di Politeknik Port Dickson. Perlaksanaan kajian ini adalah melalui empat peringkat iaitu :

I. Mereka bentuk (*design*) kajian
II. Manjalankan kajian
III. Menganalisa bukti-bukti kajian dan
IV. Membina rumusan, cadangan dan implikasinya.

Setiap langkah dalam metodologi adalah berdasarkan perbincangan yang berpandukan kajian literatur, dan diikuti dengan perbincangan yang diaplikasikan berdasarkan prosedur dalam cadangan kajian ini iaitu:

Membentuk protokol kajian:

a. mengenal pasti aras keperluan kemahiran
b. membentuk dan mengulas semula protokol kajian

Menjalankan kajian:

a. menyediakan koleksi data-data berkaitan
b. mengedarkan soal-selidik kepada responden
c. menjalankan ujian-pra
d. memberi rawatan asas lukisan
e. menjalankan ujian-pasca
f. menjalankan penilaian

Menganalisa bukti-bukti kajian kes

a. Likert scale 4 point untuk soal-selidik
b. strategi analisis Ujian T untuk hasil maujud

Membentuk satu rumusan, cadangan dan implikasi berdasarkan bukti yang terkumpul.

KONSEPTUAL MODEL



Rajah 1

INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian ini terdiri daripada 2 bahagian :

<u>Bahagian A : Profil responden</u>

Soal-selidik profil responden bertujuan untuk mendapatkan maklum-balas latar belakang responden kajian seperti jantina, umur, kelulusan akademik, kelulusan iktisas, pengalaman. Data juga boleh diperolehi dari sijil penyertaan kursus, rekod laporan prestasi, atau apa saja maklumat yang boleh dijadikan bahan bukti. Data ini bertujuan untuk menyokong bukti-bukti yang dikumpulkan untuk tujuan penyelidikan (Secondary sources).

<u>Bahagian B : Menentukan prestasi melukis responden</u>

Ujian-pra dijalankan berdasarkan pengalaman sedia ada pelajar dan ujian ini dijalankan pada minggu kedua semester satu iaitu selepas minggu orientasi dijalankan. Membentuk rumusan.cadangan dan implikasi. Satu rawatan diberi dengan menggunakan satu bentuk modul dan kemudian satu ujian- pasca diberi kepada responden yang sama. Hasil maujud itu kemudiannya dinilai dengan menggunakan kaedah pemarkahan yang telah ditetapkan.

Definisi Tugasan -

Tugasan ujian-pra :
Menghasilkan lukisan (aktiviti studio melihat objek sebenar). Di sini pelajar diberi peluang untuk melukis berpandukan objek sebenar. Dijalankan untuk mengumpul maklumat dari aspek aplikasi, pengetahuan, kemahiran pelajar dalam menghasilkan lukisan. Ujian-pra ini dijalankan tanpa sebarang input. Lukisan dibuat menggunakan pensel. Pensel supaya pelajar boleh mencuba mengolah kesan garisan yang pelbagai dan lebih berkesan untuk menghasilkan tekstura. Pelajar melukis berdasarkan pengalaman dan kemahiran sedia ada mereka. Semasa

pelajar melukis penyelidik hanya memantaukan tanpa memberi sebarang bimbingan. Di akhir ujian-pra, kesemua lukisan itu dikumpulkan untuk tujuan penilaian.

Tugasan ujian-pasca :

Ujian-pasca dijalankan selepas asas lukisan diberi kepada semua responden kajian. Arahan tugasan yang semasa ujian-pra dan ujian pasca telah diberi kepada responden kajian. Di akhir tugasan, hasil lukisan responden telah dikumpulkan untuk tujuan penilaian.
Kriteria Penilaian berpandukan nilai tara dan skima yang telah dimurni berdasarkan pendekatan Smagula (1993) dan Fieldmen (1984). (Sila rujuk kepada lampiran Penilaian hasil maujud). Keputusan dari kajian ini akan dibuat berdasarkan dapatan analisis dan data yang terkumpul. Keseluruhan analisis yang akan dibuat adalah merujuk kepada matlamat dan objektif kajian.

Kaedah Pemarkahan – *(Penilaian Hasil Maujud) :*

Hasil lukisan dari Ujian Pra dan Ujian Pasca dikumpulkan dan dinilai serentak tanpa mengasingkannya. Lukisan itu di kodkan menggunakan simbol oleh seorang pemantau luar (bukan AJK Penyelidikan) dan kemudian dinilai bersandarkan skema yang telah dimurnikan (Rajah 1). Nilai tara yang dibuat merupakan adaptasi dari skema penilaian Program Seni Bina yang telah dibuat mengikut aras pengetahuan aplikasi dan kemahiran berdasarkan modul Smagula (1993). Hasil dari penilaian itu akan dianalisa menggunakan Ujian T, untuk melihat perbezaan dari Ujian Pra dan Ujian Pasca. Lukisan-lukisan itu dikategorikan kepada nilai tara seperti dibawah :

1. Lukisan yang cemerlang : (80 – 100)
2. Lukisan yang baik : (60 – 79)
3. Lukisan yang sederhana : (40 – 59)
4. Lukisan yang lemah : (0 - 39)

Rubrik skala (penulis) Pengelasan Lukisan :

Tahap skala	Nilai Tara
Cemerlang	1. Pengetahuan asas dan prinsip lukisannya tepat. 2. Pengolahan nilai-nilai garisan, ton, jalinan, bentuk ruang jelas. 3. Mahir dalam penggunaan alat melukis. 4. cemerlang dalam menguasai teknik melukis.
Baik	1. Pengetahuan asas dan prinsip lukisannya jelas. 2. Dapat mengolah nilai-nilai garisan, ton, jalinan, bentuk, ruang dengan baik. 3. Penggunaan alat dan bahan melukis baik. 4. Berupaya menguasai teknik melukis dengan baik.

Sederhana	1. Penggunaan asas dan prinsip lukisannya sederhana. 2. Pengolahan nilai-nilai garisan, ton, jalinan, bentuk, ruang adalah sederhana. 3. Penggunaan alat dan bahan melukis sederhana. 4. Sederhana dalam penguasaan teknik melukis.
Lemah	1. Pengetahuan asas dan prinsip lukisannya lemah. 2. Pengolahan nilai-nilai garisan, ton, jalinan, bentuk, ruang adalah lemah. 3. Penggunaan pensil dengan alat melukis lemah. 4. Lemah dalam menguasai teknik melukis.

Sebelum Ujian Pasca dijalankan satu rawatan telah diberi kepada pelajar-pelajar tersebut. Untuk sesi asas lukisan telah merujuk kepada beberapa unit pengajaran dan pembelajaran (*Lesson Plan)* Kursus ini telah menggunakan cara pendekatan B.F. Skinner iaitu pengajaran terancang dan pendekatan S.N. Postlethwait (1969) iaitu konsep unit kecil (gabungan menjadi satu program pembelajaran).

Kursus Asas Lukisan -

Kursus Asas Lukisan untuk penyelidikan ini terdiri daripada 4 unit kecil yang disusun mengikut aras senang kepada susah *(from simple to complex*). Pendekatan ini dibuat berpandukan teori Howard J. Smagula (1993).

ASAS LUKISAN

UNIT 1: A. Pengenalan asas seni (4 jam)

B. Eksperimentasi garisan dengan pelbagai media (4 jam)

UNIT 2: Garisan *hatching* – pensel, charcoal (4 jam)

UNIT 3: Garisan *contour & cross contour* (4 jam)

UNIT 4: Garisan *criaroscuro – tonal value* (4 jam)

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian prestasi melukis responden sebelum rawatan diberi dan selepas rawatan berdasarkan kriteria hasil maujud dari segi :

a) Interpretasi Aktiviti
b) Aplikasi Asas-Asas Seni Reka
c) Kemahiran Alat dan Bahan
d) Eksplorasi Teknik
e) Kreativiti

Kajian juga menggunakan perbandingan kekerapan (frekuansi) dan peratusan dari segi skala pada tahap cemerlang, baik, sederhana dan lemah sebelum rawatan dan selepas rawatan asas lukisan diberi.

Perbandingan Prestasi Kerja Untuk Kriteria Interpretasi Aktiviti Ujian Pra dan Ujian Pasca :

Jadual 1
Perbandingan Prestasi Kerja Untuk Kriteria Interpretasi Aktiviti
Ujian Pra dan Ujian Pasca :

Kriteria	Ujian Pra	Ujian Pasca	Ujian t	
			t	P < .05
Interpretasi Aktiviti				
Min	10.9667	12.5000	5.806	.000 sig.
Sisihan Piwaian	2.3140	2.1589		

Jadual 1 menunjukkan terdapat perbezaan signifikan ($t = 5.806$; $p < .05$) antara min skor ujian pra (min = 10.9667) dan min skor ujian pasca (min = 12.5000) untuk kriteria Interpretasi Aktiviti. Ini menunjukkan penggunaan modul telah membawa kepada peningkatan prestasi kerja responden dalam kriteria ini.

Perbandingan Prestasi Kerja Untuk Kriteria Asas-Asas Seni Reka Ujian Pra dan Ujian Pasca :

Jadual 2
Perbandingan Prestasi Kerja Untuk Kriteria Asas-Asas Seni Reka
Ujian Pra dan Ujian Pasca :

Kriteria	Ujian Pra	Ujian Pasca	Ujian t	
			t	P < .05
Asas-Asas Seni Reka				
Min	10.8333	12.5000	6.047	.000 sig.
Sisihan Piwaian	2.3947	2.1901		

Jadual 2 menunjukkan terdapat perbezaan signifikan ($t = 6.047$; $p < .05$) antara min skor ujian pra (min = 10.8333) dan min skor ujian pasca (min = 12.3167) untuk kriteria Asas-Asas Seni Reka. Ini menunjukkan penggunaan modul telah membawa kepada peningkatan prestasi kerja responden dalam kriteria ASR.

Perbandingan Prestasi Kerja Untuk Kriteria Kemahiran Alat Dan Bahan Ujian Pra dan Ujian Pasca :

Jadual 3
Perbandingan Prestasi Kerja Untuk Kriteria Kemahiran Alat dan Bahan Ujian Pra dan Ujian Pasca :

Kriteria	Ujian Pra	Ujian Pasca	Ujian t	
			t	P < .05
Kemahiran Alat dan Bahan Min Sisihan Piwaian	 10.7500 2.3837	 12.2833 2.1636	- 5.259	.000 sig.

Jadual 3 menunjukkan terdapat perbezaan signifikan (t = - 5.259; p < .05) antara min skor ujian pra (min = 10.7500) dan min skor ujian pasca (min = 12.2833) untuk kriteria Kemahiran Alat dan Bahan. Ini menunjukkan penggunaan modul telah membawa kepada peningkatan prestasi kerja responden dalam kriteria ini.

Perbandingan Prestasi Kerja Untuk Kriteria Eksplorasi Teknik Ujian Pra dan Ujian Pasca :

Jadual 4
Perbandingan Prestasi Kerja Untuk Kriteria Eksplorasi Teknik Ujian Pra dan Ujian Pasca :

Kriteria	Ujian Pra	Ujian Pasca	Ujian t	
			t	P < .05
Kreativiti Min Sisihan Piwaian	 10.4833 2.4390	 11.8667 2.3468	4.301	.000 sig.

Jadual 4 menunjukkan terdapat perbezaan signifikan (t = 4.301 ; p < .05) antara min skor ujian pra (min = 10.4833) dan min skor ujian pasca (min = 11.8667) untuk kriteria Eksplorasi Teknik. Ini menunjukkan penggunaan modul telah membawa kepada peningkatan prestasi kerja responden dalam kriteria ini.

Perbandingan Prestasi Kerja Untuk Kriteria Kreativiti Ujian Pra dan Ujian Pasca :

Jadual 5
Perbandingan Prestasi Kerja Untuk Kriteria Kreativiti Ujian Pra dan Ujian Pasca :

Kriteria	Ujian Pra	Ujian Pasca	Ujian t	
			t	P < .05
Kreativiti Min Sisihan Piwaian	 10.8833 2.5184	 11.8667 2.3468	3.105	.000 sig.

Jadual 5 menunjukkan terdapat perbezaan signifikan ($t = 3.105$; $p < .05$) antara min skor ujian pra (min = 10.8833) dan min skor ujian pasca (min = 11.8667) untuk kriteria Kreativiti. Ini menunjukkan penggunaan modul telah membawa kepada peningkatan prestasi kerja responden dalam kriteria ini.

Rumusan:

Sebagai rumusan, data analisis ujian t membandingkan kriteria hasil maujud semasa ujian pra dan ujian pasca menunjukkan bahawa ada peningkatan didalam prestasi melukis pelajar selepas rawatan di beri. Pelajar didapati lebih berupaya menggunakan pengetahuan asas seni reka, mengeksplorasi teknik yang diajar dan berkemahiran menggunakan alat dan bahan serta kreatif semasa membuat lukisan dalam ujian pasca, ini bererti modul asas lukisan yang dijalankan telah memberikan kesan yang bermakna keatas hasil karya pelajar.

Perbandingan Kekerapan (Frekuansi) dan Peratusan Skor Ujian Pra dan Skor Ujian Pasca Mengikut Skala :

Analisis juga dijalankan untuk menentukan frekuansi dan peratusan bagi tahap skala cemerlang, baik, sederhana, dan lemah sebelum rawatan dan selepas rawatan asas lukisan diberi. Adalah di dapati bahawa 3 responden (5.0 %) sebelum rawatan, 2 responden (3.3 %) selepas rawatan di peringkat tahap cemerlang. Mereka ini telah menguasai pengetahuan asas dan prinsip lukisan dengan tepat, berjaya mengolah nilai-nilai dalam asas seni reka, mahir dalam penggunaan alat melukis dan cemerlang dalam menguasai teknik melukis. Ringkasan pengumpulan data adalah seperti di dalam Jadual 6. Data juga menunjukkan bahawa 15 responden (25%) sebelum asas lukisan, 32 responden (53.3%) selepas asas lukisan pada tahap baik. Ini menunjukkan peningkatan memuaskan berbanding tahap yang lain semasa ujian pasca dijalankan. Jelas disini berlaku peningkatan seramai 16 orang responden iaitu (9.6 %) meningkat dari tahap sederhana semasa ujian pra dilakukan. Ringkasan pengumpulan data adalah seperti di dalam Jadual 6.

Terdapat 42 responden (70%) sebelum rawatan, 26 responden (43%) selepas rawatan pada tahap sederhana dan diperingkat lemah tiada responden yang terlibat. Ini menunjukkan golongan sederhana telah berjaya dikurangkan dan meningkat ke tahap yang baik selepas rawatan diberi. Rumusan kajian ini memberi implikasi bahawa institut pengajian tinggi yang lain perlu menekankan asas lukisan pelajar kerana dapatan kajian menunjukkan ada perubahan berlaku apabila mereka diberikan rawatan mengikut kursus yang baik.

Jadual 6

Skor Ujian Pra dan Skor Ujian Pasca
Taburan Frekuansi dan Peratusan (n = 60)

	JUMLAH MARKAH	
	Ujian Pra 100%	**Ujian Pasca 100%**
Skala		

Cemerlang	**3** **5.0%**	**2** **3.3%**
Baik	**15** **25%**	**32** **53.3%**
Sederhana	**42** **70%**	**26** **43%**
Lemah	**0** **0%**	**0** **0%**
Sd	**11.6275**	**10.675**
Min	**11.6275**	**10.675**

Secara keseluruhannya skor jumlah min markah hasil maujud telah meningkat daripada skor min 53.7667 (SD = 11.6275) semasa ujian pra kepada 60.9667 (SD = 10.6275) selepas rawatan asas lukisan diberikan (rujuk jadual 7). Analisis statistik Ujian t mengesahkan bahawa dapatan ini adalah signifikan pada paras $p < 0.05$ ($t = 5.701$). Ini menjawab soalan kajian iaitu adakah terdapat peningkatan prestasi melukis yang signifikan selepas responden kajian diberi rawatan.

Jadual 7
Ujian t untuk Skor
Jumlah Min Markah Hasil Maujud Ujian Pra dan Ujian Pasca (n = 60)

Responden	Min Markah Jumlah Markah Ujian Pra	Min Markah Jumlah Markah Ujian Pasca	Ujian t	
			Nilai t	Aras Signifikan (2-tailed)
(n = 60) pelajar DSB	53.7667	60.9667	5.701	.000 sig.
Sisihan Piawaian (SD)	11.6275	10.6275		

Sisihan piawaian min : 9.7820, t : 5.701, df : 59, aras signifikan : .000

IMPLIKASI DAN RUMUSAN

Bahagian ini akan menerangkan tentang implikasi, rumusan serta cadangan kepada kajian yang telah dibuat. Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan kursus asas lukisan keatas prestasi melukis di kalangan responden. Keputusan kajian juga akan menentukan sama ada terdapat signifikasi peningkatan prestasi melukis selepas diberikan kepada responden.

IMPLIKASI KAJIAN

Smagula (1993) menegaskan bahawa pensyarah Seni Bina yang boleh menggunakan kriteria seperti menguasai interpretasi aktiviti, asas- asas seni reka, menggunakan alat-alat bahan seni serta menguasai eksplorasi pelbagai teknik melukis dan kreatif akan meningkatkan prestasi melukis para pelajar. Ia juga menegaskan bahawa manusia mempunyai potensi kreatif dan potensi ini perlu di perkembangkan dengan betul. Smagula (1993), berpendapat walaupun terdapat banyak perubahan dari segi teknologi dalam bidang rekabentuk dan grafik, lukisan yang menggunakan tangan masih menguasai imaginasi dan melukis itu sendiri perlu latihan untuk mewujudkan peningkatan prestasi. Analisa data dalam kajian ini telah menunjukkan bahawa keputusan ujian pra telah menunjukkan peningkatan semasa ujian pasca di jalankan iaitu setelah pelajar diberi latihan dalam bentuk modul unit-unit berdasarkan pendekatan Smagula (1993). Implikasi dari kajian ini adalah menunjukkan bakal-bakal guru seni memerlukan latihan dan pengetahuan yang mencukupi serta ianya dapat meningkatkan prestasi melukis pelajar. Satu sumbangan dari kajian ini mendapati lima kriteria dalam melukis merupakan ciri utama didalam sesuatu karya.

Dapatan kajian ini pada keseluruhannya menunjukkan peningkatan prestasi melukis pelajar semasa ujian pasca dilakukan menggambarkan rawatan Asas Lukisan telah berjaya memberi kemahiran, pengetahuan dan menggunakan kriteria seperti interpretasi aktiviti, asas-asas seni reka, penggunaan alat bahan seni, eksplorasi pelbagai teknik melukis dan kreativiti didalam menghasilkan sesuatu hasil kerja. Dapatan kajian ini diharap dapat memberi maklumat yang berguna untuk diaplikasikan oleh pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam sistem pendidikan hari ini. Suatu perancangan dan tindakan boleh diambil oleh pihak-pihak yang berkenaan bagi mengkaji semula kaedah, teknik dan pendekatan pengajaran dalam kursus asas lukisan supaya prestasi pelajar dapat dipertingkatkan dan dengan memberi penekanan kepada kemahiran dalam meningkatkan prestasi melukis pelajar.

CADANGAN KAJIAN

Kajian ini menyelidik keberkesanan Asas Lukisan didalam meningkatkan prestasi melukis pelajar yang menjadi bakal arkitek. Kajian lanjutan di perlukan untuk mencapai objektif-objektif lain, dimana sampel kajian ini dihadkan kepada PoliPd sahaja. Oleh itu dapatan kajian dan keputusan yang diperolehi daripada kajian ini mungkin tidak dapat di generalisasikan kepada semua guru seni di seluruh negara, kajian lanjutan perlu dilakukan keatas semua Politeknik, prosedur persampelan berlapis digunakan untuk memperolehi dapatan yang lebih lengkap dan menyeluruh. Kursus ini adalah merupakan kesinambungan dari peringkat pendidikan sekolah menengah, rendah dan pra sekolah. Maka adalah dicadangkan untuk menjalankan penyelidikan yang lebih menyeluruh ke atas pelajar dari politeknik agar satu dapatan lebih lengkap dapat diperolehi. Dapatan seperti ini dapat dijadikan panduan kepada kurikulum pada masa akan datang terutama kepada penggubal. Kursus Asas Lukisan ini berupaya memperolehi maklumat tentang kriteria-kriteria Asas Lukisan. Kursus yang lain perlu dibentuk kearah melihat peningkatan prestasi melukis dikalangan pelajar. Kajian ini akan dapat memberi gambaran benar sama ada pengajaran bermodul yang baik dapat meningkatkan prestasi pelajar.

Dapatan kajian ini memberi implikasi bahawa teknik dan cara telah berjaya ditingkatkan semasa ujian pasca . Menyedari kejayaan ini, maka kajian lanjutan yang berkaitan dengan seperti ini boleh dijalankan dalam bidang –bidang seni yang lain, agar strategi yang sesuai dapat dirancang dan dilaksanakan untuk memastikan mutu prestasi melukis berkualiti dan dapat dipertingkatkan. Kajian ini diharap akan membuka jalan kepada lain-lain usaha dalam menerokai bagaimana meningkatkan lagi prestasi melukis pelajar. Adalah diharap cadangan di atas dapat dijadikan pedoman awal bagi kajian-kajian yang akan dijalankan dalam konteks tempatan.

KESIMPULAN

Kajian ini telah mengenal pasti keberkesanan modul Asas Lukisan terhadap pelajar di PoliPD dalam prestasi melukis. Dapatan berikut telah di perolehi:

i) Pelajar telah meningkatkan prestasi melukis Asas Lukisan setelah diberi rawatan melalui modul asas lukisan melalui peningkatan keputusan hasil maujud semasa ujian di beri.

ii) Sebanyak lima kriteria yang digunakan untuk menilai hasil maujud yang di buat oleh pelajar, criteria tersebut adalah seperti berikut :

<u>Kriteria Hasil Maujud Asas Lukisan</u>

1. Interpretasi Aktiviti
2. Aplikasi Asas Seni Reka
3. Kemahiran Alat dan Bahan
4. Eksplorasi Teknik
5. Kreativiti

a. Terdapat perbezaan yang signifikan dari ujian pra dengan ujian pasca. Ujian Pasca adalah meningkat berbanding sebelum pelajar diberi sebarang asas tentang lukisan.
b. Dapatan menunjukkan kriteria asas-asas seni reka telah meningkat paling atas berbanding kriteria yang lain, ini bererti selepas pelajar diberi pengetahuan tentang Asas Lukisan dan kemahiran, kefahaman pelajar akan meningkatkan prestasi karya mereka.

BIBLIOGRAFI

Ariffine Jususoh (1978). Pendidikan Seni. Terengganu : Penerbit ‘Tinta Seni’ Seberang Takir.

Charles Harrison & Paul Wood, (1998). Art In Theory 1815 – 1900. Osford : Blackwell Pub.

Gardner, (1959). The Mind’s New Science. A History of Cognitive Revolution. New Yourk : Basic Books.

Howard J. Smagula (1993). Creative Drawing. New York : WCB Brown & Benchmark

Communications, Inc.
http.//www.nova.edu/ssss/QR/QR3-3/tellis2.html
(5 september 2001)
Ibrahim Hassan (2000). Pendidikan Seni : Suatu Pemikiran Semula. Kumpulan Esei Pilihan Pendidikan Seni dan Muzik Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
Ismail Faruki (1989). Atlas Kesenian Islam. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
Johnson,B. & Christensen,L (2000). *Educational Research. USA : Quantitative and*
Lansing K.M (1974). .*Art,Artist and Art Education*. New York : Mc Graw Hill Book Co.
Lansing, Kenneth M., (1971). Art, Artist and Art Education. New York : Mc Graw Hill, Books Company.
Lois Fichner-Ruthus (1994). Understanding Art. NJ : Prentice Hall
Mohd. Majid Konting (1993). Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
Muliyadi Mahamood (1993). Mendekati Seni Lukis dan Seni Reka. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
Osborn,H (1970). *The Art of Appreciations.* New York : Oxford Univercity Press.
Postlethwait, S. N. (1974). Forework In Russell, J. D. Modular Instruction/ Mineapolis, Minnesota : Burgess Pub. Co.
Sekaran U.(2000). *Research Methods for Business*. USA : John Wiley & Sons Inc.
Shukor & Solihin (2000). Model "Dicipline and Multiple Disipline in Visual art education" untuk pengajaran dan pembelajaran di Peringkat IPTS. Perak : kertas kerja *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Seni Visual 2000.*
Sidi Gazalba, Drs. (1977). Pandangan Islam tentang Kesenian. Kuala Lumpur : Pustaka Antara
Siti Zainon Ismail (1989). Percikan Seni. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Pustaka.
Tellis, W (1997). Application of a case Study Methodology.
Windstedt, R, (1947). The Malays – Acultural History. Singapore : Graham Brash (Pte) Ltd.

Penggunaan Khidmat Kaunseling Dalam Kalangan Pelajar Program Det Kejuruteraan Elektrik Di Politeknik Port Dickson

Rozana Abdullah[1], Suzeyhareda Abd Hamid[2] dan Elyani Abu Bakar[3]
Politeknik Port Dickson, Km 14, Jalan Pantai,
71050 Si Rusa, Port Dickson, Negeri Sembilan, Malaysia.
[1]rozana@polipd.edu.my, [2]suzeyhareda@polipd.edu.my, [3]elyani@polipd.edu.my

Katakunci: kaunseling, akademik, bimbingan

Abstrak: Kertas kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenalpasti sejauh mana pelajar program Diploma Kejuruteraan Elektrik (DET) hadir dan melibatkan diri dalam Unit Kaunseling di Politeknik Port Dickson yang mana berperanan sebagai tempat rujukan yang mana membantu prestasi pelajar dari segi akademik dan sahsiah. Responden kajian ini terdiri daripada 150 orang pelajar Diploma Kejuruteraan Elektrik (DET) dari semester satu hingga semester enam. Kaedah kajian yang dibuat adalah menggunakan borang soal selidik dan temubual secara rawak. Dapatan yang diperolehi menunjukkan prestasi akademik pelajar yang hadir mendapatkan maklumat dari unit kaunseling sangat baik. Mereka yang pernah mendapat khidmat ini berpuas hati dengan kelancaran dan persekitaran semasa sesi bimbingan dan kaunseling dan pelajar mengakui bahawa sesi bimbingan dan kaunseling yang dihadiri telah meningkatkan motivasi diri mereka.

Pengenalan.

Politeknik merupakan salah satu gedung institusi pendidikan Malaysia dalam melahirkan modal insan untuk memenuhi pasaran global menjelang tahun 2020. Rata-rata khidmat kaunseling wujud di setiap organisasi pendidikan yang ada di Malaysia. Kewujudan khidmat kaunseling ini memainkan peranan yang agak besar dalam membentuk perjalanan pelajar khususnya di politeknik dalam melengkapkan tempoh pengajian selama enam semester dengan jayanya. Menurut Fadilah Zaini & Maisarah Ishak (2006) Setiap individu juga tidak dapat lari daripada berhadapan dengan pelbagai kesulitan dan masalah yang membelenggu kehidupan seharian. Masalah keluarga, pelajaran, kewangan dan hubungan interpersonal kerapkali mengganggu seseorang untuk melaksanakan tanggungjawab mereka dengan sebaik mungkin [1]. Oleh yang demikian penyelidik berminat untuk mengetahui punca mengapa hanya 25% sahaja daripada 150 orang pelajar program Diploma Kejuruteraan Elektrik (DET) yang hadir dan mendapatkan khidmat kaunseling samada secara sukarela atau melalui surat arahan yang diberikan. Responden kajian adalah terdiri 150 orang pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik program Diploma Kejuruteraan Elektrik (DET) Politeknik Port Dickson.

Berdasarkan pemerhatian berkala, pengkaji terpanggil untuk mengetahui alasan mengapa pelajar kurang berjumpa kaunselor bagi menyelesaikan masalah yang mereka hadapi. Pengkaji telah sedia maklum bahawa kebanyakan pelajar mengalami masalah seperti 30% tidak hadir kelas, 20% ada masalah sosial dan 20% masalah sahsiah dan 30% lain lain hal. Dapatan ini diperolehi hasil maklumbalas pensyarah Kejuruteraan Elektrik di Politeknik Port Dickson. Ini bertepatan dengan kenyataan Krumboltz (George & Kristianni, 1990), yang mana menyatakan kaunseling merangkumi aktiviti-aktiviti yang beretika yang dilakukan oleh pihak kaunseling dalam usaha membantu pelanggan menyelesaikan sesuatu masalah dengan melibatkan diri secara efektif supaya menghasilkan penyelesian kepada masalah pelanggan [2].

Metodologi Kajian

Proses pengumpulan data dilakukan melalui kaedah kuantitatif (soal selidik) dan kaedah kualitatif (pemerhatian) selama enam minggu dengan sasaran penglibatan 150 orang pelajar dari semester 1 sehingga semester 6 program Diploma Kejuruteraan Elektrik (DET). Hasil maklumbalas direkod dan dianalisa dalam bentuk graf. Instrumen pemerhatian ini meliputi beberapa senarai semak tentang sikap,dan pandangan pelajar semasa ke unit Kaunseling. Diakhir kajian ini ianya diharapkan dapat meningkatkan kesedaran pelajar tentang kepentingan khidmat kaunseling dalam membantu meningkatkan proses pembelajaran.

Dapatan dan Cadangan Kajian

Analisis data daripada soal selidik yang telah dijalankan mendapati bahawa punca masalah pelajar program Diploma Kejuruteraan Elektrik (DET) Politeknik Port Dickson tidak menggunakan khidmat kaunseling adalah sepertimana Rajah 1(a) dan Rajah 1(b) berikut.



Rajah 1 (a): Punca Masalah Pelajar

PETUNJUK
B1: Saya suka menghadiri Khidmat Kaunseling.
B2: Saya selalu mempunyai masalah.
B3: Saya suka Kaunselor.
B4: Saya takut berjumpa kaunselor.
B5: Saya teruja bila dipanggil oleh pihak kaunseling.
B6: Saya gemar menyertai aktiviti kaunseling.
B7: Saya suka mendengar motivasi khidmat kaunseling.
B8: Saya yakin dan bersemangat setelah ke Khidmat kaunseling.

Rajah 1 (b): Petunjuk punca masalah pelajar.

Berdasarkan rajah 1(b) di atas, terdapat lapan item yang diselidik bagi mengetahui punca masalah dalam kalangan pelajar program Diploma Kejuruteraan Elektrik (DET) yang tidak menggunakan khidmat kaunseling.

Item B1 iaitu suka menghadiri Kihdmat kaunseling menunjukkan 35% sahaja responden suka dan 65% lagi adalah tidak. Bagi item B2, didapati 75% responden mengakui ada masalah yang dihadapi dan 25% sahaja yang tidak. Manakala item 4 iaitu adakah takut berjumpa kaunselor menunjukkan rata- rata responden menyatakan Ya iaitu sebanyak 80% dan selebinya 20% lagi adalah tidak. Item B5 pula menunjukkan peratus teruja atau tidak teruja bila dipanggil oleh pihak kaunseling adalah sama iaitu 50%. Seterusnya Item B6 menunjukkan hanya 45% sahaja responden gemar menyertai aktiviti kaunseling yang dianjurkan dan 75% tidak gemar melibatkan diri. Manakala item B7, 60% responden suka mendengar motivasi khidmat kaunseling dan lebihan 40% lagi tidak. Item terakhir B8 menunjukkan 60% responden yakin dan bersemangat setelah ke khidmat kaunseling dan 40% responden tidak. Kesimpulannya dapatan sebenar dari punca yang dikaji menunjukkan bahawa peratus tertinggi pelajar program Diploma Kejuruteraan Elektrik (DET) Politeknik Port Dickson sebenarnya tidak mengenali secara mesra sisi seorang Kaunselor di politeknik Port Dickson kerana respon mereka menyatakan mereka takut untuk berjumpa kaunselor. Manakala dapatan dari kaedah temubual yang dijalankan secara bersemuka secara rawak dengan 50 orang didapati bahawa 47% pelajar berminat untuk hadir ke unit kaunseling. 60% mengakui ada masalah samada akademik atau sahsiah diri. 63% pelajar menyatakan mereka mengenali kaunselor Politeknik Port Dickson. 75% pelajar mengakui takut untuk berjumpa kaunselor. 90% pelajar setuju menyatakan Kuanseling dapat membantu menyelesaikan masalah mereka dan akhir sekali 85% pelajar setuju khidmat kaunseling memberi keyakinan dan semangat dalam diri mereka.

Berdasarkan analisa yang telah dijalankan, didapati antara punca utama kalangan pelajar program Diploma Kejuruteraan Elektrik (DET) Politeknik Port Dickson adalah disebabkan oleh responden takut untuk berjumpa kaunselor dan tidak gemar menyertai aktiviti kaunseling yang dianjurkan oleh pihak kaunseling. Hasil daripada analisa di atas, kami telah menjalankan beberapa tindakan untuk menggalakkan pelajar mengenali sisi sebenar seorang kaunselor di Politeknik Port Dickson dengan mewujudkan pelbagai aktiviti dan tindakan yang boleh mencambahkan kemesraan silaturahim antara kaunselor dan pelajar supaya lebih mesra dan seterusnya bemanfaat untuk kebaikan pelajar dari segi akademik dan sahsiah diri. Dengan ini kaunselor Politeknik Port Dickson perlu menarik minat pelajar dengan mewujudkan kempen bimbingan setiap semester bagi mendedahkan kebaikan Khidmat kaunseling kepada pelajar serta usaha pihak pensyarah kursus di dalam kelas. Tindakan yang dicadangkan ini selaras dengan kajian Sapora (2003), yang mana menyatakan bahawa pergerakan kelompok dalam proses kaunseling bergantung kepada kemahiran ketua untuk mengendalikan dan melibatkan ahli kelompok [3]. Justeru, Kaunselor Politeknik Port Dickson perlu melibatkan diri dengan aktiviti dengan pelajar dengan mengadakan pelbagai program bagi menarik perhatian pelajar secara lebih terbuka. Kaunselor sebagaimana menurut Paw Eng See, Noriah dan Salleh (2008) seorang kaunselor perlu memiliki perbagai teknik dan kemahiran agar dapat memberikan bimbingan yang terbaik kepada pelanggan mereka [4]. Malah menurut Myrick (2001) menyatakan kaunselor perlu mahir dalam kombinasi kaedah teori dan teknik semasa menjalankan sesi kaunseling [5]. Manakala menurut Cherrington (1994) pula, unsur-unsur utama yang menentukan kejayaan kumpulan adalah melibatkan keupayaan pemimpin untuk merancang, mengurus dan mengawal aktiviti kumpulannya [6].

Bagi permulaan pelaksanaan, tindakan ini telah dilaksanakan dalam tempoh 6 minggu terhadap pelajar didalam kelas pelajar program Dilpoma Kejuruteraan Elektrik (DET). Pensyarah kursus telah mengambil masa selama 10 minit di awal setiap waktu kuliah untuk memberikan motivasi dan nasihat dalam membina keyakinan dalam diri pelajar dengan mengalakkan pelajar ke unit khidmat kaunseling jika ada masalah.. Mereka yang bermasalah akan dipanggil untuk berbincang dan dibimbing oleh kaunselor dengan betul mengikut prosedur unit kaunseling di Politeknik Port Dickson. Dapat dilihat pelajar semakin peka tentang peranan unit kaunseling yang ada dalam membantu pengurusan akademik dan sahsiah diri pelajar itu sendiri. Hasil daripada tindakan penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh pensyarah kursus telah memberi impak yang positif dalam meningkatkan kefahaman responden terhadap khidmat kaunseling yang ada di institusi Politeknik Port Dickson.Tahap kesedaran tentang peranan sebenar kaunselor juga dilihat lebih terbuka apabila mula melibatkan diri dengan program yang dianjurkan oleh unit khidmat kaunseling. Mereka yang pernah mendapat khidmat ini berpuas hati dengan kelancaran dan persekitaran semasa sesi bimbingan dan kaunseling dan pelajar mengakui bahawa sesi bimbingan dan kaunseling yang dihadiri sebanyak telah memotivasikan diri mereka. Mereka juga dilihat semakin berani dan tidak teragak agak untuk hadir ke Unit kaunseling jika ada masalah. Beberapa cadangan untuk kajian seterusnya antaranya adalah seperti Kajian tingkahlaku dan sahsiah pelajar Program DET Politeknik Port Dickson,kajian keberkesanan kerjaya pelajar Program DET Politeknik Port Dickson dan kajian perspektif khidmat kaunseling dalam kalangan pelajar DET Politeknik Port Dickson.

Rumusan

Kesimpulannya, kajian ini amat berguna kepada pihak organisasi dalam usaha membantu mereka mengenalpasti kepentingan pelaksanaan kaunseling di organisasi. Ia juga dapat membantu kaunselor memahami peranan mereka dengan lebih jelas dalam menjalankan tugas mendidik serta membimbing para pelajar yang bermasalah. Persepsi pelajar terhadap peranan kaunselor juga dapat membantu mereka mengenalpasti kelemahan-kelemahan yang wujud sepanjang program kaunseling dijalankan. Oleh yang demikian, ubahlah persepsi anda terhadap perkhidmatan kaunseling dan juga sisi seorang kaunselor di institusi sendiri kerana seseorang yang berjumpa kaunselor tidak semestinya bermasalah manakala kaunselor pula sentiasa bersedia untuk membantu pelanggannya yang memerlukan bantuan bimbingan [7].

Rujukan

[1] Fadilah Zaini & Maisarah Ishak (2006), Peranan Kaunselor Dalam Pembangunan Pelajar : Kajian Kes Terhadap Kaunseling Kelompok di Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUKTEM),Kuantan, Pahang.

[2] Krumboltz, J.D. (1996). A second look at the revolution in counseling. *Journal of Personel and Guidance.*

[3] Sapora Sipon (2003). “Pengenalan Kaunseling Kelompok.” New York: McGraw Hill Education.

[4] Paw Eng See, Noriah Mohd Ishak & Salleh Amat. 2008. Lukisan sebagai proses diagnosis dan intervensi rawatan dalam sesi kaunseling. Jurnal PERKAMA, vol.14. hlm. 1-22. Kuala Lumpur: Persatuan Kaunseling Malaysia.

[5] Myrick, R. D. 2001. Bimbingan dan kaunseling perkembangan: Pendekatan yang praktis. Terj. Zuraidah Abd. Rahman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

[6] Cherrington, D. J. (1994). ‘Oraganization Behavior: The Management Of Individual And Organizational Performance.”London: Allyn and Bacon.

[7] Http://www.inspen.gov.my/inspen/akademik/peranan.html

Measuring Student Satisfaction towards Higher Education Institution Services: An Empirical Investigation from Port Dickson Polytechnic

Harziah Ahmad Hanif[1,a*] and Borhan Gaya[2,b]

[1]Commerce Department, Port Dickson Polytechnic, KM14 Jalan Pantai, 71050 Si Rusa, Port Dickson, Negeri Sembilan

[a*]harziah@1govuc.gov.my and [b]borhan@1govuc.gov.my

Keywords: Service quality, student satisfaction, teaching and learning, institution communication

Abstract. This study was conducted to examine the factors that influenced students' satisfaction towards higher education institution. This research aims to evaluate the service quality of a higher educational institute in Malaysia based on three independent variables, teaching and learning, institution life and institution communication. This study used quantitative survey method and data were collected using a set of structured questionnaire. The respondents involved were the students from a Port Dickson Polytechnic, Negeri Sembilan. Data were analyzed using reliability test, correlation and multiple regression analysis. The findings showed that student will be satisfied with the institution if they are satisfied with teaching and learning quality, get a better life from the services offered by institution and receive good institution communication. Among the three variables, this research shows the institution communication influence student satisfaction more than teaching and learning and life outside the courses. An important practical implication of this study recommending that institution need to put high effort to improve institution communication by increasing communication effectiveness, good scheduling of exams, effective problem-solving/complaint handling and ease of contact/access to staffs and management. These are important determinants for student satisfaction to achieve the institution goal for serving the high quality services. The recommendations were also provided for future research.

Introduction

In modern competitive environments services are gaining increasingly more importance in the competitive formula. Educational systems are becoming services for people. Higher education institutions are realising that they could be regarded as a business-like service industry and they are beginning to focus more on meeting or even exceeding the needs of their students. Williams and Cappuccini-Ansfield (2007) believe that the introduction of tuition fees will force universities to act as a "service provider" and be responsive to student requirements. Similarly, Rolfe (2002) maintains that the introduction of tuition fees may change "students' approach to education from that of a recipient of a free service to that of a "consumer". Further, Watson (2003) and Narasimhan (2001) maintain that fee-paying students may expect "value for money" and behave more like consumers. As students are increasingly seen as consumers of higher education services, their satisfaction should be important to institutions that want to recruit new students (Thomas and Galambos, 2004). Appleton-Knapp and Krentler (2006) suggest that students' satisfaction with their educational experience should be a desired outcome in addition to learning.

Winsted (2000) stated that service providers will only be able to deliver service encounters that will satisfy customers if they know what their customers want. If universities know how their students perceive the offered services, they may be able to adapt their services to a certain degree, which should have a positive impact on students' perceived service quality and their levels of satisfaction. Oldfield and Baron, (2000) maintain that "there is an inclination to view service quality in higher education from an organizational perspective". They suggest that institutions should better pay attention to what their students want instead of collecting "data based upon what the institution perceives its students find important". Academic administrators should focus on understanding the needs of their students, who are the specific and primary target audience. Similarly, Douglas and Douglas (2006) suggest that the "student experience and its improvement should be at the forefront of any monitoring of higher education quality". Finney and Finney (2010) stated that universities have to fulfil their students' needs by serving them with high quality education service because it is very important factor to attract and retain students.

In Malaysia, the Malaysian higher education sector has undergone substantial growth as a result of efforts taken by the Ministry of Education to expand the education industries. It is the government's long-term goal to make Malaysia a regional centre of excellence in education. The growth of higher education in Malaysia can be seen in several areas: increase in students' enrolment, increase in number of higher education institution, increase in government spending, additional government policies in promoting education and the country's continuous need for human resources.

One of the Malaysian public higher education institutions is the Malaysian Polytechnic. The Department of Polytechnic Education is committed to provide quality, efficient and customer friendly services to the highest level of objectivity, confidentiality, integrity and professionalism. Their main purpose is to breaking boundaries for the creation of transformative and learning environment for an innovation led economy and to be Malaysia's number one provider of innovative human capital through transformational education and training for the global workforce by 2015 (Abd. Wahab et al., 2010). This transformation requires changes in organizational working culture towards quality of high performance personnel. Through the introduction of transformation on education and training initiatives, polytechnic must sustain to be competitive in global education. Polytechnic has to focus to put high effort in giving their service quality.

Problem Statement

The increased public demand for tertiary education has led to higher education market becoming high competitive. Both, public and private higher education institutions are competing for student enrolment. The demand for the higher education services is increasing because of many factors such as reputation of the institution, future graduates' job prospects, nature of the institutions, lower costs, affiliation of the institutions, entry flexibility and institutions' campus environment (Ming J.S.K., 2010).

Competition has stressed the strategic importance of satisfaction and quality in the battle for winning consumer preferences and maintaining sustainable competitive advantages. Polytechnic must also take an action to compete with other institutions to attract students to choose polytechnic as institution to further their studies. Polytechnics have started to take some action such as advertise this institution through media, discussions with the industry to enhance the employability of students upon graduation, obtain certificates from MQA (Malaysian Qualifications Agency) and ISO (International Organization for Standardization) and improve facilities for students. After a number of actions taken by management and performed by the employees of the polytechnic, it is important to know the level of student satisfaction on the service provided. Service will not be successful if students are not satisfied with the service offered. To identified whether the polytechnic is now serving the quality services, students' satisfaction have to be measured. The problem statement of this study is, whether the student is satisfy with the service rendered by the Port Dickson Polytechnic?

1.2 Research Question

This research is expected to answer several questions that related to the service quality towards students' satisfaction.

i) Is there a positive relationship between teaching & learning and student satisfaction?

ii) Is there a positive relationship between institution life and student satisfaction?

iii) Is there a positive relationship between institution communication and student satisfaction?

Significant of Research

This study is relevant for the management of polytechnics to know the level of student satisfaction towards the quality of services offered in the polytechnics and further, give the opportunity to improve and enhance the quality of services.

LITERATURE REVIEW

Project skills are important in professional work, so by combining problem based learning (PBL) and project work student typically obtain a lot of qualifications and increase learning [3]. The importance of POPBL is undeniable due to future scenarios that learners have to face in their workplace as technical engineer; when they have to develop framework and design as an effort to solve real-world problems, exploring creatively the possible solutions and independently undergoes lifelong learning to cope with rapid changing engineering technologies nowadays [8]. In Denmark, one-hundred and twenty-five major engineering institutions and firms have given Aalborg University POPBL learning process the best grades in professional competences, technical competence, project management and creativity and innovative skills [3].

The process of implementing POPBL in this course is based on the basic principles of POPBL [1]; which can be summarized as:

- Student-centered and able to motivate and gain commitment among students
- Problem-oriented and not subject oriented
- Focus is more on learning process in finding solution rather than recall knowledge
- Project Based which has goal and action for change
- Exemplarity instead of generality
- Promote group work/team work, social and communication skills.

Sample in this experiment were 40 students currently enrolled at Mechanical Engineering Department. Based on the essence of POPBL, the framework (fig.1) used consist three main stages. During the onset stage, lecturer divides students in four people in a group. Each group consist both gender and multi race and a supervisor to help the student to be in track at all time. The students are also well aware of what is expected and when the assessments take places which it is in the executive stage. A post-mortem on how effective the POPBL on the student is done among the lecturers on the closure stage. An instrumentation are used to help the post-mortem.



Fig1: POPBL Framework Design

Instrumentation

In order to increase its validity and reliability, questionnaires for this study was partly developed by integrating the research objective, POPBL concept, and literature review. The questionnaires are designed to measure the three main perspectives to be achieved in the POPBL framework components, namely; i) problem solving, ii) team work and iii) collaborative learning; with a total of nine questions being asked to assess the students feedbacks on these three components. Based on the pilot test conducted on 15 students, the Alpha Cronbach obtained at 0.851. Respondent in this experiment were 40 students currently enrolled at Mechanical Engineering Department, Politeknik Nilai (PNS).

Result and Finding

Forty students have successfully participated in the survey at the end of the semester. Most of the questions which are mapped to the acquired criteria for the three POPBL components, are measured through five Likert scales: 1-Strongly disagree, 2-Disagree, 3-Undecided, 4-Agree, and 5-Strongly Agree. The result is shown as in Table 2 and fig 2.

Table 2: Mean result and percentage for each criteria in questionnaire

Criteria	**Item**	**Mean**	**Percent (%)**
A.	**SOLVE PROBLEM**		
1	I am able to retrieve relevant information from various sources and always able to analyze and integrate acquired information with own ideas.	**4.250**	**85.0%**

2	I am clear and focused; able to reflect in-depth knowledge of topic. Ideas are based on experience/ research and well supported by details.	**4.050**	**81.0%**
3	I am able demonstrate that I am capable to learn independently	**4.175**	**83.5%**
4	I am able to identify the problems and able to determine the objective and scope clearly, precisely and completely	**4.025**	**80.5%**
B.	**TEAM WORK**		
1	I am able to focus on tasks that need to be completed before the deadlines and able to produce high quality work according to proper procedures.	**4.675**	**93.5%**
2	I able to display excellent effort and commitment in performing tasks, such as attendance, punctuality, enthusiasm, vitality, and optimism in performing and performing and completing tasks.	**4.475**	**89.5%**
3	I am able to apply all steps involved in PRIME concept and apply all steps involved in the design concepts to solve problems.	**4.325**	**86.5%**
4	I am able to work in team to solve problems.	**4.575**	**91.5%**
C.	**COLLABORATION WITH MULTIDICIPLINE**		
1	I am able to work with other department/industry to gain knowledge in solving problems	**4.050**	**81.0%**



Fig 2: Mean value for questionnaire

The result show that the mean value for each criterion within the range of 4.050 to 4.675 (80.5% to 93.5%). It is proven that POPBL is suitable to be implemented in the Project course for Mechanical Engineering at Politeknik Nilai (PNS). POPBL approach was implemented as a project-based, where students were given a real-world problem for specific case study applications which is complex enough for beginner students. Students were assigned in a team to solve the identified problems of the selected project throughout the three phases in POPBL. The results findings from the conducted survey have shown that students are highly motivated and satisfied with POPBL implementation towards improving their soft-skills (communication between team member and planning) as well as their technical skills (analyzing real-world problem, designing the structured solutions and developing the products). However, POPBL implementation will require enormous effort and preparation from lecturer.

Conclusion

POPBL is a successful method to increase collaborative and innovative learning. Based on result, the student has more opportunities for creativity and innovation in problem solving. As project skills are importance in professional work, so by implement the POPBL student can obtain a lot of qualifications and increase learning.

In future, it is hoped that our experiences on POPBL implementation in the Project 1 for Mechanical Engineering students, could motivate ourselves as well as other lecture in Mechanical field especially, to apply this pedagogical approach in our teaching and learning activities. Furthermore, the proposed POPBL procedural framework and its implementation should be custom-designed to be applied in other coursework in terms of the complexity level for the given real-world problem based on students' year of studies and exposure.

In order for engineering students to be able to handle sustainability-related problems, their education needs to allow for interplay, mix and diversity; aspects that a problem-oriented and project-based learning approach will involve.

References

[1] Hmelo-Silver, Cindy E. Problem Based Learning What and How Do Students Learn?, Educational Psycology review. 2004

[2] Sumiani Yusoff, Ng C. G., Keng Z. X., Mohamad Z. J. Integrating Sustainability in Engineering Curriculum Through Incoproration of Problem-Oriented Project-Based Learning (POPBL) Learning Strategy. Madinah al-Munawarah, Kingdom of Saudi Arabia : International Engineering Education Conference 2011, 2011.

[3] Ole E. M. Borch, Jan Helbo, Madsen P.P. Changes in Roles and Behavior of Learners and Teachers When Going for POPBL. Sydney, NSW : IEEE, 2006. 10.1109/ITHET.2006.339786.

[4] Mohammad Fahmi Abdul Ghafir. Cub Prix Experience: A Case Study on Implementation of POPBL. s.l. : Faculty of Mechanical and Manufacturing Engineering, 2007.

[5] Hosseinzadeh, N., & Hesamzadeh, M. R. Application of Project-Based Learning (PBL) to the Teaching of Electrical Power Systems Engineering. 2012.

[6] Alias Bin Masek and Prof. Dr. Sulaiman Bin Yamin.Nurturing personal Skills Development: Model of Monitoring and Assessment of Student Centred Learning. Kuala Lumpur : IEEE, 2009. 978-1-4244-4844-9/09.

[7] Ministry of Higher Education: Department of Information and Communication Technology, December 2011.. JJ514 and JJ614 Syllabus.

[8] Abd.Halim, Noraini Ibrahim & Shahliza. Faculty of Computing, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai : Implementation of Project-Oriented Problem-Based Learning (POPBL) in. The 4th International Research Symposium on Problem-Based Learning, 2013.

Asimilasi Istilah Bahasa Arab dalam Institusi Perbankan Islam di Malaysia

Mohd Zuhir bin Abd Rahman (P.hD)[1, a], Nurfatihah binti Emran [2, b], and Balqis binti Abd Rahim [3, c]

[1]Jabatan Pengajian Am, Politeknik Nilai, Kompleks Pendidikan Bandar Enstek, 71760 Bandar Enstek, NEGERI SEMBILAN

[a]mdzuhir70@gmail.com, [b]nurirahfatihah@yahoo.com, [c]balqisabdrahim@gmail.com

Keywords: Istilah bahasa Arab, perbankan Islam, syariah islamiah,

Abstrak. Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan definisi istilah Arab dan menganalisis penggunaan istilah bahasa Arab dalam produk perbankan Islam di Malaysia yang berteraskan Syariah Islamiah serta bebas daripada unsur riba. Fokus kajian menjurus kepada 20 jenis produk perbankan Islam dalam istilah bahasa Arab yang digunakan oleh institusi perbankan Islam di Malaysia. Kajian ini melibatkan 15 buah institusi perbankan Islam, iaitu merangkumi tiga (3) buah institusi perbankan di bawah kerajaan Malaysia dan 12 institusi perbankan swasta tempatan dan luar negara. Pendekatan kajian yang digunakan dalam menjalankan kajian ini ialah kaedah analisis deskriptif bagi menjelaskan definisi istilah Arab dan analisis kuantitatif bagi menganalisis kekerapan dan peratusan penggunaan istilah bahasa Arab dalam produk perbankan Islam dengan menjadikan dokumen institusi perbankan Islam di Malaysia sebagai data premier. Dapatan kajian mendapati bahawa istilah "Al-Mudharabah" paling tinggi bilangan penggunaan, iaitu 12 institusi, mewakili (60%), manakala istilah "Bai' Al-Wafa'" yang paling rendah penggunaan, iaitu satu (1) institusi sahaja, mewakili (5%) daripada keseluruhan institusi perbankan Islam di Malaysia.

Pendahuluan

Dalam industri perbankan Islam di Malaysia, terdapat banyak istilah yang telah digunakan dalam industri perbankan bertujuan untuk memasarkan produk-produk yang berteraskan kepada syariah Islamiah. Kebanyakan istilah-istilah yang diaplikasikan adalah daripada bahasa Arab di dalam produk-produk perbankan yang dihasilkan ini. Kini, sebahagian besar institusi perbankan di Malaysia telah menggunakan produk yang berasaskan bahasa Arab dalam menjalankan urus niaga harian mereka. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, sebanyak 56% institusi perbankan di Malaysia telah mengamalkan sistem perbankan berteraskan Islam dengan meminjam istilah bahasa Arab. Apa yang menarik tentang sistem baru ini adalah pengamalan urus niaga dan transaksi perbankan yang menggunakan istilah bahasa Arab dan berteraskan syariah Islamiah. Produk yang dihasilkan adalah bebas daripada unsur riba yang mendorong masyarakat bermuamalah tanpa sebarang masalah dan ragu-ragu.

Bahasa Arab merupakan satu bahasa yang mempunyai perkaitan yang rapat dengan agama Islam. Hal ini demikian kerana kitab suci al-Quran yang merupakan sumber utama rujukan agama Islam adalah diturunkan dalam bahasa Arab. Perkembangan industri perbankan Islam menyebabkan masyarakat Malaysia masa kini didedahkan dengan produk terbaru keluaran institusi perbankan Islam. Sistem Perbankan Islam beroperasi menurut prinsip-prinsip syariah menggunakan istilah bahasa Arab, seperti *mudarabah, musyarakah, murabahah, bai' bithaman ajil (bai' muajjal), ijarah, qard, istisna' dan ijarah thumma al-bai'* [1].

Dalam sistem perbankan Islam, terdapat banyak istilah yang sememangnya asing bagi penduduk Malaysia. Bukan itu sahaja, bahkan bank-bank Islam di negara kita menggunakan istilah produk mereka dalam bahasa Arab, walaupun secara amnya masyarakat Malaysia tidak faham dengan istilah ini. Masyarakat tempatan tidak memahami konsep istilah yang digunakan dalam produk perbankan Islam kerana kebanyakan mereka tidak mempelajari dan menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa komunikasi harian.

Asimilasi dalam Kamus Dewan bermaksud pemaduan bermacam-macam jenis atau berbagai unsur menjadi satu, seperti pemaduan unsur-unsur daripada kebudayaan yang berlainan menjadi satu kebudayaan. Begitu juga pemaduan atau penyerapan sesuatu bahasa dengan bahasa yang lain menjadi bahasa yang satu [2]. Dalam konteks kajian ini, asimilasi yang dimaksudkan ialah penyerapan istilah bahasa Arab dalam produk-produk perbankan Islam yang digunakan dalam institusi perbankan Islam di Malaysia.

Masyarakat Malaysia masih kabur dengan istilah yang diguna pakai dalam sistem perbankan Islam pada masa kini. Hal ini demikian kerana terdapat banyak istilah yang diguna pakai dalam sistem ini adalah menggunakan bahasa Arab. Berkemungkinan besar masyarakat tempatan masih kurang yakin dan ragu-ragu untuk menggunakannya kerana tidak diberikan penjelasan tentang produk tersebut. Masyarakat kita tidak dapat gambaran tentang keistimewaan serta manfaat yang akan diperoleh jika mereka menggunakan produk-produk perbankan Islam. Bertitik-tolak daripada permasalahan terhadap kefahaman istilah tersebut, maka pengkaji telah mengambil satu langkah yang positif untuk melaksanakan satu kajian bagi mencari penyelesaian terhadap kefahaman dan penjelasan kepada istilah bahasa Arab yang digunakan dalam produk perbankan Islam di Malaysia.

Kajian yang dijalankan ini mempunyai kepentingan tersendiri, hasil daripada kajian yang dijalankan pengkaji cuba menjelaskan kepada masyarakat tentang istilah-istilah bahasa Arab yang diguna pakai dalam konteks perbankan Islam. Justeru, dengan penjelasan yang diberikan, masyarakat tidak lagi mempunyai perasaan ragu atau syak sekaligus dapat menyemai keyakinan dalam diri mereka terhadap istilah yang digunakan dalam produk perbankan Islam.

Objektif Kajian

Antara objektif-objektif tentang kajian yang dijalankan adalah seperti berikut:

1. Menjelaskan definisi istilah bahasa Arab yang digunakan dalam produk perbankan Islam di Malaysia.
2. Menganalisis penggunaan istilah bahasa Arab sebagai produk perbankan Islam di Malaysia yang berteraskan syariah serta bebas daripada unsur riba'.

Metodologi Kajian

Kajian ini adalah berbentuk deskriptif dengan menggunakan dua pendekatan, iaitu kualitatif melalui kaedah analisis kandungan bagi menjelaskan definisi istilah bahasa Arab. Menurut Asmah, beliau menyatakan bahawa pendekatan kualitatif biasanya digunakan dalam analisis data kandungan [3]. Manakala analisis kuantitatif adalah bertujuan menganalisis kekerapan dan peratusan penggunaan istilah bahasa Arab dalam produk perbankan Islam dengan menjadikan dokumen produk institusi perbankan Islam di Malaysia sebagai data utama.

Dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji juga melakukan sorotan terhadap cara dan pemikiran tokoh-tokoh dalam memberikan pengertian terhadap data kajian. Antaranya ialah Ahmad Azhar Basyir, mentakrifkan Ar-Rahnu sebagai “menjadikan suatu benda yang bernilai menurut pandangan syarak sebagai tanggungan hutang dengan adanya benda yang menjadi tanggungan itu seluruh atau sebahagian hutang dapat diterima”. Menurut H.M Arsjad Thalib Lubis, mentakrifkan Ar-Rahnu sebagai “menjadi suatu barang yang berupa harta dan ada harganya jadi jaminan hutang dan ia akan dijadikan pembayarannya jika hutang itu tidak dapat dibayar”. Manakala Abdul Rahman Al-Jaziri pula menerangkan bahawa Ar-Rahnu menurut syarak bererti “menjadikan barang yang ada harganya menurut pandangan syara’ sebagai jaminan kepercayaan hutang piutang. Dalam erti kata seluruh hutang atau sebahagiannya dapat diambil, sebab sudah ada barang jaminan tersebut” [4].

Berdasarkan kepada penjelasan yang diberikan, maka kaedah analisis kandungan didapati sesuai dalam melaksanakan kajian ini untuk mengenal pasti penggunaan istilah bahasa Arab dan menjelaskan penggunaan istilah bahasa Arab dalam konteks perbankan Islam di Malaysia.

Analisis ban Perbincangan

Analisis data dijalankan adalah dengan merujuk kepada istilah bahasa Arab yang digunakan dalam produk perbankan Islam. Istilah bahasa Arab yang dianalisis adalah dengan merujuk kepada bilangan bank yang menggunakan istilah tersebut dengan menyatakan jumlah dan peratus (%) keseluruhan bank yang menggunakan istilah tersebut. Istilah bahasa Arab yang digunakan kemudian diberikan penjelasan dan huraian dari segi bahasa dan definisi istilah produk yang digunakan dalam perbankan Islam. Analisis yang dijalankan dapat dilihat seperti yang berikut:

1. Al-Wadiah

Istilah Arab	Nama Bank	Jumlah (%)
Al-Wadiah (الوديعة)	• Affin Islamic Bank Berhad • AmIslamic Bank Berhad • Bank Muamalat Malaysia Berhad • CIMB Islamic Bank Berhad • Citibank Islamic Banking • Hong Leong Islamic Banking • HSBC Amanah Malaysia Berhad • Maybank Islamic Banking	11 (12.2%)

	• OCBC Al-Amin Bank Berhad • Public Bank Islamic Banking • Standard Chartered Islamic Banking	

Al-Wadiah dari segi bahasa membawa maksud menyimpan sesuatu yang disimpan bukan pada pemiliknya untuk dijaga. Dari segi istilah, menurut Jumhur ulama ialah mewakilkan orang lain untuk menjaga harta yang tertentu dengan cara tertentu sama ada melalui lafaz yang jelas, perbuatan atau isyarat [5].

Istilah Al-Wadiah dalam perbankan Islam:

- Dikenali sebagai Akaun Simpanan Wadiah.
- Bermaksud kontrak simpanan keselamatan antara pendeposit dengan pemegang amanah (bank).
- Perjanjian untuk menyimpan wang dan barang antara pendeposit dengan pihak bank.
- Terdapat dua akaun yang ditawarkan,iaitu akaun semasa dan akaun tabungan.
- Simpanan akan dibayar hibah (dividen) sekiranya mendapat keuntungan.
- Hibah hanya boleh ditentukan mengikut budi bicara bank berdasarkan pertimbangan prestasi keuntungan.

2. Al-Mudharabah

Istilah Arab	Nama Bank	Jumlah (%)
Al-Murabahah (المرابحة)	• Bank Islam Malaysia Berhad • HSBC Amanah Malaysia Berhad • Maybank Islamic Banking • OCBC Al-Amin Bank Berhad • RHB Islamic Bank Berhad	5 (5.6%)

Al-Mudharabah, bahasa bermaksud potongan. Dari segi istilah ertinya akad antara pemilik modal (harta) dengan pengelola modal, dengan syarat bahawa keuntungan diperoleh dua belah pihak sesuai jumlah kesepakatan untuk berkongsi sama keuntungan atas usaha yang telah dilakukan [6].

Istilah Al-Mudharabah dalam perbankan Islam:

- Bermaksud perkongsian keuntungan antara pemilik modal dengan pengusaha manakala bank bertindak sebagai orang tengah.
- Keuntungan akan diagihkan mengikut nisbah di antara tiga pihak tadi.
- Kerugian akan ditanggung oleh pemilik modal sahaja manakala bank menanggung kerugian operasi.
- Terdapat dua jenis akaun pelaburan,iaitu akaun pelaburan am dan akaun pelaburan khas.

3. Al-Murabahah

Istilah Arab	Nama Bank	Jumlah (%)
Al-Mudharabah [المضاربة]	• Affin Islamic Bank Berhad • Al-Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad • AmIslamic Bank Berhad	12 (13.3%)

	• Agro Bank Malaysia Berhad • Bank Muamalat Malaysia Berhad • Bank Kerjasama Rakyat Malaysia • CIMB Islamic Bank Berhad • Citibank Islamic Banking • Hong Leong Islamic Banking • Maybank Islamic Banking • Public Bank Islamic Banking • Standard Chartered Saadiq Berhad	

Al-Murabahah, bahasa membawa maksud kelebihan dan tambahan (keuntungan). Dari segi istilah ialah transaksi penjualan barang dengan menyatakan harga perolehan dan keuntungan (*margin*) yang disepakati oleh penjual dan pembeli [7].

Istilah Al-Murabahah dalam perbankan Islam:
- Bermaksud harga jualan lebih tinggi daripada harga belian.
- Merupakan perjanjian jual beli antara pembeli dengan bank.
- Pembayaran atas akad jual beli Murabahah dapat dilakukan secara tunai maupun kredit.

4. Al-Bai' Bithaman Ajil

Istilah Arab	**Nama Bank**	**Jumlah (%)**
Al Bai' Bithaman Ajil [البيع بثمن آجيل]	• Alliance Islamic Bank Berhad • AmIslamic Bank Berhad • Bank Islam Malaysia Berhad • BSN Perbankan Islam • EON Cap Islamic Bank • Maybank Islamic Banking	6 (6.7%)

Al-Bai' Bithaman Ajil, bahasa bermaksud jualan harga tertangguh. Dari segi istilah, proses menjual sesuatu dengan disegerakan penyerahan barang dan ditangguhkan pembayarannya sehingga ke satu waktu atau tempoh yang telah ditetapkan [8].

Istilah Bai Bithaman Ajil dalam perbankan Islam:
- Bermaksud jualan secara tertangguh atau ansuran.
- Merupakan perjanjian jualan secara bayaran ansuran.
- Harga yang dibayar oleh pembeli kepada bank adalah lebih tinggi berbanding harga secara tunai.
- Pembeli membayar secara ansuran kepada bank selepas menerima barang tersebut.

5. Al-Musyarakah

Istilah Arab	**Nama Bank**	**Jumlah (%)**
Al-Musyarakah [المشاركة]	• AmIslamic Bank Berhad • RHB Islamic Bank Berhad • Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad • Maybank Islamic Banking	4 (4.4%)

Al-Musyarakah, bahasa maksudnya perkongsian. Dari segi istilah, perjanjian persepakatan yang dimeterai antara dua pihak atau lebih sebagai rakan kongsi untuk berkongsi modal dan keuntungan dalam sesuatu perniagaan atau perusahaan [9].

Istilah Al-Musyarakah dalam perbankan Islam:
- Bermaksud perkongsian menjalankan perniagaan.
- Merupakan perjanjian usaha sama atau perkongsian antara peminjam dengan bank untuk menjalankan sesuatu projek perniagaan.
- Kedua-dua pihak berkongsi modal dan sama-sama berkongsi untung dan rugi.

6. *Al-Musawamah*

Istilah Arab	Nama Bank	Jumlah (%)
Al-Musawamah [[الم ساومة]	• Bank Islam Malaysia Berhad	1 (1.1%)

Al-Musawamah dari segi bahasa membawa maksud boleh dirundingkan atau tawar-menawar dalam urusan berjual beli. Dari segi istilah membawa pengertian suatu akad jual beli tanpa pendedahan harga kos aset dan margin keuntungan kepada pembeli [10].

Istilah Al-Musawamah dalam perbankan Islam:
- Sejenis jualan am di mana terdapat tawar menawar dalam harga komoditi yang akan didagangkan antarapenjual dengan pembeli tanpa sebarang rujukan terhadap kos perolehan yang ditanggung oleh penjual.
- Jual-beli biasa (al-Bai’), jualan secara rundingan, tender, lelongan, sewaan dan pajakan, jualan kredit, jualan tempahan, jualan kontrak berkala, pesanan belian dengan bayaran awal, upah perkhidmatan jaminan, simpanan, wakil, serta perniagaan perkongsian dan persyarikatan.

7. *Ar-Rahnu*

Istilah Arab	Nama Bank	Jumlah (%)
Al-Rahnu [الرهن]	• Bank Islam Malaysia Berhad • Agro Bank Malaysia Berhad • Bank Kejasama Rakyat Malaysia	3 (3.3%)

Ar-Rahnu, bahasa bermaksud mantap dan berkekalan atau tahanan. Dari segi istilah istilah ialah menjadikan aset sebagai jaminan atau cagaran terhadap hutang. Cagaran akan digunakan untuk menyelesaikan hutang apabila penghutang ingkar. Cagaran juga akan digunakan sebagai satu nama sejenis pinjaman dengan cagaran atau perniagaan pajak gadai [11].

Istilah Ar-Rahnu dalam perbankan Islam:
- Skim ini beroperasi dengan memberi pinjaman ihsan sementara kepada yang memerlukan, dengan cagaran atau barang sandaran yang dinamakan *marhun*.
- Di dalam konsep ini, sesuatu barang yang berharga dijadikan sebagai cagaran yang terikat dengan hutang.
- Jika hutang tidak dijelaskan, maka *marhun* boleh digunakan untuk menjelaskan baki hutang.

- Tujuan *marhun* ialah untuk meyakinkan tuan punya hutang (pemiutang) bahawa risiko pembayaran semula hutang dapat dikurangkan.
- Pihak penghutang tidak perlu menanggung beban pembayaran semula yang tinggi.

8. *Ijarah Thumma al-Bai*

Istilah Arab	Nama Bank	Jumlah (%)
Ijarah Thumma Al-Bai [إجارة ثم البيع]	• AmIslamic Bank Berhad • Bank Islam Malaysia Berhad • EON Cap Islamic Bank • OCBC Al-Amin Bank Berhad • Public Islamic Bank Berhad • RHB Islamic Bank Berhad	6 (6.7%)

Ijarah Thumma al-Bai bermaksud sewa kemudian beli. Ijarah Thumma Bai' lazimnya digunakan dalam membiayai barangan pengguna terutamanya pembiayaan kenderaan. Terdapat dua kontrak berasingan yang terlibat: kontrak Ijarah (pajakan/penyewaan) dan kontrak Bai' (jual beli) [12].

Istilah Ijarah Thumma al-Bai dalam perbankan Islam:
- Muamalah jenis ini adalah suatu daripada kaedah jual beli harga tangguh ataupun pada hari ini lebih dikenali 'hire purchase' yang dibuat mengikut prinsip muamalat Islam.
- Al-Ijarah thumma al-Bai'i mengandungi dua aqad, iaitu aqad sewaan dan aqad beli selepas tamat tempoh sewa.
- Pindahan hak milik harta yang disewa daripada pemberi sewa kepada pihak yang menyewa tidak berlaku secara automatik selepas tamat tempoh sewaan atau selepas semua bayaran sewa di bayar.

9. *Al-Wakalah*

Istilah Arab	Nama Bank	Jumlah (%)
Al-Wakalah [[الوكالة	• Bank Islam Malaysia Berhad • Citibank Islamic Banking • HSBC Amanah Malaysia Berhad • OCBC Al-Amin Bank Berhad • RHB Islamic Bank Berhad	5 (5.6%)

Al-Wakalah dari segi bahasa bermaksud pemeliharaan. Ini merupakan satu kontrak di mana seseorang (prinsipal) melantik pihak lain bagi bertindak mewakili dirinya (sebagai ejen) untuk melaksanakan tugas-tugas khusus. Pihak yang menerima tugas itu adalah ejen yang biasanya dibayar yuran atas perkhidmatannya [13]. Ini termasuklah segala pengendalian atau pengurusan harta dalam bentuk jual beli dan perkara-perkara lain yang boleh diwakilkan.

Istilah Al-Wakalah dalam perbankan Islam:
- Merupakan perlantikan seseorang melalui akad untuk mengambil tempat orang yang melantiknya bagi menguruskan sesuatu perkara yang tertentu.
- Merupakan pemberian kuasa kepada seorang wakil untuk menguruskan dan menjaga sesuatu perkara.

- ➢ Menjadi konsep asas dalam kontrak di antara wakil dengan pengendali takaful yang bertindak sebagai prinsipal.
- ➢ Membenarkan pengendali takaful untuk mengambil upah atau komisyen kepada wakil melalui sumbangan mereka melalui akad yang dipersetujui.

10. Al-Kafalah

Istilah Arab	Nama Bank	Jumlah (%)
Al-Kafalah [الكفالة]	• HSBC Amanah Malaysia Berhad • OCBC Al-Amin Bank Berhad	2 (2.2%)

Al-Kafalah, bahasa bermaksud merujuk pada *Dhamanah* (jaminan). Dari segi istilah merupakan jaminan yang di berikan oleh penanggung (*kafil*) kepada pihak ketiga untuk memenuhi kewajiban pihak kedua atau yang di tanggung [14]. Al-kafalah juga bererti mengalihkan tanggung jawab seseorang yang di jamin bahawa satu pihak lain yang akan menunaikan kewajipannya [15].

Istilah Al-Kafalah dalam perbankan Islam:
- ➢ Akad kafalah adalah jaminan yang di berikan oleh penanggung (*kafil*) kepada pihak ke tiga untuk memenuhi kewajiban pihak kedua atau di tanggung (*makful 'anhu*).
- ➢ Memberikan jaminan kepada *nasabah*nya sehubungan dengan kontrak kerja atau perjanjian yang telah disepakati antara *nasabah* dengan pihak ketiga.
- ➢ Pihak bank sebagai lembaga yang memberikan jaminan akan memperoleh manfaat berupa peningkatan pendapatan atas upah yang mereka terima sebagai imbalan atas jasa penjaminan yang diberikan.

11. Al-Hibah

Istilah Arab	Nama Bank	Jumlah (%)
Al-Hibah [الهبة]	• Bank Islam Malaysia Berhad • Bank Kejasama Rakyat Malaysia • Citibank Islamic Banking • CIMB Islamic Bank Berhad • HSBC Amanah Malaysia Berhad • Hong Leong Islamic Banking • Public Bank Islamic Banking • Maybank Islamic Banking • RHB Islamic Bank Berhad	9 (10.0%)

Al-Hibah dari segi bahasa bermaksud pemberian. Dari segi istilah bermaksud suatu akad yang mengandungi pemberian hadiah oleh seseorang secara sukarela terhadap hartanya kepada seseorang sebagai balasan kepada manfaat yang diterima [16].

Istilah Al-Hibah dalam perbankan Islam:
- ➢ Hibah ialah suatu akad pemberian milik ain harta daripada satu pihak kepada pihak yang lain tanpa balasan (iwad) semasa hidup.
- ➢ Secara sukarela, bukan mengharapkan pahala di akhirat dan memuliakan seseorang, dengan menggunakan lafaz ijab dan qabul atau seumpamanya.

- Antara konsep yang mengaplikasikan Al-Hibah ialah Al-Wadiah,Qard al-Hasan dan Al-Ijarah Thumma al-Bai

12. Bai' Istisna'

Istilah Arab	Nama Bank	Jumlah (%)
Bai' Istisna' [بيع الإستصناع]	• Bank Islam Malaysia Berhad • OCBC Al-Amin Bank Berhad • CIMB Islamic Bank Berhad	3 (3.3%)

Bai Istisna' dari segi Bahasa bermaksud, meminta supaya dibuat sesuatu atau menempah sesuatu, atau pun dengan kata lain, membuat sesuatu berdasarkan apa yang diminta. Dari segi Istilah pula merupakan kontrak bersama pembuat, pengilang meminta melakukan sesuatu (menempah) atas pekerjaan sesuatu yang telah ditentukan pada tanggungannya [17], yakni kontrak membeli sesuatu apa yang ditempah olehnya kepada pembuat tempahan.

Istilah Bai' Istisna' dalam perbankan Islam:
- Membeli hak milik sesuatu aset yang sedang dalam proses pembinaan daripada pelanggan mengikut kontrak pembinaan antara pihak pelanggan dengan pihak pembekal atau kontraktornya.
- Hak milik kepada aset tersebut dijual balik kepada pelanggan dengan harga jualan yang meliputi harga belian dan margin keuntungan.
- Pelanggan akan membayar harga jualan melalui ansuran mengikut tempoh yang dipersetujui.

13. Bai' Salam

Istilah Arab	Nama Bank	Jumlah (%)
Bai' Salam [بـ يع ال سلام]	• CIMB Islamic Bank Berhad • Bank Islam Malaysia Berhad	2 (2.2%)

Bai' Salam dari segi bahasa bermaksud suatu kontrak yang diberikan sifatnya atas tanggungan penjual di mana pembayaran harga dibuat sepenuhnya terlebih dahulu semasa kontrak dimaterai supaya aset dapat diserahkan kemudian pada suatu tarikh masa depan [18].

Istilah Bai Salam dalam dunia perbankan Islam:
- Barangan yang dijual merupakan aset biasa, bukannya emas, perak atau mata wang yang dianggap sebagai pertukaran nilai kewangan yang tertakluk di bawah peraturan Bai' al Sarf,
  iaitu pertukaran bersama dari tangan ke tangan tanpa lengah.
- Mod pembiayaan ini sering digunakan dalam sektor pertanian, di mana bank mendahulukan
  wang bagi pembelian pelbagai input pengeluaran bagi mendapatkan saham dalam tanaman tersebut, yang kemudiannya dijual.

14. Bai' al-Inah

Istilah Arab	Nama Bank	Jumlah (%)

Bai’ Al-Inah [بيع العينة]	• AmIslamic Bank Berhad • Bank Rakyat • BSN Islamic Banking • CIMB Islamic Bank Berhad • Maybank Islamic Banking	5 (5.6%)

Bai’ al-Inah bermaksud satu kontrak (akad) yang membabitkan urusniaga jualan dan pembelian semula aset oleh penjual. Ba’ al-Inah ialah satu keadaan dimana seseorang yang berkehendakkan wang tunai datang kepada seseorang yang lain untuk memohon pinjaman [19]. Dalam urus niaga ini, penjual menjual aset kepada pembeli secara tunai dan kemudian membelinya semula secara pembayaran tertangguh dengan harga yang lebih tinggi daripada harga jualan secara tunai.

Istilah Bai’ al-Inah dalam perbankan Islam:

- Digunakan dalam produk pembiayaan peribadi.
- Pihak bank bertindak sebagai pemiutang dan akan mendapat faedah berdasarkan harga kredit dan harga tunai daripada transaksi itu. Namun, ianya dihelahkan dengan berpindah daripada kontrak pinjaman kepada kontrak jual beli barangan yang dihalalkan oleh Islam dan dapat mengelak daripada unsur riba.

15. Bai’ al-Dayn

Istilah Arab	Nama Bank	Jumlah (%)
Bai’ Al-Dayn [بيع الدين]	• Bank Islam Malaysia Berhad • CIMB Islamic Bank Berhad	2 (2.2%)

Bai’ al-Dayn dari segi bahasa membawa maksud urus niaga hutang. Dari segi istilah pula ialah merujuk pada pembelian dan penjualan instrumen hutang seperti sijil, saham, dokumen perdagangan dan sekuriti dalam pasaran sekunder yang patuh pada kehendak *Syariah* [20].

Istilah Bai’ al-Dayn dalam perbankan Islam:

- Pembiayaan hutang dan peruntukan sumber kewangan yang diperlukan untuk pengeluaran, perdagangan dan perkhidmatan melalui jualan dan belian dokumen dan kertas perdagangan.
- Merupakan kemudahan jangka pendek dalam tempoh matang setahun atau kurang daripadanya.
- Dokumen yang menjadi bukti hutang dan transaksi komersial ‘bona fide’ yang boleh diperdagangkan.

16. Bai’ Urbun

Istilah Arab	Nama Bank	Jumlah (%)
Bai’ Urbun [بيع العربون]	• Bank Islam Malaysia Berhad • CIMB Islamic Bank Berhad • Bank Muamalat Malaysia Berhad	3 (3.3%)

Bai’ Urbun dari segi bahasa membawa maksud *taslif* atau *taqdim*. Dari segi istilah pula ialah bayaran muka atau wang pendahuluan [21].

Istilah Bai Urbun dalam dunia perbankan Islam:

➢ Suatu perjanjian jualan di mana wang cagaran dibayar terlebih dahulu sebagai sebahagian
daripada pembayaran harga aset jika kontrak berterusan hingga selesai.
➢ Wang cagaran ini akan hilang jika pembeli tidak memenuhi kewajipan memuktamadkan pembelian aset.
➢ Wang cagaran yang hilang dianggap sebagai hibah (hadiah) kepada penjual [22].

17. Bai' Istijrar

Istilah Arab	Nama Bank	Jumlah (%)
Bai' Istijrar [عيب الإ سد تجرار]	• CIMB Islamic Bank Berhad • Bank Islam Malaysia Berhad	2 (2.2%)

Bai' Istijrar, bahasa bermaksud menarik atau menyerat. Dari segi istilah ialah pembelian barang yang diserahkan di kemudian hari sedangkan pembayaran dilakukan di muka.

Istilah Bai' Istijrar dalam perbankan Islam:

➢ Suatu kontrak antara pembekal dengan pelanggan di mana pembekal membekalkan barangan tertentu secara berterusan mengikut mod pembayaran yang telah dipersetujui sehingga mereka menamatkan kontrak tersebut.
➢ Kontrak antara pemborong dengan peruncit adalah sama bagi membekalkan sejumlah aset yang telah dipersetujui [23].

18. Bai' Muzayadah

Istilah Arab	Nama Bank	Jumlah (%)
Bai' Muzayadah [عيب املزايدة]	• Bank Islam Malaysia Berhad • CIMB Islamic Bank Berhad • Maybank Islamic Banking	3 (3.3%)

Bai' Muzayadah dari segi bahasa bermaksud jual beli secara lelong. Dari segi istilah pula ialah akad jual beli secara bidaan atau barang lelongan akan dijual kepada pembeli yang dapat menawarkan harga yang paling tinggi [24].

Istilah Bai' Muzayadah dalam perbankan Islam:

➢ Jualan aset kepada orang ramai melalui proses pembidaan dalam kalangan bakal pembeli dan aset dijual kepada pembida tertinggi [25].

19. Maksud Bai Wafa'

Istilah Arab	Nama Bank	Jumlah (%)
Bai' Wafa' [بيع الوفاء]	• Bank Islam Malaysia Berhad	1 (1.1%)

Bai' Wafa' dari segi bahasa berkmaksud pelunasan hutang atau jual beli bersyarat. Dari segi istilah ialah barang yang dijual dapat ditebus kembali pada tarikh tiba waktunya.

Istilah Bai Wafa' dalam perbankan Islam:

- ➢ Suatu kontrak dengan syarat bahawa apabila penjual membayar balik harga aset yang telah
terjual itu,pembeli memulangkan semula aset tersebut kepada penjual.
- ➢ Merupakan *bai'* (*penjualan*) dari segi bentuk (*rahn*) tetapi jaminan dari segi isi. Aset tersebut biasanya mengenai barang tak bergerak seperti tanah dan rumah [26].

20. Qardh Hasan

Istilah Arab	Nama Bank	Jumlah (%)
Qardh Hasan [ضرق ال حسن]	• Bank Islam Malaysia Berhad • Al-Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad • Bank Muamalat Malaysia Berhad • Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad • RHB Islamic Bank Berhad	5 (5.6%)

Qardh Hasan bermaksud pinjaman tanpa dikenakan faedah (hanya wajib membayar jumlah pokok hutangnya). Di bawah perjanjian ini, pinjaman diberi untuk satu tempoh yang tetap atas semangat ihsan dan peminjam hanya perlu membayar balik jumlah pinjaman yang sebenar sahaja. Walau bagaimanapun, sekiranya peminjam membayar lebih berdasarkan budi bicaranya (tanpa ikatan perjanjian), ia dianggap sebagai tanda penghargaan kepada pemberi pinjaman [27].

Istilah Qardh Hasan dalam perbankan Islam:
- ➢ Merujuk pada pinjaman ihsan, iaitu satu kontrak pinjaman antara dua pihak tanpa caj tambahan selain daripada pinjaman itu.
- ➢ Sebarang tambahan pembayaran yang dikenakan oleh pemberi peminjam atau janji yang dibuat oleh peminjam adalah dilarang.
- ➢ Walau bagaimanapun, peminjam dibenarkan membayar lebih atas budi bicara beliau sepenuhnya sebagai tanda penghargaan [28].

Dapatan Kajian

Berdasarkan analisis dan perbincangan yang dijelaskan, dapatan menunjukkan bahawa istilah bahasa Arab telah digunakan dalam produk perbankan Islam di Malaysia. Antara istilah yang digunakan ialah seperti jadual 1 yang berikut:

Jadual 1: Penggunaan Istilah Bahasa Arab dalam Produk Perbankan Islam

Bil	Istilah Arab	Kekerapan	Peratus
1.	Al-Wadiah (الوديعة)	11	12.2%
2.	Al-Murabahah (المرابحة)	5	5.6%
3.	Al-Mudharabah [المضاربة]	12	13.3%
4.	Al Bai' Bithaman Ajil [البيع بثمن آجيل]	6	6.7%
5.	Al-Musyarakah [المشاركة]	4	4.4%
6.	Al-Musawamah [قمواسملا]	1	1.1%
7.	Al-Rahnu [الرهن]	3	3.3%
8.	Ijarah Thumma Al-Bai [إجارة ثم البيع]	6	6.7%

9.	Al-Wakalah [الوكالة]	5	5.6%
10.	Al-Kafalah [الكفالة]	2	2.2%
11.	Al-Hibah [الهبة]	9	10.0%
12.	Bai’ Istisna’ [بيع الإستصناع]	3	3.3%
13.	Bai’ Salam [بيع السلام]	2	2.2%
14.	Bai’ Al-Inah [بيع العينة]	5	5.6%
15.	Bai’ Al-Dayn [بيع الدين]	2	2.2%
16.	Bai’ Urbun [بيع العربون]	3	3.3%
17.	Bai’ Istijrar [بيع الإستجرار]	2	2.2%
18.	Bai’ Muzayadah [بيع المزايدة]	3	3.3%
19.	Bai’ Wafa’ [بيع الوفاء]	1	1.1%
20.	Qardh Hasan [قرض الحسن]	5	5.5%
	Jumlah	90	100%

Berdasarkan jadual 1 di atas, istilah “al-Mudarabah” mencatat jumlah kekerapan yang tertinggi, iaitu 12 kali dengan peratusan (13.3%), diikuti dengan “al-Wadiah” sebanyak 11 kali dengan peratusan (12.2%), kemudian “al-Hibah” yang mencatat kekerapan sebanyak 9 kali dengan peratusan (10%). Manakala istilah “al-Bai’ Bithaman Ajil”, istilah “Ijarah Thumma al-Bai’” mencatat jumlah kekerapan sebanyak 6 kali dengan peratusan (6.7%), diikuti dengan istilah “al-Murabahah”, istilah “al-Wakalah”, istilah “Bai’ al-Inah”, dan istilah “Qardh Hasan” yang mencatat kekerapan sebanyak 5 kali dengan peratusan (5.5%), kemudian diikuti istilah “al-Musyrakah” yang mencatat jumlah kekerapan sebanyak 4 kali dengan peratusan (4.4%). Seterusnya istilah “al-Rahnu”, istilah “Bai’ Istisna’”, istilah “Bai’ Urbun” dan istilah “Bai’ Muzayadah” masing-masing mencatat jumlah kekerapan sebanyak 3 kali dengan peratusan (3.3%), kemudian diikuti istilah “al-Kafalah”, istilah “Bai’ Salam”, istilah “Bai’ Al-Dayn” dan istilah “Bai’ Istijrar” yang mencatat jumlah kekerapan sebanyak 2 kali dengan peratusan (2.2%). Manakala istilah yang mencatat kekerapan yang terendah ialah “Al-Musawamah” dan istilah “Bai’ Wafa’” yang mencatat kekerapan sebanyak satu (1) kali sahaja dengan peratusan sebanyak (1.1%).

Rumusan dan Cadangan

Kajian yang dijalankan ini merupakan satu tinjauan awal terhadap penggunaan istilah bahasa Arab dalam produk perbankan Islam. Secara dasarnya, istilah bahasa Arab banyak digunakan dalam produk perbankan Islam di Malaysia. Hal ini demikian kerana masyarakat Malaysia yang majoritinya beragama Islam memerlukan muamalah dan urus niaga perbankan dalam kehidupan mereka berteraskan syariah Islam dan bebs daripada unsur-unsur syubhah dan riba. Diharapkan kajian ini dapat memberi kefahaman dan penjelasan kepada masyarakat Malaysia secara amnya dan secara khususnya kepada pengguna atau pelanggan terhadap penggunaan istilah bahasa Arab dalam produk perbankan Islam. Kajian ini juga diharapkan boleh menjadi pencetus idea kepada penyelidik pada masa akan datang dalam usaha melaksanakan penyelidikan secara lebih komprehensif tentang penggunaan istilah bahasa Arab dalam produk perbankan Islam di Malaysia. Melalui kajian ini juga, mereka boleh membuat penyelidikan dengan hasil yang lebih baik dan memperoleh pengetahuan dengan lebih mendalam.

Rujukan

[1] Hilmy73. 2013. Sejarah Perbankan Islam di Malaysia. http://hilmy73.wordpress.com/

[2] Md. Nor Hj. Ab. Ghani *et al*. 2007. Kamus Dewan, Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

[3] Asmah Haji Omar. 2008. Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

[4] Ahmad Azhar Basyir. 2011. Bisnes dan Islam. http://bizislam.wordpress.com/ar-rahnu/

[5] Shamsuddin Muhammad Bin Ahmad Al-Syarbini. 1994. *Mughni Al-Muhtaj ila Ma'rifati Ma'ani Alfaz Al-Manhaj*. Cetakan pertama. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiah, pp. 79.

[6] Zaharuddin Abd Rahman. 2009. Panduan Perbankan Islam: Kontrak dan Produk Asas. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd., pp. 82.
[7] Zaharuddin Abd Rahman. 2009. Panduan Perbankan Islam: Kontrak dan Produk Asas. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd., pp. 18-19.

[8] Zaharuddin Abd Rahman. 2009. Panduan Perbankan Islam: Kontrak dan Produk Asas. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd., pp. 32-33.

[9] Zaharuddin Abd Rahman. 2009. Panduan Perbankan Islam: Kontrak dan Produk Asas. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd., pp. 98.

[10] Jabatan Perbankan Islam dan Takaful. (t.t). Glosari Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam
Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, pp. 221

[11] Bank Islam Malaysia Berhad, Jabatan Syariah. 2014. Istilah Kewangan Islam sebagai Panduan Anda. Kuala Lumpur: http://www.bankislam.com.my/bm/pages/terminologies.aspx?tabs=5.

[12] Bank Negara Malaysia. 2009. Panduan Anda Mengenai Konsep Asas dan Amalan dalam Perbankan Islam.. Edisi kedua. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia., pp. 6.

[13] Bank Negara Malaysia. 2009. Panduan Anda Mengenai Konsep Asas dan Amalan dalam Perbankan Islam.. Edisi kedua. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia., pp. 8.

[14] Muhammad Syafi'i Antonio. 2009. Bank Syariah: Dari Teori ke Praktek. Cetakan 14. Jakarta: GemaInsani, pp. 123

[15] Dewan Bahasa dan Pustaka. Pusat Rujukan Persuratan Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. http://prpm.dbp.gov.my/

[16] Bank Negara Malaysia. 2009. Panduan Anda Mengenai Konsep Asas dan Amalan dalam Perbankan Islam.. Edisi kedua. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia., pp. 9.

[17] Zaharuddin Abd Rahman. 2009. Panduan Perbankan Islam: Kontrak dan Produk Asas. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd., pp. 46-47.

[18] Zaharuddin Abd Rahman. 2009. Panduan Perbankan Islam: Kontrak dan Produk Asas. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd., pp. 58-59.

[19] Azizi bin Abu Bakar. 2009. Pelaksanaan Bay al-Inah dalam Pembiayaan Peribadi (Personal Loan) di Malaysia. Surabaya, Indonesia. Kertas Kerja International Conference on Corporate Law (ICCL), pp. 4.

[20] Bank Islam Malaysia Berhad, Jabatan Syariah. 2014. Istilah Kewangan Islam sebagai Panduan Anda. Kuala Lumpur: http://www.bankislam.com.my/bm/pages/terminologies.aspx?tabs=5.

[21] Jabatan Perbankan Islam dan Takaful. (t.t). Glosari Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam
Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, pp. 225.

[22] Bank Islam Malaysia Berhad, Jabatan Syariah. 2014. Istilah Kewangan Islam sebagai Panduan Anda. Kuala Lumpur: http://www.bankislam.com.my/bm/pages/terminologies.aspx?tabs=5.

[23] Bank Islam Malaysia Berhad, Jabatan Syariah. 2014. Istilah Kewangan Islam sebagai Panduan Anda. Kuala Lumpur: http://www.bankislam.com.my/bm/pages/terminologies.aspx?tabs=5.

[24] Jabatan Perbankan Islam dan Takaful. (t.t). Glosari Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam
Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, pp. 216.

[25] Bank Islam Malaysia Berhad, Jabatan Syariah. 2014. Istilah Kewangan Islam sebagai Panduan Anda. Kuala Lumpur: http://www.bankislam.com.my/bm/pages/terminologies.aspx?tabs=5.

[26] Bank Islam Malaysia Berhad, Jabatan Syariah. 2014. Istilah Kewangan Islam sebagai Panduan Anda. Kuala Lumpur: http://www.bankislam.com.my/bm/pages/terminologies.aspx?tabs=5.

[27] Ahmad Zainal Abidin, Norhayati Mohd Alwi and Noraini Mohd. 2011. A Case Study on the Implementation of *Qardhul Hasan* Concept as a Financing Product in Islamic Banks in Malaysia. The International Islamic University Malaysia. International Journal Of Economics, Management & Accounting, Supplementary. Issue 19: pp. 81-100.

[28] Bank Negara Malaysia. 2009. Panduan Anda Mengenai Konsep Asas dan Amalan dalam Perbankan Islam.. Edisi kedua. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia., pp. 8.

Peranan Media Dalam Pelaksanaan Komunikasi Dakwah Pensyarah Pendidikan Islam Terhadap Pelajar di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Hasani binti Ghazali
Jabatan Pengajian Am, Politeknik Nilai, Kompleks Pendidikan Bandar Enstek,
71760 Bandar Enstek, NEGERI SEMBILAN
hasanighazali@yahoo.com

Kata Kunci: Peranan media, komunikasi dakwah, pensyarah Pendidikan Islam

Abtrak: Kajian ini memberi tumpuan kepada aspek Peranan Media Dalam Pelaksanaan Komunikasi Dakwah Pensyarah Pendidikan Islam bagi proses pengajaran dan pembelajaran terhadap pelajar. Kajian ini menggunakan metod kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Responden terdiri daripada 16 orang pensyarah Pendidikan Islam di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Pengumpulan data berdasarkan temu bual bersama pensyarah. Di samping itu, turut dijalankan obsevasi ketika pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan pensyarah. Hasil kajian mendapati 16 orang (100%) pensyarah menggunakan audio visual atau media lisan sebagai medium utama dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas dan penggunaan e-mel menjadi pilihan 8 orang (50%) untuk komunikasi di luar kelas. Kepelbagaian penggunaan media oleh pensyarah bertujuan bagi meningkatkan kefahaman pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan. Walau bagaimanapun kajian juga mendapati penggunaan media komunikasi terkini seperti *facebook, whatsapp, wechat* dan *blackberry messagger* adalah berkurangan, iaitu 3 orang (19%) dan perlu dipertingkatkan bagi memenuhi keperluan dakwah semasa dalam kepantasan memberi maklum balas maklumat yang diperlukan oleh pelajar. Terdapat pelbagai faktor yang mendorong kepada penggunaan media komunikasi dakwah pensyarah. Namun begitu, masih terdapat kelemahan dan kepincangan yang perlu diperbaiki terutama faktor prasarana yang memberi impak besar dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran.

Pendahuluan

Kewajipan berdawkwah menjadi tuntutan ke atas setiap individu muslim. Arus perubahan masyarakat, menggesa para pendakwah menggunakan metode yang mampu dicernakan oleh masyarakat dan secara tidak langsung membawa perubahan. Pensyarah pendidikan Islam yang bertindak sebagai *da'i* erlu melengkapkan diri diri dengan pelbagai kemahiran dan kreatif dalam penyampaian supaya mampu memberi pemahaman dan penjelasan yang menyeluruh tentang Islam agar pelbagai masalah keruntuhan dalam masyarakat dapat diselesaikan. Media merupakan alat atau perantara dalam komunikasi atau dalam perhubungan (1). Media adalah alat atau perantara komunikasi am, merujuk kepada pelbagai saluran penyampaian sama ada elektronik atau bercetak. Media pengajaran adalah alat bantu proses pengajaran dan pembelajaran dan segala sesuatu yang dapat dipergunakan untuk meransang fikiran, perasaan, perhatian atau ketrampilan pelajar. Komunikasi dakwah boleh disampaikan dalam pelbagai bentuk saluran. Media komunikasi dakwah merupakan elemen penting dalam usaha pensyarah menyampaikan maklumat, idea, mesej kepada pelajar sama ada melalui lisan, tulisan, al-Quran, jemaah atau organisasi, melalui kesenian, perbuatan atau bahasa badan dan audio-visual. Pada peringkat penggunaan media komunikasi dakwah, pensyarah perlu memilih media yang paling bersesuaian dengan pelajar sama ada berbentuk lisan, tulisan, perbuatan atau audio- visual (2). Keperluan pensyarah dalam penggunaan media yang bersesuaian dengan tujuan membolehkan sesuatu mesej disampaikan dengan tepat, difahami dan mendapat maklum balas (3). Di sini, komunikasi antara pensyarah dan pelajar akan berlaku secara langsung dan tidak langsung. Komunikasi secara langsung akan berlaku ketika penyampaian pensyarah di dalam kelas dengan penggunaan media seperti buku teks, papan tulis, LCD projektor, nota edaran, bahan dari internet dan tayangan interaktif (4). Manakala komunikasi yang berlaku secara tidak langsung di luar kelas dengan perantaraan media yang lebih pantas serta meluas seperti Sistem Pesanan Ringkas (SMS),*facebook, e-learning, whatsapp dan internet,* penulisan artikel dakwah, buletin, ceramah, syarahan, kuliah agama dan program-program agama. Keberkesanan terhadap penggunaan media-media ini oleh pensyarah memberi kelangsungan kepada peningkatan kefahaman pelajar terhadap penyampaian.

Komunikasi Dakwah merupakan suatu proses penyampaian dan pertukaran maklumat dengan menggunakan prinsip dan kaedah yang terdapat dalam al-Quran dan al-Hadith. Proses ini adalah untuk mendidik masyarakat tentang hakikat kebenaran Islam dan meletakkan al-Quran dan al-Hadith sebagai sumber rujukan utama dalam menjalankan segala aktiviti kehidupan sama ada dari aspek akidah, ibadah dan muamalah. Secara umumnya para ilmuan Islam mentakrifkan komunikasi dakwah iaitu menjaga kebenaran tentang mesej yang di bawa, baik dari segi berita, perkhabaran atau perkataan, bersifat realiti iaitu bersesuaian dengan fitrah manusia bagi memenuhi keperluan jasmani dan rohani, menggunakan medium yang sesuai dengan keupayaan intelektual kumpulan sasaran dan merangkumi semua cabang kehidupan manusia sesuai dengan ajaran Islam [5]. Seorang pensyarah yang memiliki kemahiran komunikasi, merupakan nilai tambah dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kelebihan ini dapat membantu pensyarah membina hubungan yang baik dan menggarap segala potensi diri pelajar (6).

Pensyarah bermaksud orang yang mengajar, pendidik, pengajar, pengasuh (1). Menurut Dr. Adli Hj. Yacob dan Khuzaihan Zakaria, guru bermaksud pendidik, pengajar, pengasuh secara formal (7). Menurut Ahmad Mahmood Musanif, guru bermaksud pendidik, pengajar secara formal. Guru mengikut perspektif Islam mempunyai tanggungjawab dalam pembangunan akhlak iaitu sebagai *murabbi* (a trainer of souls and personalities) dan bukan semata-mata sebagai *mu'allim* (a transmitter of knowledge) (8). Pensyarah sebagai *da'i* merupakan golongan profesional yang bertindak sebagai pendidik dan pendakwah dalam masyarakat. Peranan pensyarah adalah untuk menyemai kesedaran tentang kepentingan ilmu, membangunkan ummah, membina akhlak yang baik dan membimbing pelajar supaya menjauhi sifat-sifat *mazmumah* (9).

Pendidikan Islam merupakan modul yang bertindak sebagai alat untuk mengajak manusia ke arah kebaikan. Pendidikan dalam bahasa arab bermaksud *tarbiyyah, tardib, ta'dib, tadris, taklim* dan *riyadah*. Dari aspek istilah pendidikan Islam ialah proses pendidikan untuk mendidik seseorang supaya memiliki akhlak yang mulia, menjauhi sifat terkeji, membimbing manusia ke jalan yang lurus, mengislahkan amal untuk mencapai kebahagiaan kehidupan di dunia dan di akhiratPendidikan Islam merangkumi aspek fardu ain dan fardu kifayah dengan menekankan kepentingan individu dan pembangunan ummah (8,9)

Kajian ini mampu untuk dijadikan sumber informasi penting dalam mengenal pasti kelemahan dan kekurangan peranan media komunikasi dakwah yang gunakan dan penemuan kajian dapat membantu pensyarah merangka kaedah yang lebih dekat dengan jiwa pelajar. Selain itu, kajian ini mampu memberi maklumat awal kepada pihak institusi tentang keperluan meningkatkan prasarana yang berkaitan dengan media pengajaran supaya sejajar dengan kehendak semasa sejajar dengan trasformasi pendidikan kini.

Penyataan Masalah

Pendakwah perlu mempunyai kualiti komunikasi yang mampu mempengaruhi umat Islam kerana keberkesanan dalam penyampaian dapat membawa perubahan yang besar kepada masyarakat. Reliti masyarakat kini sedang menghadapi krisis keruntuhan akhlak yang amat membimbangkan dan media massa yang setiap hari melaporkan berita-berita yang menggugat nilai kebaikan masyarakat seolah-olah masyarakat telah hilang pertimbangan dan pedoman hidup yang berlandaskan lunas-lunas Islam yang sebenarnya. Fenomena ini juga seolah-olah menggambarkan mesej penyampaian ilmu Pendidikan Islam yang berlaku di semua peringkat masyarakat khususnya di sekolah dan Institut Pengajian Tinggi tidak mencapai objektif dan kurang berkesan dalam mengubah masyarakat ke arah kebaikan. Masalah kerutuhan akhlak remaja Malaysia yang saban hari dipaparkan di media massa membuktikan moral remaja begitu kritikal. Dari sudut pendidikan, permasalahan ini berpunca daripada masalah kerohanian yang sakit dan kosong iaitu tidak berupaya mengisi roh mereka dengan rasa nikmat kepada Allah. Para pelajar perlu diberi rawatan kerohanian yang berkesan. Selain itu beliau juga berpendapat proses pengajaran dan pembelajaran dan kurikulum Pendidikan Islam perlu ada inovasi, strategi yang sesuai supaya dapat memberi kesan kepada perubahan minda dan penghayatan pelajar. Guru pendidikan Islam perlu kreatif dalam penyampaian supaya isi pengajaran mudah dicernakan oleh pelajar. Guru Pendidikan Islam sebagai pendakwah perlu meletakkan pelajar sebagai sasaran dakwah. Para guru seharusnya terlebih dahulu membuat perubahan diri dan minda sebelum mengharapkan perubahan pelajar (10)

Objektif Kajian

1.Mengetahui bentuk media komunikasi dakwah pensyarah dalam pengajaran dan pembelajaran.

2.Mengenal pasti faktor-faktor penggunaan media komunikasi dakwah pensyarah dalam pengajaran dan pembelajaran.

3.Mengenal pasti bentuk halangan penggunaan media komunikasi dakwah pensyarah dalam pengajaran dan pembelajaran.

Metodologi Kajian

Pengumpulan data merupakan proses pengumpulan maklumat dengan memilih dan menggunakan kaedah alat pengumpulan data yang bersesuaian dengan permasalahan kajian, strategi penyelidikan di samping jenis dan kewujudan sumber data (11). Kajian perpustakaan digunakan adalah untuk mengumpulkan data-data dan maklumat yang berkaitan dengan kajian, mengetahui dengan lebih mendalam tentang konsep komunikasi dakwah dan penggunaannya dalam penyampaian. Data-data diperolehi daripada bahan-bahan ilmiah seperti buku, jurnal, dokumen, disertasi yang berkaitan dengan kajian. Kajian lapangan iaitu membuat pemerhatian dan mencatat tingkah laku individu atau kumpulan subjek kajian dalam keadaan semula jadi

(12). Kajian ini juga bertujuan untuk mendapatkan data-data secara terus daripada responden. Cara ini akan menghasilkan suatu persoalan terkini dan lebih menepati objektif kajian. Kajian ini telah menggunakan dua kaedah kajian lapangan iaitu temubual berstruktur dan observasi berstruktur. Temu bual berstruktur telah dilakukan untuk mendapatkan maklumat tentang penggunaan dan perlaksanaan komunikasi dakwah 16 orang pensyarah Pendidikan Islam dalam kalangan pelajar sama ada di dalam kelas atau di luar kelas.

Observasi berstruktur adalah pemerhatian yang dilakukan untuk membolehkan penyelidik mengumpul data berdasarkan tingkah laku yang diperhatikan bagi memahami secara lebih mendalam tentang perkara yang dikaji dan mencatat dapatan dalam borang pemerhatian (Chua Yan Piaw:2011). Observasi memberi peluang kepada penyelidik melihat sendiri secara langsung dengan situasi yang dikajinya disamping menyokong dapatan soal selidik. Dalam kajian ini observasi telah dilakukan ke atas pelaksanaan dan perjalanan kelas pensyarah dan perjumpaan dengan pelajar secara tidak formal. Kaedah ini dapat membantu penyelidik mendapat maklumat yang lebih mendalam berdasarkan perkara sebenar tentang aplikasi media dalam pelaksanaan komunikasi dakwah pensyarah.

Analisis data adalah proses menghuraikan masalah kajian berasaskan persoalan kajian bagi menjelaskan objektif kajian yang telah disasarkan (13). Semua data yang telah dikumpul akan dianalisis dengan menggunakan kaedah kualitatif . Temu bual secara berstruktur yang dijalankan ke atas 16 orang pensyarah pendidikan Islam melibatkan 3 item yang perlu dijawab. Penganalisaan secara menyeluruh telah dilakukan terhadap hasil jawapan daripada temubual yang dijalankan bagi mendapatkan pengesanan tentang penggunaan media dalam pelaksanaan komunikasi dakwah pensyarah terhadap pelajar.. Proses pengambilan data ini berlaku secara manual sebelum diproses menggunakan perisian *Atlas.t7* iaitu merupakan satu perisian yang membolehkan data kualitatif diproses dalam bentuk kuantitatif. Perisian *Atlas.t7* ini digunakan bagi memproses data adalah untuk kemudahkesanan dan penyusunan ketika menganalisis data.

Kajian ini berdasarkan Model Komunikasi dakwah Pensyarah Terhadap Pelajar. Model komunikasi ini hasil inspirasi daripada Model Retorik Penulisan Dakwah oleh Norrodzoh Hj Siren namun telah diolah mengikut kesesuaian dengan tajuk kajian (14). Model komunikasi ini melibatkan beberapa elemen dalam menjayakan komunikasi. Setiap elemen berhubung kait dalam memberi kesan terhadap komunikasi pensyarah terhadap pelajar.

Rajah 1: Model Komunikasi Dakwah Pensyarah Terhadap Pelajar



Sumber: Pengubahsuaian daripada Model Retorik Penulisan Dakwah oleh Norrodzoh Siren

Rajah 1 menjelaskan tentang hubungan komunikasi dakwah pensyarah terhadap pelajar yang meletakkan pensyarah sebagai da'i dan pelajar sebagai mad'u. Model komunikasi ini meletakkan media sebagai intipati kepada penyampaian mesej dengan penggunaan uslub yang bersesuaian. Keperluan pensyarah dalam penggunaan media yang bersesuaian dengan tujuan membolehkan sesuatu mesej disampaikan dengan tepat, difahami dan mendapat maklum balas.

Skop Batasan Kajian

Penyelidikan ini dijalankan terhadap semua pensyarah Pendidikan Islam seramai 16 orang. Kajian yang dilakukan ke atas komunikasi dakwah secara lisan dan bukan lisan dalam proses perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran oleh pensyarah pendidikan Islam terhadap pelajar Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. kajian ini kemudian dianalisa bagi memperolehi maklumat dalam membantu penambahbaikan dalam perancangan, penyusunan dan perlaksanaan para pensyarah dalam proses penyampaian pengajaran dan pembelajaran (P&P).

Dapatan Kajian

Dalam proses pelaksanaan komunikasi dakwah, pelbagai saluran media digunakan untuk menyampaikan maklumat. Rajah 2, 3 dan 4 merupakan analisa hasil temu bual bersama pensyarah berkaitan aspek penggunaan media dalam komunikasi dakwah mereka terhadap pelajar.

a) Bentuk media yang digunakan

Rajah 2: Bentuk Media Yang Digunakan



Analisa kajian mendapati 16 orang pensyarah menggunakan audio visual sebagai media utama dalam penyampaian dakwah di dalam kelas atau media lisan di samping media lain turut digunakan iaitu menggunakan bahan daripada internet (12 orang), *power point* (15 orang) dan syarahan (enam orang). Walau bagaimanapun komunikasi terus berlaku semasa pensyarah di luar kelas apabila terdapat (lapan orang) memilih emel sebagai medium komunikasi, penggunaan telefon bimbit sama ada melalui panggilan atau sistem pesanan ringkas (SMS) (tujuh orang), menggunakan medium komunikasi semasa seperti *whatsapp, wechat, blackberry Messenger* (BBM) dan sebagainya (dua orang) dan hanya (seorang) pensyarah menggunakan *facebook* sebagai medium komunikasi bersama pelajar di luar kelas. Menurut Puan Nor Yanie (2013) penggunaan audio visual dan *power point* dapat membantu pensyarah memfokuskan subjek pengajaran. Selain itu, kaedah ini dapat menarik minat pelajar dalam memberi tumpuan semasa pengajaran dan memudahkan proses pemahaman. Manakala bagi komunikasi dakwah bersama pelajar di luar kelas beliau gemar menggunakan emel kerana mudah diakses oleh semua pelajar (Siti Noryanie Yusof:2013). Penggabungan pelbagai media dan memperbanyakkan alat bantu mengajar dapat membantu menarik minat pelajar terhadap pendidikan Islam serta memberi keberkesanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (16).

(b) Faktor penentuan media

Rajah 3 Faktor Penentuan Media

Dalam proses komunikasi terdapat pelbagai faktor yang menentukan penggunaan sesuatu media. Berdasarkan Rajah 3 menunjukkan faktor penentuan media dalam komunikasi pensyarah. Hasil temu bual yang dilakukan mendapati (sembilan orang) pensyarah mengatakan kesesuaian topik menentukan bentuk penggunaan media manakala faktor lain ialah keadaan pelajar (lapan orang) pensyarah, suasana kelas (empat orang) dan media yang lebih fokus dan menjimatkan masa dipilih oleh (dua orang) pensyarah. Menurut Masitah (2013), penggunaan media yang tepat dan bersesuaian dengan topik pengajaran membantu pelajar memahami dengan lebih cepat dan menjimatkan masa (17).

(c) Masalah penggunaan media

Rajah 4: Masalah Dalam Penggunaan Media



Media yang baik akan sentiasa berperanan dalam membantu melancarkan proses komunikasi. Oleh itu masalah penggunaan media boleh menjejaskan kualiti komunikasi itu sendiri. Rajah 4 menunjukkan aspek masalah penggunaan media iaitu semua pensyarah (16 orang) mengatakan masalah penggunaan media mengganggu proses komunikasi dalam pengajaran iaitu peralatan rosak, peralatan tidak mencukupi dan terpaksa membawa sendiri ke kelas sebagai permasalahan utama dalam penggunaan media. Faktor-faktor ini sememangnya memberi impak besar dalam proses penyampaian. Menurut Puan Aisyah (2013), pensyarah sentiasa berusaha memberikan penyampaian yang terbaik kepada pelajar, tetapi masalah-masalah yang di luar kawalan seperti hal tersebut telah menjejaskan mutu penyampaian dan melambatkan proses P&P yang telah dirancang (18).

Rumusan dan cadangan

Kajian ini secara umumnya mengupas tentang peranan media dalam perlaksanaan komunikasi dakwah pensyarah terhadap pelajar bagi proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian dapat mengenal pasti bahawa majoriti pensyarah menggunakan audio visual sebagai media pilihan utama dalam perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik kuliah manakala emel pula menjadi medium pilihan untuk berinteraksi dengan pelajar di luar kelas kerana mudah diakses oleh pelajar. Penggunaan media pengajaran yang pelbagai adalah didorong oleh beberapa faktor terutamanya kesesuaian topik yang diajar. Walau bagaimana pun, permasalahan kekurangan prasarana yang berkait dengan media komunikasi pensyarah sedikit sebanyak menjejaskan kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran yang telah dirancang.

Berdasarkan dapatan kajian yang menunjukkan para pensyarah Pendidikan Islam kurang menggunakan media komunikasi terkini, adalah dicadangkan para pensyarah perlu menghilangkan sedikit *privacy* dengan sentiasa mengaktifkan media komunikasi yang dekat dengan pelajar seperti *whatapps* dan *facebook* demi penambah baikan dalam penyampaian maklumat dan maklum balas yang pantas terhadap permasalahan pelajar.

Kajian juga mendapati *power point* yang digunakan oleh pensyarah merupakan komunikasi sehala yang kurang menarik perhatian pelajar. Oleh yang demikian adalah dicadangkan pensyarah menggunakan *power point* yang berbentuk interaktif yang dapat melibatkan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, kajian juga mendapati kekurangan prasarana yang dihadapi pihak pensyarah dalam proses penyampaian pengajaran dan pembelajaran, adalah dicadangkan pihak pengurusan Politeknik dapat meningkatkan lagi kemudahan-kemudahan seperti menyediakan LCD projektor dalam setiap bilik kuliah dan sentiasa memastikan media pengajaran berada dalam keadaan yang berfungsi demi kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran.

Rujukan

[1] Kamus Dewan , edisi ke-3 , Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2002.

[2] Ghazali Sulaiman, Media Komunikasi Islam, dalam: S.Salahudin Suyurno et al.(eds), Islam dan Komunikasi, Pusat penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi Mara, Shah Alam 2007, h. 67-68

[3] Mohd Baharudin Othman dan Mohd Khairie Ahmad, *Pengantar Komunikasi*,Penerbit Universiti Utara Malaysia, Kedah, 2003.

[4] Abd. Ghafar Md. Din, Prinsip dan Amalan Pengajaran, Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 2003.

[5] Zulkiple Abd. Ghani, Islam, Komunikasi Dan Teknologi Maklumat, Kuala Lumpur, 2001

[6] Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, Yusmini Md. Yusoff, Kaedah Mengajar & Kemahiran Interpersonal Guru, PTS Profesional Publishing Sdn Bhd, Selangor, 2007.

[7] Kamus Bahasa Melayu, Crescent News Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, 2008.

[8] Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri, Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran & Pembelajaran,Universiti Teknologi Mara, Johor,2007.

[9] Ghazali Darusalam, Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah, Utusan Publication & Distributors, Kuala Lumpur, 1996.

[10] Zaharah Hussin & Ab. Halim Tamuri, Pembelajaran Berasaskan Masalah Dalam Pendidikan Akhlak, dalam: Ab. Halim Tamuri *et al.*(eds) , Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, 2010, h.154-161

[11] Sulaiman Masri, Kaedah Penyelidikan Dan Panduan Penulisan:Esei, Proposal, Tesis, Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 2005.

[12] Chua Yan Piaw, Kaedah Penyelidikan Edisi Kedua. McGraw-Hill, Malaysia, 2011.

[13] Idris Awang, Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam, Kamil 7 Shakir Sdn Bhd, Selangor, 2009.

[14] Norrodzoh , Retorik Penulisan Dakwah, dalam: Nor Raudah Hj Siren, Yusmini Mohd Yusoff dan Mahmudah Hj. Nawawi (eds), Dakwah Islam Semasa-Konsep Dan Perlaksanaan, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006.

[15] Siti Noryanie Yusof, Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 26 April 2013.

[16] Ghazali Sulaiman, Media Komunikasi Islam, dalam: S.Salahuddin Suyurno, Huzaimah Hj. Ismail dan Aini Faezah Ramlan (eds) Islam Dan Komunikasi, Pusat penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi Mara, Shah Alam 2007, h.67-70

[17] Masitah Mohd Ali, Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 23 April 2013

[18] Aisyah binti Abdul Razak (Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 26 April 2013

PEMBANGUNAN MODUL PEMBELAJARAN ‘STEP BY STEP TO BUILD YOUR OWN ROBOT’

Mohd Taufik Rezza Bin Mohd Foudzi[1], Mohd Nazrulazlan bin Abd Rasid[2]
Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Nilai
taufik.f.poli@1govuc.gov.my/ taufikrezza@yahoo.com[1],
nazrulazla.poli@1govuc.gov.my/mnaar_naz@yahoo.com[2]
014-5985717[1], 0199808587[2]

Katakunci: Modul pembelajaran, Mobil robot, mikropengawal

Abstrak: Satu modul pembelajaran bertajuk ‘Step by Step to Build Your Own Robot’ telah dibangunkan untuk menarik minat pelajar untuk mempelajari subjek sains terutamanya bidang robotik. Modul ini dibangunkan menjuruskan kepada penggunaan mikropengawal, penulisan aturcara dan litar asas elektronik bagi menghasilkan mobil robot. Tempoh pembelajaran menggunakan modul ini memerlukan masa sekurang-kurangnya selama 3 hari berbanding kaedah pembelajarankonvesional yang memakan masa yang panjang. Tambahanpula, pembelajaran secara konvesional memerlukan pengguna/ pelajar menguasai bahasa C atau bahasa himpunan untuk menulis aturcara pada mikropengawal. Modul ini menggunakan gambarajah carta alir untuk menulis aturcaranya pada mikropengawal. Penghasilan modul ini turut membangunkan platform asas bagi pembinaan mobil robot. Modul ini telah digunapakai kepada guru-guru pelatih, pensyarah-pensyarah, dan guru-guru sekolah rendah sekitar Kuching di Institut Pendidikan Guru, Kampus Batu Lintang, Kuching Sarawak bagi menjayakan kursus asas robotik sempena Program Kemasains.

Pengenalan

Pendidikan merupakan salah satu keperluan dalam pembangunan sumber manusia yang dinamik dalam mencorakkan perubahan dan kemajuan masyarakat dan Negara. Ia menjadi asas kepada Wawasan 2020 yang bertujuan menjadikan Malaysia sebuah Negara maju sepenuhnya dan mampu bersaing dengan negara maju lain sama ada dari segi ekonomi, teknologi dan pemodenan taraf hidup. (Abd Rahim Abd Rashid, 2002). Maka, bidang pendidikan merupakan bidang yang penting dalam membentuk dan membangunkan sesebuah negara. Ia memerlukan usaha-usaha strategik yang boleh meningkatkan keupayaan dan kemampuan amalannya tertahap kualiti yang tinggi dan cemerlang agar dapat menangani cabaran-cabaran abad ke-21.Modul pembelajaran ini merupakan salah satu bentuk modul yang berkonsepkan memberi kemudahan khususnya kepada pelajar yang ingin menerokai pembelajaran baru dalam pembinaan asas robotik. Modul ini dibina untuk pelajar yang mengikuti kursus secara jangka pendek iaitu selama 3 hari sahaja.. Modul jenis ini adalah modul yang lengkap dan mengandungi semua bahan dari pengenalan sejarah robotik, asas pengaturcaraan, dan asas elektronik termasuk cara-cara pembinaan robot secara terus ke atas platform yang disediakan.

Secara tidak langsung, ini dapat membantu pelajar memperoleh, meningkatkan dan menyebarkan ilmu pengetahuan secara lebih sistematik. Dengan ini, pembelajaran modul asas robotik ini mampu menarik minat pelajar untuk mendalami subjek sains serta mengaplikasikan penggunaannya dalam penghasilkan suatu produk inovasi. Kesimpulannya, penggunaan modul adalah digalakkan dan bersesuaian bagi melahirkan pelajar yang mempunyai pemikiran kreatif dan kritis dalam subjek sains bagi memenuhi keperluan tenaga mahir negara selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Negara.

Okjektif Kajian

i. Membangunkan satu modul pembelajaran bertajuk '**STEP BY STEP TO BUILD YOUR OWN ROBOT'**
ii. Membina platform asas robot yang bersesuaian dengan modul yang dihasilkan.
iii. Menghasilkan modul pembelajaran yang mampu dipelajari dalam tempoh yang singkat dan menarik minat pelajar/peserta yang tiada latarbelakang teknikal.

Kepentingan Kajian

Modul ini dibangunkan mengikut keperluan bagi pembinaan asas robotik yang merangkumi nota sejarah mesin dan robotik, asas pengaturcaraan, dan asas elektronik. Tambahan pula sebuah platform asas robotik telah dihasilkan bagi menjalankan aktiviti yang disediakan dalam modul ini bagi menguji tahan kefahaman pelajar. Maka, pelajar yang mengikuti modul ini mendapat panduan secara khusus bagi membantu mereka dalam menambah pengetahuan dan kemahiran dalam asas pembinaan robotik seterusnya pelajar tersebut mampu mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian.

Penyataan Masalah

Di Malaysia khususnya kurang penghasilan modul pembelajaran berkaitan pembinaan asas robot. Tambahan pula, kebanyakan modul pembelajaran yang terdapat dipasaran menggunakan Bahasa C atau himpunan. Maka ia menjadi kekangan pelajar/ pengguna untuk mempelajari dan menguasainya bagi menulis aturcara ke atas robot. Modul pembelajaran turut mewujudkan sebuah platformasas mobil robot yang mudah didapati dari pasaran tempatan maka menjadikan ia murah iaitu dalam lingkungan harga RM 500 seunit berbanding platform robot lain seperti LEGO Mindstorm yang berharga dalam RM1000 – RM 2000 bagi seunit.
SKOP KAJIAN. Modul ini menerangkan tentang pengisian yang padat dan ringkas bagi modul pembelajaran asas robotik yang bertajuk '**STEP BY STEP TO BUILD YOUR OWN ROBOT'.**. Ia juga merangkumi definisi, teori dan dibantu oleh gambar-gambar bagi memudahkan pelajar memahami konsep asas dalam pembinaan robotik asas. Modul ini mengandungi tajuk dan aktiviti yang berkaitan seperti berikut:

i. Asas elektronik
ii. Asas pengaturcaraan
iii. Aktiviti pertama: penggunaan isyarat keluaran (output)
iv. Aktiviti kedua: penggunaan isyarat masukan (input)
v. Aktiviti ketiga: penggunaan geganti (relay)
vi. Aktiviti keempat:penggunaan motor *driver*
vii. Aktiviti kelima:penghasilan mobil robot

Proses Pembinaan Modul Pembelajaran



Rajah 2: Mikropengawal PIC16F877A

Mikropengawal yang digunakan dalam modul pembelajaran ini adalah PIC (Peripheral Interface Controller) yang dihasilkan oleh Microchip. Mikropengawal adalah sebuah peranti yang mampu mengawal peranti elektronik dan elekro-mekanikal. Mikropengawal banyak digunakan dalam pelbagai poduk seperti sistem kawalan pemanduan kereta, sistem kawalan brek, televisyen, telefon dan lain-lain. Mikropengawal mempunyai unit pemprosesan berpusat (central processing unit (CPU)), ingatan (memory), liang masukan (input ports), dan liang keluaran (output ports).



Rajah 3: Binaan Dalaman PIC16F877A

Rajah 3 menunjukkan binaan dalaman mikropengawal yang mengandungi pelbagai tambahan modul dalaman seperti Pulse width modulation (PWM) modul, A/D Converter modul, USART modul, SPI/I^2C modul dan USB modul. Kelebihan ini menjadikan mikropengawal daripada Microchip sebagai pilihan pengguna dan mesra pengguna. Ini akan menjimatkan ruang dan ia boleh diintegrasikan dengan banyak peranti antaramuka. Contohnya seperti litar kawalan pemanduan motor DC, litar kawalan geganti dan litar komunikasi RF.

Pengenalan Penggunaan Perisian

Dua perisian yang akan digunakan dalam pembangunan modul pembelajaran ini iaitu Flowcode dan PICKit 2. Pada kebiasaannya mikropengawal penggunaan bahasa C, dan bahasa himpunan mesin (asembly language) dalam pengaturcaraan. Flowcode adalah perisian grafik yang digunakan sebagai bahasa pengaturcaraan di dunia untuk mikropengawal. Kelebihan besar Flowcode ialah ia membolehkan mereka yang mempunyai sedikit pengalaman pengaturcaraan untuk mewujudkan sistem elektronik yang kompleks dalam beberapa minit. Flowcode boleh didapati dalam pelbagai bahasa dan pada masa ini menyokong PICmicro, dsPIC, PIC24, AVR / Arduino dan ARM siri mikropengawal. PICKit 2 digunakan untuk memindahkan program yang dihasilkan oleh Flowcode ke dalam mikropengawal. Rajah 4 menunjukkan carta alir pengunaan Flowcode kepada mikro pengawal.



Rajah 4: Carta Alir Penggunaan Flowcode kepada Mikropengwal

Rajah 5 menunjukan paparan antaramuka Flowcode yang digunakan dalam pembangunan modul pembelajaran ini.



Rajah 5: Paparan antaramuka Flowcode

Aktiviti- aktiviti yang dibangunkan

Modul pembelajaran terbahagi kepada lima aktiviti iaitu meliputi pengawalan keluaran menggunakan aplikasi LED, pengawalan menggunakan suis, penggunaan litar geganti (relay), pengawalan litar pemanduan motor DC, dan penghasilan mobil robot. Aktiviti Pertama merupakan aplikasi mikropengawal yang amat berguna dalam modul ini iaitu pengawalan keluaran menggunakan LED. Disamping itu, pengenalan nombor asas dua (binary number) dan asas enambelas (hexadecimal number) serta nombor asas sepuluh (decimal number) kepada pelajar. Jadual 1 menunjukkan hubungan nombor asas sepuluh dan nombor asas dua.

Decimal number	Same number in binary
0	0
1	1
2	10
3	11
4	100
5	101
6	110
7	111
8	1000
9	1001

Jadual 1: Hubungan Nombor Asas Dua dan Nombor Asas Dua

Aktiviti Kedua merupakan penggunaan suis dalam mikropengawal. Ia melibatkan penyambung pelbagai jenis suis dan penderia (sensor) kepada mikropengawal. Aktiviti Ketiga melibatkan penggunaan litar geganti sebagai litar antaramuka mikropengawal. Geganti ialah sejenis suis-elektromekanikal yang dikendalikan pada arus elektrik yang rendah iaitu kira-kira 10 mA. Bertindak sebagai suis kawalan pada litar elektronik yang berarus tinggi seperti pada litar kawalan lampu isyarat. Geganti dikendalikan oleh aruhan magnet. Bahan binaannya terdiri daripada gegelung , plat sesentuh, teras besi dan armatur. Geganti beroperasi apabila arus mengalir melalui gegelung dan aruhan magnet akan terhasil menyebabkan armatur tertarik ke teras besi. Kemudian plat sesentuh bersentuhan dan arus mengalir . Apabila arus elektrik berhenti mengalir, aruhan magnet hilang, armatur terlepas dan plat sesentuh terbuka semula. Geganti dalam litar elektronik bervoltan rendah iaitu 6V, 9V dan 12V. Dua jenis geganti yang biasa digunakan adalah seperti kutub tunggal satu arah (SPST) dan kutub tunggal dua arah (SPDT). Rajah 6 menunjukkan binaan dan sambungan geganti.



Rajah 6: Binaan dan sambungan dalam geganti

Motor DC dijadikan sebagai salah satu pengerak(actuator) bagi aktiviti keempat. Bagi mengaktifkan motor DC, litar antaramuka motor DC perlu digunakan. Terdapat banyak arahan yang boleh dibuat dengan motor DC apabila digabungkan bersama mikropengawal. Sebagai contoh, ia boleh mengawal kelajuan motor, mengawal arah putaran dan melakukan pengekodan putaran yang dibuat oleh motor DC. Dalam aktiviti ini, kita akan mempelajari bagaimana untuk menghubungkan antara motor DC dengan mikropengawal. Biasanya H-jambatan digunakan untuk litar antaramuka motor DC. Hari ini banyak pengeluar IC mempunyai *motor driver* H-jambatan (H-bridge) yang terdapat di pasaran seperti L293D adalah yang paling banyak digunakan. H-jambatan juga boleh dibuat dengan bantuan transistors dan MOSFET. Aktiviti terakhir bagi modul pembelajaran ini adalah menghasilkan mobil robot. Aktiviti penghasilan mobil robot ini merupakan gabungan hasil daripada semua aktiviti yang dilakukan sebelum ini. Kefahaman pelajar akan dinilai berdasarkan kepada penghasilan robot tersebut.

Pembinaan Platform asas robot

Modul pembelajaran ini menghasilkan satu platform robot asas bagi pelajar menjalankan aktiviti-aktiviti yang disediakan . Jadual 2 menunjukkan kos pembinaan platform asas robot bagi modul pembelajaran ini.

Bil.	Peranti/Peralatan	Unit	Harga (RM)
1	PIC Main Board	1	70.00
2	PIC16F877A	1	25.00
3	Breadboard	1	15.00
4	3V Miniature Brush Motor w/o Gear	2	9.00
5	L293D	1	13.00
6	Male to Female Jumper Wire	1	6.00
8	LED 5mm	6	1.20
9	Battery 9V w Cap	1	5.00
10	Mini Wheel	2	10.00
11	Aluminum Plate Mobile Platform	1	98.00
12	PIC Kit2 Programmer	1	70.00
Jumlah Kos			**322.20**

Jadual 2: Senarai kos peranti dan peralatan

TEMPAT KAJIAN

Kajian ini akan dilakukan Institut Pendidikan Guru, Kampus Batu Lintang, Kuching Sarawak. Pemilihan tempat kajian ini adalah bersesuaian dengan kepentingan kajian iaitu menghasilkan modul bagi peserta/pelajar yang tidak mempunyai latar belakang teknikal terutamanya asas robotik serta tempoh masa pembelajaran yang diperlukan.

SAMPEL KAJIAN

Bagi tujuan kajian ini, pengkaji telah memilih peserta seramai 40 orang sebagai responden yang akan menjalani penilaian keberkesanan modul. Tujuan utama pemilihan sampel ini terdiri daripada 13 orang guru sekolah rendah sekitar Kuching, 17 orang guru pelatih dan 9 orang pensyarah termasuk Ketua Jabatan Sains daripada Institut Pendidikan Penguruan Kampus Batu Lintang,Kuching. Pengkaji memilih kesemua responden dipilih kerana tidak mempunyai latarbelakang teknikal dan berbilang tahap umur bagi menjalankan modul pembelajaran ini.

INSTRUMEN KAJIAN

Ujian dalam Aktiviti

Ujian pasca (dilakukan di akhir kajian). Ujian ini akan dijalankan dengan melihat prestasi peserta menyelesaikan aktiviti yang disediakan. Setiap aktiviti mempunyai tugasan yang berbeza untuk melihat tahap kefahaman peserta yang terlibat. Sebanyak 5 ujian diadakan sepanjang modul ini dijalankan.

Soal selidik

Penyelidik menggunakan borang soal selidik untuk melihat penerimaan responden tentang modul yang dibina. Soal selidik terbahagi kepada 2 bahagian iaitu peningkatan pengetahuaian dan keberkesanan modul yang dijalankan untuk menilai penerimaan modul yang dibina. Kaedah ini digunakan dalam menentukan kesahan dan kebolehpercayaan.

Analisis data

Graf 1 menunjukkan item soalan yang dikemukakan dalam peningkatan pengetahuan. Daripada analisis didapati, secara keseluruhannya peratusan yang diperolehi dalam peningkatan pengetahuan adalah melebihi 80% setelah mengikuti modul yang dijalankan. Item yang mencatat peratusan tertinggi dalam peningkatan pengetahuan adalah penyataan tahap pemahaman yang peserta terhadap modul yang dijalankan. Selain itu, item seperti pengetahuan yang diperolehi setelah mengikuti modul ini juga mencatat peratusan sebanyak 90%. Item yang mencatat peratusan terendah adalah kemampuan peserta mempraktikkan kemahiran yang diperolehi iaitu sebanyak 80%. Ini memberi maksud modul yang dibina mampu meningkatkan pengetahuan dan pemahaman peserta tentang asas robot.



Graf 1:Peratusan Item Peningkatan Pengetahuan

Graf 2 menunjukkan item soalan yang dikemukakan dalam keberkesanan modul. Daripada analisis didapati, secara keseluruhannya peratusan yang diperolehi dalam keberkesanan modul juga adalah melebihi 80% setelah mengikuti modul yang dijalankan. Item yang mencatat peratusan tertinggi dalam keberkesanan modul adalah objektif sebenar modul tercapai. Ini memberi maksud modul yang dibina membolehkan objektif peserta untuk belajar membina robot asas tercapai.



Graf 2: Peratusan Item bagi keberkesanan Modul

Pembincangan

Modul pembelajaran yang dibina mampu dipelajari dalam tempoh yang singkat dan menarik minat pelajar/peserta yang tiada latarbelakang teknikal khususnya untuk mempelajari asas pembinaan robot asas dalam masa yang singkat. Modul '**STEP BY STEP TO BUILD YOUR OWN ROBOT'**yang telah siap ini, merupakan modul pembelajaran yang dibina berdasarkan Model Pembinaan Modul Sidek. Pemilihan model ini adalah bersesuaian dan mudah untuk diikuti kerana ia mempunyai peringkat-peringkat tertentu yang membolehkan modul dihasilkan dengan baik. Modul yang telah dibina telah pun melalui dua peringkat utama yang telah dinyatakan dalam Model Pembinaan Modul Sidek iaitu menyediakan draf serta peringkat mencuba dan menilai modul. (Sidek Mohd Noah dan Jamaludin Ahmad, 2005).

Pada peringkat pertama, setiap langkah yang telah disarankan dalam Model Pembinaan Modul Sidek telah diikuti. Setelah siap disatukan, modul akan dipanggil sebagai draf kerana modul ini belum dibuktikan kesahan dan kebolehpercayaannya. (Sidek Mohd Noah dan Jamaludin Ahmad, 2005). Seterusnya, modul akan dibuktikan melalui kesahan dan kebolehpercayaan modul. Kesahan modul telah dijalankan dengan mengambil 10 orang pensyarah Institut Pendidikan Guru yang pakar dalam pembelajaran sains bagi modul '**STEP BY STEP TO BUILD YOUR OWN ROBOT'** telah dibina memperolehi nilai kesahan yang tinggi. Ini dapat disokong oleh kenyataan yang dibuat oleh Sidek Mohd Noah dan Jamaludin Ahmad (2005), modul yang baik perlulah mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi bagi membolehkan ia digunapakai oleh pelajar mahupun pensyarah

Penghasilan modul '**STEP BY STEP TO BUILD YOUR OWN ROBOT'**telah ini, akan memberikan kesan terhadap gambaran dan pemahaman pengguna. Oleh itu, modul seharusnya dibina dalam satu gambaran yang jelas, konsisten dan menarik. Modul dibina menggunakan Teori Beban Kognitif bagi meminimumkan beban ke atas kognitif pengguna. Pendekatan yang digunakan ini penting bagi memudahkan pemahaman pengguna berkenaan pengajaran yang hendak disampaikan. Penggunaan teori yang sesuai adalah sangat penting dalam penyampaian sesuatu isi dalam modul dan selaras dengan matlamat pengasilan modul yang ringkas dan padat. Ini juga bertepatan dengan kenyataan bahawa Teori Beban Kognitif menurut pandangan Sweller (1998) dalam kajian Norzawani (2008), ialah individu akan memperoleh pembelajaran yang optimum apabila beban ingatan kerja (ingatan jangka pendek) dapat diminimumkan. Oleh itu, Teori Beban Kognitif sesuai diaplikasikan dalam bahan pembelajaran seperti modul ini.

Rujukan

1. Azizi Yahaya, Asmah Suboh, Zurihanni Zakariya, Fauziah Yahya (2005). *Aplikasi Kognitif dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
2. Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon, Abdul Rahim Hamdan (2007). Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
3. Kamdi Kamil (1990). *Keberkesanan Program Pengayaan Alam dan Manusia secara Bermodul untuk Murid-murid Pencapaian Tinggi Tahun Lima*. Tesis Sarjana. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia
4. Sharifah Alwiah Alsagoff (1981). *Pengenalan Pengajaran Individu dengan Tumpuan Khas kepada Modul Pengajaran dan Modul Pembelajaran.* Jurnal Pendidik dan Pendidikan 3(1): 54-62. Pulau Pinang; USM
5. Nur Zawani Kamal (2008). *Pembangunan Modul Bagi Tajuk 'Panduan Menggunakan Teks Pada Paparan Elektronik*. Tesis Sarjana Muda : UTM, Skudai
6. Mahyuddin bin Arsat & Norshahidah binti Shafie (2010), Pembangunan Modul "Basic Of Electric And Electronic", UTM
7. Abdul Razak Bin Idris & Noorul Shuhadah Osman(2011), Pembangunan Modul Pembelajaran Kendiri Asas Penyelidikan Dan Pencarian Maklumat Melalui Pangkalan Data Elektronik, UTM

Successful English Language Learners' Strategies in AE101 Communicative English 1 Class

Rashidah Radzi
Politeknik Nilai, Kompleks Pendidikan Bandar Enstek,
71760 Bandar Enstek, NEGERI SEMBILAN
Rashidahradzi1986@gmail.com

Keywords: Language Learning Strategies, Good Language Learners

Abstract. Learning strategies are anything done or made by the learners in order for them to improve their own learning. The purpose of this study was to investigate the usage of Language Learning Strategies (LLS) among good language learners (GLL) in semester 1 class. This research is conducted by distributing questionnaires to the students. The questionnaires used were modified from the Language Strategy Use Survey by Cohen, Oxford & Chi (2002) and Cohen & Oxford (2002). The inventory is used to cover the four language skills which are reading, writing, speaking and listening. The respondents were 10 semester 1 students who took AE 101 Communicative English 1 course in Nilai Polytechnic. Based on the research conducted, the successful English language learners used different types of Language Learning Strategies in order for them to improve their English. These strategies would be very useful for other students to improve their English.

1.0 Introduction

According to Scarcella & Oxford (1992), learning strategies are specific actions, behaviours, steps or techniques used by students to enhance their own learning. The examples of these actions or steps are looking out for conversation pairs or giving oneself encouragement to tackle a difficult language task. In other words, it can be said that learning strategies are anything done or made by the students in order for them to improve their own learning. The purpose of language learning strategies is to make sure that the learners are able to accomplish the learning tasks given by the teacher (Richard & Lockhart, 1996) and the main goal is to promote language proficiency (Tudor, 1996) so that the learner can use the language not only inside the classroom but in their everyday lives. Based on the advocates, it is obvious that learning strategies are very important in learning a language as the proverb says: "Give a man a fish and he eats for a day. Teach him how to fish and he eats for a lifetime". By teaching the students the strategies to learn language, the students will have the opportunity to apply the strategies to other situation or context.

1.1 Research Problem

1) The previous semester's result for AE101 show that students might face problems in learning the English language despite the efforts made by the English Language lecturers to use several methods and visual aids in teaching.

1.2 Research Question

1) What are the strategies often used by successful language learners to improve their English?

1.3 Research Objective

This research was carried out to identify the main features of the strategies used by successful language learners in AE 101 class in Nilai Polytechnic by assessing the respondents' learning experience, techniques, actions, attitudes, and strategies used to learn English as a second language in improving their language skills which are reading, speaking, writing and listening. The data collected will explain the strategies used by the good language learners to enhance their language skills.

2.0 Literature Review

This chapter is to provide some background on language learner strategies and the theories of language learning strategies. The relevant theories are cognitive and social cognitive theories. This chapter also exposes the relationship between various definitions of language learning strategies and the characteristics of successful English language learners. By explaining the characteristics, better understanding on the different strategies used by successful language learners while learning English can be developed. Chamot and O'Malley (1990, 1996) proposed a three-part strategy taxonomy based data collection using interviews and think-alouds by ESL young adult learners;

1. Metacognitive strategies: planning (advance organization, organizational planning, selective attention, self-management), monitoring (monitoring comprehension and production), and evaluating (self-assessment)
2. Cognitive strategies: Resourcing (finding and using appropriate resources), grouping, note-taking, elaboration of prior knowledge, summarizing, deduction/induction, imagery, auditory representation and making inferences
3. Social/affective strategies: questioning for clarification, cooperation and self-talk. According to O'Malley and Chamot, their work draws theories in cognitive science, particularly in information processing theory which will be discussed later. It is important to note that their classification was not only theory-based but also has been fairly accepted by both teachers and researchers in the field.

According to Rubin (1994) The good language learner :

- Is a willing and accurate guesser
- Has a strong drive to communicate
- Is uninhibited
- Attends to form
- Practices by seeking out conversations
- Monitors his or her own speech and the speech of others
- Attends to meaning

Thus in order for a student to be a good language learner, that student must be different from the usual poor learner that will make them learn faster and better as compared to poor learner. The use of language learning strategies of EFL learners has been widely investigated over the past 30 years through various elicitation methods and tools. One of the most widely used measures has been the Strategy Inventory for Language Learning (SILL). (Dörnyei 2005, White, Schramm and Chamot 2007) as cited by Kazamia, V. It is a structured questionnaire, aiming to assess how often learners employ specific language learning strategies. It equips teachers with the strategy profile of their students and uncovers to learners the kinds of strategies they resort to when learning English as a second or foreign language (Oxford 1990)

3.0 METHODOLOGY

3.1 Instrumentation

This survey was conducted by distributing questionnaires to the samples. The questionnaire used was modified from the Language Strategy Use Survey by Cohen, Oxford & Chi (2002) and Cohen & Oxford (2002). The inventory is used to cover the four language skills which are reading, writing, speaking and listening. There are 20 items in the questionnaire and the items are modified based on the discussion with other qualified and experienced English lecturers about how polytechnic students learn.

For each skill, 5 questions are asked to the respondents and they will have to choose whether the strategy doesn't fit for them, they have tried the strategy and would use it again, they use and like the strategy or they have never used the strategy but they are interested in using the strategy.

3.2 Respondents

The respondents were 10 semester 1 students taking AE 101 Communicative English 1 course in the polytechnic. The students were selected based on their result in AE 101 Communicative English 1 course whereby all the students obtained A for the course at the end of the semester.

4.0 FINDINGS & DISCUSSION OF FINDINGS

The listening strategy usage

Strategies	This strategy doesn't fit for me	I have tried this strategy and would use it again	I use this strategy and like it	I've never used this strategy but am interested in it
I watch movies and TV shows in English.	-	20% (2)	80% (8)	-
I listen to my favourite songs in English.	10% (1)	20% (2)	60% (6)	10% (1)
I listen for the important words without translating it word-for-word.	40% (4)	20% (2)	40% (4)	-
I ask the person to repeat or explain again in a simpler way.	-	10% (1)	80% (8)	10% (1)
I guess the meaning from what I heard or from my own knowledge	20% (2)	40% (4)	40% (4)	-

Table 1: The listening strategies used by the students.

Based on Table 1, the data collected revealed that 80% of the students watch movies and TV shows in English and they like the strategy. Only 20% or 2 of the respondents agreed that the strategy didn't fit for them. Most of the respondents prefer to improve their English by watching movies and TV shows in English. Most probably because they can understand the shows by reading the subtitle and this can improve their English.

Other than that, 60% of the respondents use and like to listen to their favourite songs in English in helping them to improve their English, 10% said this strategy didn't fit for them, 20% have tried and would use it again and 10% never used but am interested in using this strategy. This strategy is also one of the respondents favourite choice with 60% of them use and like this strategy. The respondents are 18 years old and most of them like to listen to English songs and based on the data received they believed this strategy can help to improve their English. Over 40% of the respondents listen for the important words without translating it word-for-word, 40% agreed this strategy didn't fit for them and 20% have tried this strategy and would use it again. The next strategy is I ask the person to repeat in a simpler way. 80% of the respondents use and like this strategy, both 10% of the respondents thoughts the strategy didn't fit for them and never used this strategy but am interested in using it. This strategy is also used by almost all of the respondents (80%). The students learnt how to ask for clarification and rephrasing sentences in AE 101 course, so for them asking the speaker to repeat is one of the effective ways to improve their English. The last strategy is guessing the meaning from what I heard or from my own knowledge. 40% of the respondents use and like this strategy, another 40% have tried this strategy and would use it again and another 20% of the respondents thought this strategy didn't fit for them. So, in conclusion, it can be deduced that the respondents have different strategies in making themselves better learners, but the most chosen strategies are watching movies and TV shows in English and also asking the speaker to repeat or rephrase. The least used strategy is listen for the important words without translating it word-for-word, but 2 of the respondents have tried it before and would use it again in the future.

The speaking strategy usage

Strategies	This strategy doesn't fit for me	I have tried this strategy and would use it again	I use this strategy and like it	I've never used this strategy but am interested in it
I practice speaking in front of mirror or friends	-	20% (2)	70% (7)	10% (1)
I start conversations in English with my lecturers and friends.	-	40% (4)	60% (6)	-
I ask other person especially	10%	10%	60%	20%

my friends to correct me when I talk.	(1)	(1)	(6)	(2)
I use body and facial gestures when speaking to enhance others' understanding.	10% (1)	20% (2)	50% (5)	20% (2)
I make up new words or guess if I don't know the right ones to use.	30% (3)	20% (2)	40% (4)	10% (1)

Table 2: The speaking strategies used by the students.

Table 2 above shows the data on the speaking strategies used by the good English learners in the class. For the first strategy which is, I practice speaking in front of mirror or friends, 70% of the respondents use and like this strategy, 20% have tried and would use this strategy again and 10% of them never used this strategy but they are interested in using it. Based on the data, this strategy is the most popular strategy among the 10 respondents with 7 of them use and like this strategy. For AE101 course, the students are required to do an oral presentation as one of their assessments. The data received shown that the students are using this strategy to help them to improve their English and presentation skills.

Meanwhile for the second strategy which is, I start conversations in English with my lecturers and friends, 60% of the respondents use and like this strategy and the rest (40%) of the respondents have tried and would use it again. The third strategy is I ask other person especially my friends to correct me when I talk. For this strategy, 60% of the respondents use and like this strategy, 20% never used this strategy but interested in it, and both 10% thought this strategy didn't fit for them and have tried this strategy and would use it again. The second and third strategies have equal number of respondents which are 60%. Some of the students like to ask questions and start a conversation with their friends and lecturers in English. Even though they made mistakes, they still try to speak in order for them to improve themselves. Other than that, some of the students will also ask their friends to correct them when they speak.

The next strategy listed in the inventory for speaking is I use body and facial gestures when speaking to enhance others' understanding. For this strategy, 50% of the respondents use and like this strategy, 20% have tried and would use it again and another 20% never used but interested in it and lastly 10% thought this strategy didn't fit for them. As for this strategy, half of the students use this strategy in improving their English. The students also learn about gestures and movements in this course. So, based on the findings it can be said that the respondents thought this strategy could help them in learning English. The last strategy for speaking is I make up new words or guess if I don't know the right ones to use. Based on the data displayed in Table 2, 40% of the respondents use and like this strategy, 20% thought this strategy didn't fit for them, 20% have tried and would use it again and 10% have never used it before but are interested in it. So, for speaking strategy, it can be concluded that the most preferred strategy is practice in front of mirror or friends and the least chosen strategy is making up new words or guess if the learner doesn't know the right words to use.

The writing strategy usage

Strategies	This strategy doesn't fit for me	I have tried this strategy and would use it again	I use this strategy and like it	I've never used this strategy but am interested in it
I plan what I am going to write in Malay first before writing in English	30% (3)	10% (1)	40% (4)	20% (2)
I ask the lecturer to check my writing.	-	20% (2)	70% (7)	10% (1)
I use dictionary when writing to look for suitable word to use.	10% (1)	30% (3)	50% (5)	10% (1)
I use spell checker in the computer while writing.	30% (3)	30% (3)	30% (3)	10% (1)
I read back what I have written to see if it is good and make necessary corrections.	-	20% (2)	80% (8)	-

Table 3: The writing strategies used by the students.

Table 3 above shows the writing strategies used by the students in becoming good English learner. There are 5 strategies. For the first strategy, only 40% of the respondents plan what they going to write in Malay first before writing in English, another 30% thought this strategy didn't fit for them, 20% have never used this strategy but are interested in it and 10% have tried this strategy and would use it again. For the next strategy, which is, I ask the lecturer to check my writing, 70% of the respondents use and like this strategy, 20% have tried and would use it again and the rest which is only 10% of the respondents have never used this strategy but interested in using it. 7 out of 10 respondents chose this strategy since they prefer to receive comments from their lecturers regarding their writing. Based on the lecturer's comments, they will try to correct the mistakes and improve their writing.

The third strategy is I use dictionary when writing to look for suitable word to use. Half of the respondents (50%) use and like this strategy, 30% have tried and would use it again, 10% thought this strategy didn't fit for them and another 10% have never used this strategy but are interested in it. The next strategy is I use spell checker in the computer while writing. Based on the data collected, 30% of the students use and like this strategy, 30% have tried and would use it again, 30% thought this strategy didn't fit for them and only 1 respondent have never used this strategy but interested in it. For the last strategy, 80% of the students use and like this strategy and the remaining 20% have tried and would use it again. This strategy is the most popular strategy among the respondents in improving their writing skills with 8 of them use and like it. The students would prefer to be given some time for them to check back their writing so that they can make any corrections before submitting it to the lecturer. Overall, the most preferred strategy for the respondents in learning writing is I read back what I have written to see if it is good and make necessary corrections and the least used strategy is I use spell checker in the computer while writing. Other than that, 3 of the respondents have used this strategy and would use it again.

Reading strategy usage

Strategies	This strategy doesn't fit for me	I have tried this strategy and would use it again	I use this strategy and like it	I've never used this strategy but am interested in it
I look for interesting reading materials in English.	-	40% (4)	60% (6)	-
I skim over the reading materials to get the main idea and then go back and read it more carefully.	10% (1)	30% (3)	60% (6)	-

Guess the approximate meaning by using clues from the context of the reading materials.	10% (1)	20% (2)	50% (5)	20% (2)
Use bilingual dictionary to get a sense of what the equivalent word in Malay would be.	20% (2)	10% (1)	40% (4)	20% (2)
Use English-English dictionary to see how words are defined.	10% (1)	20% (2)	60% (6)	10% (1)

Table 4: The reading strategies used by the students.

Based on Table 4 above, there are 5 strategies selected for reading strategies used by the students. For the first strategy which is, I look for interesting reading materials in English, 60% of the respondents use and like this strategy whereas the remaining 40% have tried this strategy and would use it again. As for the second strategy which is, I skim over the reading materials to get the main idea and then go back and read it more carefully, 60% of the respondents use and like this strategy, 30% of them have tried and would use it again and 10% thought this skill didn't fit for them. For the third strategy which is, guess the approximate meaning by using clues from the context of the reading materials, half of the respondents (50%) use and like this strategy, 20% have tried and would use it again and another 20% have never tried it but interested in it and lastly only 10% of the respondents thought this strategy didn't fit for them. Moving on to the next strategy, 40% of the respondents use and like the strategy of using bilingual dictionary to get a sense of what the equivalent word in Malay would be, 20% have never used the strategy before but are interested in it, another 20% of the respondents thought the strategy didn't fit for them. Lastly, the strategy listed in the inventory, is use English-English dictionary to see how words are defined. For this strategy, 60% of the respondents use and like this strategy, 20% have tried this strategy and would use it again, 10% thought this strategy didn't fit for them and another 10% have never tried but interested in it.

Based on the data collected, it can be concluded that most of the respondents use all these strategies when they are reading. This is because 60% of them look for interesting reading materials in English, 60% skim over the reading materials to get the main idea, half of the, guess the approximate meaning using clues, 40% use bilingual dictionary and 60% use English-English dictionary to see how words are defined. So, there is no particular choice of strategy used when they read made by the respondents proven by more than half of the respondents use and like these 5 strategies when they are reading.

5.0 DISCUSSION

After analyzing the overall data, it can be concluded that the findings of this research support the broad language learning strategies used by successful language learners reported by Mohamed Amin Embi (2000) as cited in Mohamed Amin Embi (2010), which are, the learners seek and create opportunities to use the language, they practice, make use of social agents. In this case, the learners prefer to ask help from their friends and lecturers and also ask their friends to correct their mistakes as when they are learning grammar and also for writing strategy, whereby the learners ask help from friends and lecturers.

Other than that, the successful language learners will also try to get the message across and they are willing to try out different ways in order to get their message across. For an example, the learners use bilingual dictionary to look for meaning of words. This shows that a good language learner will not give up easily and will try as best as they could to understand something. A successful language learner also reads extensively. This is proven by the data received in this research. For reading strategy, more than half of the respondents skim over the reading materials to get the main idea and then go back and read more carefully. More than half of the respondents also look for interesting reading materials in English. This attitude is different from a poor language learner whereby they usually depend on textbooks only.

According to the findings, the respondents who happen to be good language learners also monitor their speech and the speech of others. More than half of the respondents practice talking in front of mirror or their friends. They also use facial gestures and body movement to enhance the listeners’ understanding towards the topic they are talking about. They also pay attention to others by giving comments on their friends speech or giving opinion. A successful language learner also tries out different learning strategies. Based on the data received, it can be said that almost all of the 60 strategies have been used by the respondents and that make them successful language learners. Poor language learners, on the other hand, practice only a small range of effective language learning strategies.

6.0 CONCLUSION

In conclusion, the successful English language learners would use different types of Language Learning Strategies in order for them to improve their command of the English language. They would use the three main types of LLS which are metacognitive, cognitive and socioaffective (O’Malley & Chamot 1985) as cited in Mohamed Amin Embi (2010). Based on the findings of this research, the successful English language learners are aware of the various language learning strategies available that can be used to enhance their language learning.

7.0 REFERENCES

Chamot, A (2004). Issues in Language Learning Strategy Research and Teaching. Available online at http://e-flt.nus.edu.sg/v1n12004/chamot.pdf

Clouston, M (1997). Language Learning Strategies: An Overview of L2 Teachers. Available online at http://iteslj.org/Articles/Lessard-Clouston-Strategy.html

Cohen, A, Oxford, R & Chi, J (2005). Language Strategy Use Survey. Available online at http://www.carla.umn.edu/about/profiles/cohenpapers/lg_strat_srvy.html

Kamarul Shukri Mat The & Mohamed Amin Embi. 2010. Strategi Pembelajaran Bahasa.Penerbit Universiti Malaya: Kuala Lumpur

Lan,R & Oxford,R (2005). Language Learning Strategies Profiles of EFL Elementary School Students in Taiwan. Available online at http://drum.lib.umd.edu/bitstream/1903/2480/1/umi-umd-2352.pdf

Mohamed Amin Embi & Mohd Zaki Mohd Amin. 2010. Strategies for Successful English LanguageLearning. Karisma Publications.Sdn.Bhd.: Shah Alam

O'Malley, J & Chamot, A. (1990). Learning Strategies in Second Language Acquisition. Available online at http://catdir.loc.gov/catdir/samples/cam031/89009770.pd

Oxford, R (1999). Relationships Between Second Language Learning Strategies and Language Proficiency in the Context of Learner Autonomy and Self-Regulation. Available online at http://publica.webs.ull.es/upload/REV%20RECEI/38%20%201999/08%20(Rebecca%20L.%20Oxford).pdf

Persepsi Pekerja Syarikat Kontena Nasional Berhad, Petaling Jaya Terhadap Penggunaan Logistik Halal

(Employee Perceptions of the Kontena Nasional Berhad, Petaling Jaya on the use of halal Logistics)

Norzianis Binti Rezali @ Abdul Sukor
(Jabatan Perdagangan, Politeknik Nilai)

Key words: Employee perceptions, Halal Logistics

ABSTRAK: Logistik Halal adalah satu pendekatan untuk mengelakkan pencemaran barang mudah rosak, bahan-bahan mentah dan produk makanan semasa aktiviti pengedaran dengan mengambil kira keperluan untuk produk Halalan Toyibban untuk dimakan oleh pengguna Islam. Piawaian Malaysia Logistik Halal (MS 2400: 2010) menyediakan garis panduan mengenai logistik halal berdasarkan undang-undang Syariah dalam pengangkutan, pergudangan, dan peruncitan. Keperluan logistik halal melibatkan spesifikasi di seluruh pemprosesan, pengendalian, pengedaran, penyimpanan, pameran, berkhidmat, pembungkusan dan pelabelan produk. Terdapat kebimbangan mengenai persepsi pekerja bagi memenuhi standard yang diperlukan pada pelaksanaan logistik halal. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji persepsi pekerja syarikat Kontena Nasional Berhad, Petaling Jaya pada penggunaan logistik halal. Kajian ini melibatkan 28 pekerja di Jabatan Pergudangan syarikat Kontena Nasional Berhad, Petaling Jaya. Analisis ini menggunakan statistik deskriptif untuk menerangkan persepsi pekerja terhadap penggunaan logistik halal. Kajian ini mendapati bahawa persepsi pekerja terhadap syarikat Kontena Nasional Berhad, Petaling Jaya mempunyai persepsi yang positif terhadap penggunaan logistik halal di dalam gudang.

ABSTRACT: Halal logistics is an approach to avoid contamination of perishables, raw materials, and food products during distribution activities taking into consideration the need for Halalan Toyibban products for consumption by Muslim consumers. The Malaysian Standard for Halal Logistics (MS 2400:2010) provides the guidelines on halal logistics based on the Shariah law for transportation, warehousing and retailing. The requirements for halal logistics involve specifications throughout processing, handling, distribution, storage, display, serving, packaging, and labelling of the products. There are concerns on employees perception meeting the required standards on halal logistics implementation. This study seeks to examine employees' perception of the company Kontena Nasional Berhad, Petaling Jaya on the use of halal logistics. The study involved 28 employees in the warehouse department of company Kontena Nasional Berhad, Petaling Jaya. The analysis uses descriptive statistics to explain employees' perception on the use of halal logistics. The study found that the perception employees' of company Kontena Nasional Berhad, Petaling Jaya have a positive perception of the use of halal logistics in the warehouse.

Pengenalan

Logistik halal di Malaysia masih lagi diperingkat awal dan tiada syarikat logistik yang berjaya mengakui sebagai model yang menjalankan aktiviti halal secara menyeluruh kerana majoriti pembekal perkhidmatan logistik halal masih lagi kekurangan tenaga pakar dan pengetahuan mengenai kaedah yang betul bagi menguruskan logistik halal (Shafie & Othman, 2006). Melihat permasalahannya bukan hanya timbul dikalangan pengguna tetapi juga dari kalangan pengurusan ataupun pekerja di syarikat itu sendiri. Pekerja khususnya tidak diberi pendedahan tentang bagaimana saluran rantaian bekalan seperti makanan, penyimpanan, penghantaran dan pengurusan halal secara terperinci. Sehubungan dengan itu, masalah utama kajian ini adalah apakah persepsi pekerja terhadap penggunaan logistik halal dibahagian pergudangan.

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

Persepsi pekerja syarikat Kontena Nasional Berhad, Petaling Jaya terhadap penggunaan logistik halal dibahagian pergudangan.

Kajian Literatur

Persepsi: Persepsi adalah proses internal yang memungkinkan kita memilih, mengorganisasikan, dan menafsirkan rangsangan dari lingkungan kita, dan proses tersebut mempengaruhi perilaku kita berdasarkan teori Robert dan Paul.**(Robert a. boron dan Paul b. Pulus, 1991).** Persepsi juga adalah proses dimana kita memilih, menyusun dan mentafsirkan sesuatu input maklumat bagi mewujudkan gambaran yang bermakna. Persepsi tidak hanya bergantung kepada rangsangan fizikal, tetapi ianya juga bergantung kepada rangsangan terhadap persekitaran dan keadaan disekeliling kita (Kotler & Keller, 2012). Dalam kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan kepada persepsi pekerja terhadap penggunaan logistik halal.

Logistik Halal: Menurut (Tieman M. , 2008) logistik halal adalah proses menguruskan aliran bahan dan aliran maklumat di sepanjang rantaian bekalan mengikut prosedur halal. Aliran bahan meliputi operasi pengangkutan, penyimpanan dan terminal. Aliran maklumat meliputi pengurusan data didalam rantaian bekalan, seperti maklumat produk, data permintaan, label logistik halal dan kod logistik halal adalah sistem berdasarkan pengasingan bukan pengesanan.

Menurut (Mariam, 2012) logistik halal di Kontena Nasional berpandukan Malaysian Standard (SIRIM, 2010) yang diasaskan dari prinsip Halalan Toyyiban yang bukan saja memberi tumpuan kepada ciri halal tetapi juga bersih dan selamat bagi seluruh keperluan dalam rantaian proses pengangkutan, pergudangan, sehinggalah kepada peruncitan. Selain komponen Syariah, standard MS2400:2010 turut menggabungkan ciri standard dan prinsip pengurusan berkualiti yang diiktiraf antarabangsa seperti Analisis Bahaya Titik Kawalan Kritikal HACCP dan Pertubuhan Antarabangsa bagi Standard ISO 2200.

Isu Pergudangan: Logistik halal adalah industri yang baru berkembang di seluruh dunia dan Malaysia merupakan salah satu perintis bagi sektor ini. Akan tetapi, pembekal perkhidmatan bagi sektor ini masih lagi tidak dapat menjalankan operasi menggunakan kaedah yang betul dan mengikut ketetapan Shariah. Senario yang paling mudah difahami adalah berkaitan proses pengangkutan dan pergudangan. Pengasingan produk halal dan produk tidak halal perlulah dipraktikkan secara meluas oleh pekerja bagi mengelakkan produk halal dicemari oleh produk yang tidak halal (Riaz & Chaudry, 2004).

Peralatan yang digunakan oleh pekerja untuk menguruskan produk halal tidak boleh dikongsi atau digunakan terhadap barangan yang tidak halal kerana perkara tersebut dapat mencemari produk halal (Jaafar, Endut, Faisol, & Omar, 2011). Walaubagaimanapun, amalan ini masih lagi tidak ditekankan oleh majoriti pihak industri kerana produk halal dan tidak halal masih lagi dibawa oleh pengangkutan yang sama atau disimpan digudang yang sama. Aktiviti pengangkutan memainkan peranan yang penting dan selalunya pada peringkat ini, produk halal dan tidak halal boleh bercampur dan dicemari. Selain itu, pada peringkat penghantaran dan pengagihan barangan, rangkaian bekalan halal mudah terjejas (Jaafar, Endut, Faisol, & Omar, 2011).

Kerangka Konseptual Kajian

Penyelidik menggunakan gabungan Model Halal logistik Mohd Syazwan (2013) dan model faktor kesediaan pembekal terhadap Halal Logistik Hazwani, Nitty, Ismail dan Azwani (2014) bagi meneroka persepsi pekerja terhadap halal logistik. Dalam Konteks kajian ini, persepsi pekerja terhadap halal logistik adalah dilihat berdasarkan teori Robert dan Paul (1991) dimana persepsi adalah proses internal yang memungkinkan kita memilih, mengorganisasikan, dan menafsirkan rangsangan dari lingkungan kita, dan proses tersebut mempengaruhi perilaku kita. Sehubungan dengan itu, pemahaman, penggunaan dan kesan implementasi adalah merupakan faktor persepsi pekerja terhadap halal logistik.

Metadologi Kajian

Kajian ini telah menggunakan kaedah tinjauan desktiptif dimana kaedah tinjauan deskriptif merupakan satu kaedah penyelidikan yang dapat memperjelaskan keadaaan semasa (Best dan kahn, 1998). Didalam kajian ini, kaedah yang telah digunakan adalah kaedah kuantitatif untuk pengumpulan maklumat. Data kajian ini diperoleh melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada pekerja-pekerja di bahagian gudang syarikat Kontena Nasional Berhad, Petaling Jaya tanpa membataskan jawatan dan jantina mereka. Sampel kajian dipilih berdasarkan kepada teori (Krejcie & Morgan, 1970) iaitu seramai 28 orang. Borang soal selidik yang diterima adalah sebanyak 28 (100%) dan digunakan dalam analisis data peringkat akhir.

Instrumen yang telah digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan borang soal selidik yang dibentuk berdasarkan kepada objektif kajian dijalankan. Soal selidik yang disediakan terdiri daripada empat bahagian iaitu bahagian A, bahagian B, bahagian C dan bahagian D. Bahagian A terdiri daripada mengenai latar belakang responden yang terdiri dari jantina, umur, tempoh berkhidmat, dan kelulusan akademik. Bahagian B mengenai pemahaman terhadap logistik halal, manakala bahagian C mengenai tahap penggunaan logistik halal di bahagian gudang dan bahagian D mengenai kesan implementasi logistik halal di bahagian gudang yang menggunakan .

Analisis Data

Keputusan Analisis Min Terhadap Kefahaman Mengenai Logistik halal

No	Item	Min
1.	Logistik halal dikuatkuasakan oleh kerajaan melalui undang-undang	4.42
2.	Pengeluar produk perlu bertanggungajwab terhadap logistik halal	4.57
3.	Kontena Nasional merupakan syarikat yang menitikberatkan tentang logistik halal	4.50
4.	Lembaga halal merupakan badan yang bertanggungjawab dalam logistik halal	4.46
5.	halal bererti makanan yang berkualiti	4.57
6.	halal bererti makanan itu selamat dimakan	4.75
7.	halal menjamin kesihatan pengguna	4.57
8.	halal bererti haiwan yang disembelih mengikut hukum syarak	4.50
9.	Pekerja mendapat penerangan tentang logistik halal dengan mengikut kursus luar	4.50
10.	Pekerja telah diberikan latihan oleh syarikat mengenai logistik halal	4.50
11.	Pekerja telah mendapat latihan melalui pengawasan lembaga halal	4.50
12	Pekerja mengetahui mengenai logistik halal melalui preskripsi tugas masing-masing	4.42
	Min keseluruhan	**4.52**

Jadual 1 Keputusan Analisis Min Terhadap Peratusan Kefahaman Terhadap Logistik Halal

Berdasarkan jadual 1, hasil dapatan bagi min keseluruhan adalah sebanyak 4.52. Secara keseluruhannya responden sangat bersetuju terhadap kefahaman tentang logistik halal sekaligus menjawab persoalan kajian. Daripada keputusan ini jelas menunjukkan bahawa responden dibahagian rumah gudang syarikat Kontena Nasional mengetahui serta faham mengenai logistik halal.

Pengunaan Logistik halal dibahagian pergudangan

Keputusan Analisis Min Terhadap Tahap Penggunaan Logistik halal di Bahagian Rumah Gudang

No	Item	Min
1.	Lokasi penyimpanan sesuatu barangan telah ditetapkan bagi semua jenis produk	4.75
2.	Penyimpanan produk halal memerlukan penjagaan yang lebih berbanding barangan tidak halal	4.42
3.	Kebersihan dan persekitaran merupakan aspek penjagaan penting bagi produk halal	4.42
4.	Terdapat pengasingan produk halal dan tidak halal didalam gudang	4.42
5.	Pengendalian barangan halal lebih merumitkan berbanding barangan tidak halal	2.35
6.	Prosedur penerimaan dan penyimpanan produk halal sentiasa dipatuhi	4.32
7.	Produk halal di dalam gudang di uruskan oleh pekerja yang beragama Islam sahaja	3.78
8.	Tugas untuk menguruskan produk halal adalah mengikut pengkhususan tugasan masing-masing	4.53
	Min keseluruhan	**4.12**

Jadual 2 Keputusan Analisis Min Terhadap Tahap Penggunaan Logistik halal di Bahagian Rumah Gudang

Berdasarkan jadual 2, min keseluruhan bagi persoalan kajian kedua ialah 4.12. Secara keseluruhannya, responden adalah bersetuju terhadap tahap penggunaan logistik halal dibahagian rumah gudang syarikat Kontena Nasional Berhad Petaling Jaya.

Kesan Implementasi Logistik Halal dibahagian Pergudangan

Keputusan Analisis Kesan Implementasi Logistik halal Dibahagian Rumah Gudang

No	Item	Min
1.	Produk halal perlu diletakkan dikawasan khas yang telah ditetapkan didalam gudang	4.85
2.	Masa yang diambil untuk memunggah dan menyimpan produk halal ke dalam gudang mengambil masa yang lebih lama daripada kebiasaan	1.17
3.	Latihan mengurus produk halal membantu saya untuk melaksanakan tugas saya	4.35
4.	Masa bekerja melebihi waktu kebiasaan bekerja	1.42
5.	Prosedur memunggah dan menyimpan produk halal dari kontena dipatuhi	4.32
6.	Semua kontena/palet yang dikhususkan untuk membawa produk halal perlu disamak terlebih dahulu	4.25
7.	Pengangkutan khas digunakan untuk membawa produk halal ke gudang	4.35
8.	Kos pengurusan logistik di syarikat Kontena Nasional meningkat	2.17
	Min keseluruhan	**3.36**

Jadual 1 Keputusan Analisis Kesan Implementasi Logistik halal Dibahagian Rumah Gudang

Merujuk kepada jadual 12, min keseluruhan bagi persoalan kajian ketiga adalah 3.36. Ini jelas menunjukkan bahawa responden kurang bersetuju terhadap kesan daripada implementasi logistik halal dibahagian rumah gudang.

Perbincangan

Secara keseluruhannya syarikat Kontena Nasional Berhad di Petaling Jaya memberi persepsi yang positif terhadap penggunaan logistik halal dibahagian pergudangan. Setelah analisis dilakukan, min keseluruhan mengenai kefahaman terhadap logistik halal ialah sebanyak 4.52 yang menunjukkan responden mempunyai kefahaman yang tinggi mengenai logistik halal. Manakala bagi min keseluruhan bagi penggunaan logistik halal dibahagian pergudangan mendapat min keseluruhan sebanyak 4.12 dan bermakna logistik halal digunakan secara meluas dibahagian pergudang. Diikuti pula dengan nilai min keseluruhan bagi kesan implikasi penggunaan logistik halal adalah sebanyak sebanyak 3.36 dimana implementasi logistik halal tidak mendatangkan perubahan atau kesan yang ketara terhadap syarikat.

Kesimpulan

Kesimpulan bagi objektif utama kajian, majoriti responden dibahagian rumah gudang syarikat Kontena Nasional Berhad di Petaling Jaya mempunyai kefahaman yang mencukupi mengenai logistik halal. Selain itu juga, pemahaman terhadap logistik halal memainkan peranan penting sebelum menguruskan produk halal. Dengan pemahaman yang tinggi, produk halal mudah untuk diuruskan. Walaupun begitu, kesemua pengurusan mengenai produk halal haruslah berlandaskan shariah sepertimana yang dituntut mengikut syariat Islam. Bagi syarikat Kontena Nasional Berhad Petaling Jaya, majoriti pekerja di bahagian rumah gudang adalah beragama Islam iaitu sebanyak 96.4 peratus adalah responden yang beragama Islam. Dengan peratusan responden yang beragama Islam yang tinggi, ia memudahkan lagi dalam perlaksanaan logistik halal kerana responden yang beragama Islam lebih berpengetahuan mengenai aspek halal yang kritikal. Dapatan ini disokong oleh (Mariam, 2012) yang mengatakan logistik halal di Kontena Nasional berpandukan Malaysian Standard (SIRIM, 2010) yang diasaskan dari prinsip halalan Toyyiban yang bukan saja memberi tumpuan kepada ciri halal tetapi juga bersih dan selamat bagi seluruh keperluan dalam rantaian proses pengangkutan, pergudangan, sehinggalah kepada peruncitan. Selain komponen Syariah, standard MS2400:2010 turut menggabungkan ciri standard dan prinsip pengurusan berkualiti yang diiktiraf antarabangsa seperti Analisis Bahaya Titik Kawalan Kritikal HACCP dan Pertubuhan Antarabangsa bagi Standard ISO 2200.

BIBLIOGRAFI

Al-Qaradawi, Y. (2007). Dalam *The Lawful and The Prohibited in Islam.* Islamic Book Trust, Malaysia.

Berita Nasional Malaysia BERNAMA. (2013, July 9). Jakim Lancar Pensijilan Halal Pengangkutan dan Gudang. *Utusan Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Bhd.

Berita Nasional Malaysia BERNAMA. (2013, June 19). Syarikat tempatan harus guna logistik halal. *Utusan Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Bhd.

Bruil, R. (2010). *Halal logistics and the impact.* University of Twente, Enschede, Netherlands.

IJaafar, H. S., Endut, I. R., Faisol, N., & Omar, E. N. (2011). Innovation in Logistics Services-halal logistics. Dalam *in 16th international symposium on logistics* (hlm. 884-851).

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2005). Manual Procedure of Halal certification Malaysia. Malaysia.

Kamaruddin, R., Ibrahim, H., & Shabudin, A. (2012). Halal Compliance Critical Control Point (HCCCP) : Analysis of Processed Food. Business Engineering and Industrial Application Colloqium (BEIAC), 2012 IEEE.

Krejcie, R., & Morgan. (1970). Determining Sample Size For Research. Dalam *Educational and Psychological Measurement.*

Robert , A., & Paul, B. (1991). Understanding Human Relation; A Practical guide to people at work.

Mariam, A. L. (2012). Opportunities on Halal Logistics and ASEAN FTAs, HDC and MITRANS. *Malaysia Standards on Halal Logistics*.

KEEFISIENAN PENANAMAN JAGUNG (*ZEA MAYS*) MELALUI TEKNIK FERTIGASI

Nurul Shafiqah Binti Sulaiman[1,a*], Muhammad Fadhli Tariq B. Ishak[1,b], Mohd Arif Nubli B. Shafie[1,c],
[1]Politeknik Nilai
[a*]rest2me4u@yahoo.com, [b]fadhlitariq7390@gmail.com, [c]m_arix@yahoo.co.uk,

Kata Kunci: Pertumbuhan jagung, teknik fertigasi, penanaman konversional

Abstrak. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat perbandingan kadar pertumbuhan jagung (*Zea Mays*) yang ditanam dengan menggunakan media penanaman konvensional dan media polibeg melalui teknik fertigasi. Anak benih jagung yang berumur 7 hari dipindah kedalam polibeg yang bersaiz 40 cm x 40 cm dengan menggunakan media campuran 3:2:1 (tanah atas : bahan organik: pasir) manakala sebahagiannya dipindah ke atas batas tanah bersaiz 0.5m x 6m dengan jarak tanaman 30 cm antara pokok. Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian bagi melihat proses tumbesaran pokok jagung. Pemerhatian menunjukkan bahawa pada hari ke 60, pertumbuhan jagung di atas tanah menunjukkan kadar pertumbuhan yang lebih cepat dengan mengeluarkan buah berbanding pertumbuhan jagung yang ditanam dalam polibeg yang baru berbunga. Ini menunjukkan bahawa kaedah fertigasi sangat relevan digunakan bagi tanaman jagung kerana ia dapat mempercepatkan proses pengeluaran buah di samping dapat memenuhi kehendak dan keperluan pasaran. Malah, kaedah fertigasi ini juga dapat mengelakkan daripada serangan penyakit dan perosak pada tanaman.

Pengenalan

Jagung manis (Zea mays) adalah diantara tanaman jangka pendek dari keluarga Poaceae yang popular di Malaysia. Jagung manis memiliki rasa yang manis dan mengandungi karbohidrat, protein, vitamin, gula yang tinggi serta kandungan lemak yang rendah (Iskandar, 2008).
Pokok jagung adalah tanaman yang sangat responsif dengan keadaan tanah, cuaca, pembajaan, serangan perosak dan penyakit. Jagung adalah tanaman yang mempunyai batang menegak mempunyai ruas-ruas dan mampu mencapai ketinggian sehingga 1-3 meter. Terdapat lebih dari 50,000 kultivar jagung diseluruh dunia dan sebahagian besar daripadanya telah pun dikomersialkan untuk pengeluaran bijirin. Jagung adalah tanaman semusim yang mempunyai jangka hayat antara 80-150 hari bergantung kepada kultivar.

Penanaman secara fertigasi ialah kaedah penanaman di mana baja lengkap dalam bentuk larutan nutrient diagihkan ke pangkal tanaman. Fertigasi sebenarnya berasal daripada cantuman dua perkataan “*fertilization*” dan “*irrigation*”. Sistem fertigasi ialah satu daripada cabang hidroponik yang antara lain terdiri dari sistem titis mikro. Proses pembajaan dan pengairan terhadap tanaman berjalan serentak (Mahamud Shahid et.Al 2009). Pokok yang ditanam di dalam bekas atau polibeg yang mengandungi media bukan tanah, tidak mengandungi nutrient yang seimbang. Oleh itu, prestasi tanaman sangat dipengaruhi oleh kadar nutrient yang seimbang, kepekatan dan mutu baja yang dibekalkan.

Adam et al. (1984) menyatakan bahawa media memainkan peranan penting untuk penyerapan air dan nutrien oleh akar. Media tanaman 3:2:1 merupakan media tanaman yang seimbang kerana dapat meningkatkan pengudaraan, penyerapan dan penyusupan air serta nutrient. Ini disokong oleh Ni Luh Putu Indriyani et. al (2011) yang menyatakan bahawa media tanaman untuk tumbuhan berbuah merangkumi tanah, bahan organik dan pasir.

Metodologi

Kaedah perpustakaan dan kaedah eksperimen diaplikasikan dalam kajian ini. Kaedah perpustakaan adalah dengan mengumpul maklumat-maklumat melalui jurnal, artikel, buku dan internet. Manakala, kaedah eksperimen dilakukan dengan penanaman jagung di kawasan nurseri Jabatan Agroteknologi & Bio-industri di Politeknik Nilai melalui pemerhatian dan kawalan penyelidik.

Ekperimen ini dilakukan di kawasan persekitaran terbuka dengan menggunakan teknik fertigasi terbuka di mana sampel bagi tanaman yang digunakan dalam kajian ini adalah Jagung (*Zea Mays*) jenis Masmadu Mardi F1. Cara penanaman yang digunakan dalam teknik fertigasi ini adalah kaedah konvensional dengan menggunakan batas tanah dan polibeg. Media tanah yang digunakan adalah nisbah 3:2:1 (3 bahagian tanah atas (*top soil*), 2 bahagian tanah organik, dan 1 bahagian tanah pasir). Kaedah eksperimen diukur berdasarkan kadar pertumbuhan ketinggian pokok jagung yang direkod secara mingguan (7 hari) bagi melihat perbezaan kadar pertumbuhan antara kaedah konvensional dan polibeg.

Rajah 3: Penyediaan batas

Rajah 4: Penanaman benih jagung

Rajah 5: Perbandingan pertumbuhan pokok jagung kaedah konvensional dan kaedah penggunaan polibeg

Keputusan dan perbincangan

Jadual 1 di bawah menunjukkan jenis-jenis kaedah yang digunakan dalam kaedah eksperimen ini diantara kaedah konvensional (batas tanah) dan kaedah penggunaan polibeg**.** Kadar pertumbuhan pokok jagung direkod bermula pada hari yang ke-7 hingga hari yang ke-56 iaitu selama 8 minggu.

Kaedah		**Kaedah penggunaan polibeg**	**Kaedah konvensional (batas tanah)**
Nisbah Campuran Tanah		3:2:1	3:2:1
Saiz		50cm x 3m (lebar x panjang)	1 baris = 10 pokok
Jarak tanaman		30cm	30cm
Kadar pertumbuhan (mingguan)	1	5.2	5.1
	2	27.7	30.1
	3	60.8	67.2

	4	82.3	95.1
	5	115.2	146.2
	6	143.5	188.3
	7	178.2	221.6
	8	205	265.4

Rajah 1: Perbandingan kadar pertumbuhan jagung melalui kaedah konvensional dan kaedah penggunaan polibeg



Rajah 2: Perbandingan kadar pertumbuhan jagung melalui kaedah konvensional dan kaedah penggunaan polibeg

Berdasarkan Rajah 2 menunjukkan keputusan perbandingan antara kaedah konvensional dan kaedah penggunaan polibeg adalah kadar pertumbuhan pokok jagung secara konvensional adalah lebih tinggi berbanding menggunakan polibeg. Ini disebabkan faktor pertumbuhan akar pokok jagung secara serabut. Ini kerana melalui kaedah konvensional akar pokok jagung lebih bebas untuk menyerap nutrient berbanding kaedah menggunakan polibeg yang menghadkan pertumbuhan akar. Pertumbuhan akar pokok jagung mempengaruhi ketinggian pokok jagung pada masa yang sama meningkatkan penghasilan buah.

Kesimpulan

Hasil kajian yang diperolehi menunjukkan keefisienan penanaman jagung *(zea mays)* melalui teknik fertigasi yang menggunakan kaedah konvensional adalah lebih sesuai berbanding kaedah penggunaan polibeg. Ini disebabkan kadar pertumbuhan pokok jagung melalui kaedah konvensional lebih cepat berbanding kaedah penggunaan polibeg mengikut ketinggian pokok jagung.

Rujukan

[1] Iskandar, D., 2008. Pengaruh Dosis Pupuk N, P dan K terhadap Pertumbuhan dan Produksi Tanaman Jagung Manis di Lahan Kering Dikutip dari Nicolas Marpaung. 2009. Pengaruh Dosis Tepung Darah
terhadap Pertumbuhan dan Poduksi Jagung Manis (Zea mays var. saccharata Sturt). Departemen Budidaya Pertanian, Fak., Pertanian. Universitas Sumatera Utara

[2] Ni Luh Putu Indriyani, Sri Hadiati dan A.Soemargono.,2011. The Effect of Planting Medium on The Growth of Pineapple seedling. Indonesian Tropical Fruit Research Institute, JI, Indonesia.

[3] Mahamud Shahid, Jamaludin Salim, Mo hamad Roff Mohd. Noor, Ab. Halim Ab. Hamid, Mohamad Abd Manas dan Suwardi Afandi Ahmad.,2009. Manual Teknologi Fertigasi Penanaman Cili, Rockmelon dan Tomato. Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia.

Modul Kemahiran Insaniah Ke Arah Mentransformasikan Pelajar Politeknik : Satu Cabaran

Isdawati Binti Ismail & Rusdin Bin Husin
Politeknik Nilai, Kompleks Pendidikan Bandar Enstek, 71760 Negeri Sembilan
Isdawati.poli@1gov.edu.my

Abstrak: Kertas ini membincangkan kepentingan Modul Kemahiran Insaniah (*Soft skills*) di Politeknik Malaysia dalam melahirkan graduan yang bukan sahaja berjaya di bidang akademik tetapi juga memiliki kompetensi interpersonal untuk meningkat kebolehpasaran graduan di dalam dunia pekerjaan. Ini adalah selaras dengan Visi penubuhan Politeknik iaitu "Penjana utama modal insan inovatif melalui pendidikan dan latihan transformasional bagi memenuhi keperluan tenaga kerja global menjelang tahun 2015".Walau bagaimanapun, untuk melahirkan graduan yang lengkap dengan kekuatan peribadi bagi pasaran kerja dan menceburi bidang keusahawanan adalah satu cabaran bagi para pendidik di Politeknik. Disebabkan cabaran ini, Kementerian Pengajian Tinggi telah memperkenalkan kurikulum khas yang berteraskan tujuh kemahiran insaniah yang wajib dimiliki.Pelajar-pelajar di Politeknik menghadapi cabaran dalam menyerap kemahiran generik ini dari segi menyerap budaya belajar yang pro-aktif disamping mengaplikasikan segala kemahiran yang dipelajari dalam bentuk praktikal. Oleh itu, kertas ini mencadangkan agar keberkesanan Modul Kemahiran kemahiran Insaniah di Politeknik diukur dari pelbagai aspek untuk tujuan penambahbaikan agar ianya dapat membantu Politeknik melahirkan graduan yang berkualiti yang berupaya menjadi ikon dalam masyarakat.

PENGENALAN

Universiti atau IPT pada masa kini bukan hanya pusat pengajian yang melahirkan golongan cerdik pandai dan intelektual dalam masyarakat tetapi menzahirkan harapan ibu bapa, memenuhi visi negara ke arah keperluan tenaga mahir dan berkebolehan sekaligus keperluan industri dan pasaran kerja. Oleh sebab itu, peranan dan kepentingan Institusi Pengajian Tinggi sama ada di peringkat pra Ijazah, kelayakan teknikal mahupun bidang akademik (Diploma dan Sarjana Muda) semuanya bertujuan melahirkan golongan pelajar IPT yang dapat memenuhi cabaran masa depan, menjadi generasi berilmu dan berketerampilan. Pelajar di IPT adalah harapan dan tonggak kejayaan sesebuah negara, kerana dengan ilmu, keterampilan dan keyakinan diri yang tinggi, daya usaha yang optimum dapat dijayakan bagi menyumbang ke arah pembangunan negara. Usaha memartabatkan pengajian tinggi negara selari dengan langkah memantapkan bidang kursus dan kurikulum yang ditawarkan.

Dalam era globalisasi masa kini, tuntutan perubahan tidak dapat dielakkan. Institusi Pengajian Tinggi sebagai wadah pemangkin kemajuan bangsa dan teras pembangunan negara perlu beradaptasi dengan perubahan, malah menjana perubahan ke arah nilai-nilai positif agar generasi pelajar yang dididik mewujudkan *outcomes* bagi memenuhi aspirasi negara dan masyarakat sekaligus mencapai matlamat pembelajaran dan keperluan pihak industri.

Usaha melahirkan generasi pelajar yang berkualiti menjadi teras falsafah pengajian tinggi. Kualiti yang dimaksudkan merangkumi semua bidang, bukan semata-mata di bidang akademik semata-mata tetapi juga kompetensi interpersonal yang melibatkan kemahiran insaniah. Kecemerlangan seseorang pelajar untuk tujuan pasaran kerja bukan hanya bersandarkan kepada ilmu teori semata-mata tetapi bagaimana dipraktikkan serta kekuatan peribadi yang boleh menjadikan seseorang pelajar unik dan boleh diketengahkan kepada masyarakat terutama dalam memenuhi pasaran kerja dan keperluan masyarakat industri.

Tuntutan pasaran kerja masa kini memerlukan pelajar yang memiliki kebolehan dalam pelbagai segi melibatkan kemahiran interpersonel dan intrapersonel. Elemen kemahiran insaniah merupakan kriteria utama yang diberikan perhatian. Justeru itu, Politeknik sebagai institusi pengajian tinggi dan latihan teknikal telah mengambil inisiatif menggunakan Modul Kemahiran Insaniah ke arah mentransformasikan pelajar Politeknik selaras dengan visi penubuhan Politeknik iaitu: *"Penjana utama modal insan inovatif melalui pendidikan dan latihan transformasional bagi memenuhi keperluan tenaga kerja global menjelang tahun 2015."* Kini Jabatan Pengajian Politeknik telah mentadbir 28 buah Politeknik yang menjalankan program pengajian dan latihan dalam bidang kejuruteraan, teknologi, perdagangan dan perkhidmatan. Lulusan dan lepasan Politeknik diakui menjadi tenaga penggerak ke arah pertumbuhan ekonomi dan industri domestik, sehubungan dengan itu usaha melengkapkan diri pelajar dengan keupayaan mentrasformasi diri sebagai ikon masyarakat amatlah penting dan menjadi teras transformasi pendidikan di Politeknik. Kertas kerja ini akan mengenalpasti keberkesanan langkah transformasi pelajar melalui penggunaan Modul Kemahiran Insaniah dan cabaran-cabaran yang dihadapi.

PELAJAR IPT DAN ERA GLOBALISASI

Menurut Abd Rahim Ramli *et.al.*(2007), tanggungjawab serta peranan institusi pengajian tinggi (IPT) sememangnya besar, terutamanya untuk merealisasikan matlamat dan visi sesebuah negara. Bagi Haslinda *et al.* (2005), tenaga belia keluaran IPT amat bernilai dan perlu dimanfaatkan demi pembangunan negara, kerana mereka merupakan golongan yang terpelajar. Slogan *pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara* memang bertepatan dan amat relevan, kerana belia yang berkualiti merupakan pencetus inovasi, membawa perubahan dan memperkenalkan idea-idea baru ke tengah masyarakat dan dunia kerjaya. Tuntutan perubahan minda kepada lepasan universiti – institusi pengajian tinggi begitu ketara tidak hanya berlandaskan kecemerlangan intelektual tetapi juga kemahiran insaniah.

Bagi memenuhi permintaan sumber tenaga mahir dan separa mahir yang meningkat, pertumbuhan dan perkembangan institusi latihan kemahiran dan teknikal diberikan tumpuan dalam agenda pendidikan negara.Peluang mendapatkan kemahiran dan pembelajaran sepanjang hayat menjadi pemacu penting misi ini melalui institusi latihan teknikal seperti Politeknik, Kolej Universiti dan Kolej Komuniti. Peranan Politeknik dalam menghadapi cabaran globalisasi dan tuntutan industri sebenarnya telah diberikan perhatian sejak tahun 2009 setelah menimbang memorandum dari Menteri Pengajian Tinggi (No. 871/2670/2009) berkaitan hala tuju transformasi Politeknik yang melibatkan empat teras.



Rajah 1 Empat Teras Transformasi Politeknik

Cabaran utama pelajar-pelajar di IPT untuk menyumbang kepada pembangunan negara ialah melengkapkan diri dengan kekuatan peribadi bagi pasaran kerja dan menceburi bidang keusahawanan sebagai pemangkin perubahan dan keterampilan profesional.

ISU DAN PERMASALAHAN PELAJAR DI IPT

Sebagai tonggak negara, pelajar IPT perlu didedahkan dengan pelbagai kemahiran yang dapat menjadikan mereka unik, berdaya saing dan berupaya menonjolkan keistimewaan diri mereka dalam dunia kerjaya. Sehubungan itu, David Clarke (2007) berpendapat:

> Academic achievement cannot be solely relied upon to gauge the potential success of a candidate. Where possible…practical testing…[*is] a very effective filter.*

Menurut Sharifah Hapsah (2005), jaminan kualiti di IPT adalah untuk memastikan graduan yang dilahirkan mempunyai kemahiran teknikal dan praktikal, profesional, kemahiran pengurusan pemikiran teknikal, kemahiran komunikasi dan kemahiran pengurusan maklumat serta pembelajaran sepanjang hayat. Jabatan Pendidikan Tinggi (2003) pula meletak standard bagi semua kurikulum dalam pendidikan tinggi di Malaysia harus mempunyai rekabentuk yang menerapkan kemahiran generik yang meliputi: (1) kemahiran berfikir, bertindak, mengadaptasi, menyelesai masalah dan membuatkeputusan, (2) kemahiran interpersonal dan berkomunikasi, (3) kemahiran ICT, multimedia dan kemahiran pengurusan maklumat, (4) kemahiran kepimpinan dan (5) kemahiran keusahawanan.

Sesuai dengan tuntutan berkenaan, Najib Tun Razak (2004) ada menyentuh tentang proses transformasi yang melibatkan tanggungjawab melahirkan modal insan berkualti, iaitu:

> *"… Saya percaya untuk memastikan aspirasi negara dalam menerapkan budaya pencapaian yang baru melalui pemerkasaan institusi pengajian tinggi tidak hanya berfokus kepada peningkatan intelektual tetapi juga pembangunan holistik modal insan mapan yang memiliki kemahiran yang diperlukan oleh masyarakat".*
>
> (Forum Dialog Majlis Tindakan Ekonomi Negara, 2004)

Langkah transformasi ini melibatkan transformasi budaya ilmu dan komunikasi edukatif yang berlaku dalam konteks pengajaran dan pembelajaran selaras dengan falsafah dan matlamat pengajian tinggi yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (2010) iaitu:

> *"To develop and put in place a higher education environment that encourages the growth of premier knowledge centers and individuals who are competent, innovative with high moral values to meet national and international needs".*

Kompetensi yang dimaksudkan dalam pernyataan di atas melibatkan kemahiran dan daya saing pelajar institusi pengajian tinggi itu sendiri. Sehubungan dengan itu, menurut Nur Izzati Lojinin (2009) melalui kajiannya, pengajaran dan pembelajaran di IPT perlu berubah selaras dengan perkembangan global bagi membentuk kemahiran pelajar secara holistik melalui pembelajaran berasaskan penyelesaian masalah (*problem based learning (PBL)*) iaitu:

"Strategi pengajaran menarik di mana pelajar diberikan 'pencetus' atau simulasi masalah yang kurang jelas dan kabur sebelum mempelajari isi kandungan sesuatu pelajaran. Kajian-kajian lepas menunjukkan pembelajaran secara PBL dapat melatih pelajar untuk berfikir secara kritis, mudah menyerap perubahan, berdikari, menunjukkan kemahiran berkomunikasi serta mengamalkan pembe-lajaran berterusan".

Penyertaan pelajar dalam kegiatan *out door* seperti kembara, kegiatan luar dan latihan jasmani, program kebudayaan dan warisan serta penyertaan dalam pelbagai bentuk pertandingan serta seminar secara tidak langsung membentuk keperibadian pelajar.Walau bagaimanapun keadaan ini tidak sebagaimana yang diharapkan, kebanyakan pelajar tidak mengambil peluang ini untuk membina keperibadian dan keyakinan diri mereka.

PEMBELAJARAN MODUL KEMAHIRAN INSANIAH

Antara fokus dan fungsi IPT sebagaimana yang telah digariskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) ialah: (1) menyediakan individu yang dapat berfungsi dalam tenaga kerja yang pelbagai, (2) meletakkan pengajaran dan pembelajaran sebagai , misi utama dengan menyediakan individu untuk kehidupan memuaskan melalui pendidikan sepanjang hayat serta (3) menyediakan peluang yang baik dan pelbagai kepada pelajar bagi memenuhi keperluan individu, masyarakat dan negara.

Antara kemahiran generik yang dikembangkan dalam konteks pembelajaran di IPT dan membentuk transformasi kendiri pelajar dalam menceburi bidang pekerjaan dan sosial kemasyarakatan sebagaimana yang dikemukakan oleh UTM iaitu : kemahiran komunikasi, kemahiran berpasukan, penyelesaian masalah, penyesuaian kendiri, pembelajaran sepanjang hayat, esteem kendiri serta etika dan integriti. Ketujuh-tujuh kriteria ini merupakan kemahiran insaniah yang perlu dikembangkan dalam diri pelajar di IPT.Termasuk juga dalam konteks ini ialah pelajar-pelajar di Politeknik agar mempunyai persediaan yang lengkap untuk menceburi dunia pekerjaan.Kesemua kemahiran di atas perlu diterapkan dalam kurikulum pembelajaran di IPT samada secara langsung ataupun tidak langsung.Kurikulum dan sillabus perlu diubahsuai agar kemahiran generik dapat diterapkan dalam konteks pembelajaran bagi mencapai kemahiran yang dikehendaki dalam subjek teknikal atau bukan teknikal. Dalam konteks pendidikan tinggi, yang bertujuan mendidik pelajar dalam kategori usia 20 tahun ke atas, tentu sekali pendekatan pedagogi tidak lagi berkesan sebaliknya pendekatan yang menjurus kepada kaedah-kaedah dan elemen pendidikan dewasa lebih sesuai diterapkan melalui pendekatan elemen andragogi dalam pengajaran dan pembelajaran.



Rajah 2 Model Konseptual Kemahiran Insaniah

Sumber : Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Nur Izzati Lojinin (2009)

Keperluan pembelajaran sepanjang hayat ini ada dikemukakan dalam Model Konseptual Kemahiran Insaniah oleh Kementerian Pengajian Tinggi (Nur Izzati Lojinin, 2009) sebagai asas panduan dalam menggerakkan kegiatan pembelajaran dan mengelolakan aktiviti bagi menyediakan pengalaman pembelajaran yang holistik dan memenuhi visi serta matlamat untuk melahirkan modal insan unggul yang berpengetahuan, berketerampilan, berkemahiran dan berdaya saing dengan pelbagai bidang keupayaan dan kebolehan.

Merujuk kepada Model Konseptual Kemahiran Insaniah, kurikulum pengajian tinggi digubal secara holistik bagi menggambarkan keperluan dan kehendak masyarakat kepada lepasan universiti yang dapat menabur bakti secara bermakna, berdaya saing dan mempunyai kemahiran tertentu yang unik dan memberi kelebihan. Penerapan kemahiran generik dalam pengajaran dan pengembangan kurikulum di IPT boleh dibandingkan antara dua pendekatan iaitu *indoctrinational* dan *democratic*. Pendekatan demokratik merujuk kepada pernyataan berikut:

> *"…raise students consciousness about values, attitudes and worker responsibilities…pedagogical strategies such as role playing simulation, problem solving, and group discussion are democratic in nature because they encourage students to explore their attitudes and do not advocate one particular out comes."*

Manakala pendekatan pengajaran *indoctrinational* pula merujuk kepada:

> *"… a process by which students are given information in such a manner that they are discouraged or prevented from questioning its validity [and] includes pedagogical strategies that minimize student input."*

Bagi memperkembangkan kemahiran insaniah atau kemahiran generik, pendekatan pengajaran perlu menggunakan mode aktif dan kooperatif supaya pengajaran menjadi kondusif dan dapat diserap oleh para pelajar. Pensyarah perlu mempunyai kemahiran komunikasi yang tinggi serta jangkaan yang positif terhadap keupayaan pelajar dalam menerima dan membentuk kemahiran. Chickering dan Gamson (2010), menekankan jangkaan positif pensyarah amat penting dalam membentuk sikap dan membentuk kemahiran dalam kalangan pelajar di IPT. Bagi menerapkan kemahiran insaniah secara berkesan dalam pengajaran, Woods *et al.* (1999), mencadangkan 8 aktiviti berasaskan kepada kajiannya tentang pengajaran kemahiran insaniah kepada pelajar pengajian tinggi, iaitu :

1. Kenalpasti kemahiran yang ingin dikembangkan dalam diri pelajar, termasuk juga silabus kursus agar dapat diberikan penekanan yang dikehendaki.

2. Lakukan penyelidikan bukan hanya bersandarkan pemikiran bagi menentukan kemahiran yang disasarkan kepada pelajar.

3. Berikan dorongan terhadap kesepaduan antara tingkahlaku implisit dan aplikasi kemahiran agar dapat dipraktikkan.

4. Keperluan terhadap latihan berterusan dan amali bagi aplikasi kemahiran melalui aktiviti berstruktur yang memerlukan maklumbalas konstruktif untuk menggerakkan usaha pelajar mencapai objektif

5. Meningkatkan langkah pemantauan berkaitan proses meta kognitif dan cara memudahkan penerimaan pelajar.

6. Meningkatkan proses refleksi bagi mengenalpasti penerimaan, pemahaman dan perubahan tingkahlaku pelajar

7. Berikan nilai kepada proses bukan hanya melihat kepada produk (*out comes*) semata-mata bagi mengenalpasti kelemahan dan keperluan membuat penambahbaikan.

8. Gunakan penilaian yang piawai dan borang maklum balas.

Sistem penyampaian pensyarah merupakan bahagian yang paling penting dalam pengajaran kemahiran insaniah, disamping menyediakan pengalaman yang mencabar dan menonjolkan kemahiran boleh guna yang dapat dipraktikkan ketika berhadapan dengan masyarakat.

1.1 KEPENTINGAN MODUL KEMAHIRAN INSANIAH TERHADAP PELAJAR-PELAJAR DI POLITEKNIK

Kemahiran insaniah atau disebut juga kemahiran generik (*soft skill*) merupakan kemahiran penting yang perlu ada pada lepasan Politeknik sebagai asas lonjakan personaliti dan kriteria utama dalam menonjolkan kelebihan dan keistimewaan seseorang individu, kerana kemahiran ini dapat membentuk keyakinan diri dan memberi kelebihan untuk berdaya saing bagi pasaran kerja.Pembangunan bakat merupakan kemahiran softskill yang perlu diberikan perhatian dalam melahirkan generasi pelajar yang berkualiti ditunjang dengan kemahiran khusus.

Rajah 3 Kemahiran Insaniah di IPT

Sumber: Modul Pembangunan KI di IPT

Melalui cabaran negara yang memerlukan penghasilan sumber manusia yang kreatif dan inovatif ini, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah memperkenalkan kurikulum kursus yang menerapkan unsur kemahiran berfikir melalui pendekatan pembelajaran berasaskan masalah (Problem based-learning). Berteraskan tujuh kemahiran insaniah yang wajib dimiliki, KPT menggariskan beberapa pendekatan penerapan kemahiran insaniah sama ada melalui pendekatan gabungjalin antara disiplin ilmu ataupun mewujudkan secara khusus kursus Kemahiran Insaniah itu sendiri. Secara lebih meluas, kemahiran insaniah juga dibangunkan melalui penyediaan persekitaran yang kondusif, perancangan dan pelaksanaan program pembangunan pelajar. (Kementerian Pengajian Tinggi, 2006). Menurut Ahmad Esa et.al., (2005) pelaksanaan Kemahiran Insaniah ini boleh dilaksanakan dengan baik di Politeknik kerana hasil tinjauan yang dibuat, kebanyakan pensyarah di Politeknik memberikan respons yang cukup positif terhadap penerapan Kemahiran Insaniah dalam membentuk dan membangunkan pelajar menjadi insan yang berkualiti.

1.2 CABARAN PELAKSANAAN MODUL KEMAHIRAN INSANIAH

Kompetensi kendiri merupakan *out comes* penting bagi Modul kemahiran insaniah yang diterapkan iaitu kemahiran asas, kemahiran generik,kemahiran utama, kemahiran boleh pindah dan kemahiran personal melibatkanpengetahuan serta sikap yang menjadi asas kepada prestasiserta merentasi semua bidang (Rylatt dan Lohan,1995).Menurut Parry (1998), kompetensi boleh ditingkatkan dan dibentuk melaluiprogram pembangunan dan latihan.Rainsburry *et.al* (2000), telah membentuk model keupayaan kompetensi yang menekankan kepada ciri-ciri individu, sepertimana rajah berikut.



Rajah 4 Model Keupayaan Kompetensi

Sumber : Rainsburry *et. al* (2000)

Menurut kajian Stasz (1990), pelajar jarang menggunakan kemahiran berfikir aras tinggi untuk menjana idea menyebabkan pelajar menghadapi masalah untuk menyelesaikan tugasan kerja kursus. Justeru, pelajar harus mempelajari dan menggunakan kemahiran berfikir kritis dalam penjanaan idea supaya tugasan kerja kursus dapat diselesaikan dengan lebih berkesan. Pemikiran aras tinggi mencabar pelajar untuk menginterpretasi, menganalisis atau memanipulasikan maklumat (Newmann, 1990). Pelajar-pelajar di Politeknik menghadapi cabaran dalam menyerap kemahiran generik terutamanya dari segi menyerap budaya belajar yang pro aktif disamping mengaplikasi segala kemahiran yang dipelajari dalam bentuk yang praktikal dan amali.

CADANGAN MENINGKATKAN KEBERKESANAN MODUL KEMAHIRAN INSANIAH

Keberkesanan pelaksanaan Modul Kemahiran Insaniah di Politeknik dapat ditingkatkan dan membawa perubahan tingkahlaku yang positif kepada pelajar kerana kebanyakan program yang direka bentuk adalah berasaskan atribut yang ditetapkan oleh badan profesional. Salah satu program yang dilihat memberi kesan yang positif dalam membolehkan pelajar memahami dan mengaplikasikan kemahiran yang telah diajar iaitu Program Latihan Industri. Pelajar-pelajar juga perlu membuka minda mengenai operasi dan aktiviti sebenar di tempat kerja selain mengaplikasikan ilmu pengetahuan, kemahiran yang telah diperolehi di Politeknik serta mendapat sesuatu yang baru bagi kemajuan diri.

Menurut Abdul Rahim (2007), mana-mana IPT (termasuk juga Politeknik) perlu memainkan peranan penting menjadi pusat latihan dan penerapan kemahiran generik dalam kalangan pelajar. Keberkesanan Modul Kemahiran Insaniah yang digunakan juga boleh diukur melalui kajian tindakan bagi mengenalpasti mana-mana aspek kelemahan dan keperluan membuah pengubahsuaian dan penambahbaikan. Segala komponen kemahiran insaniah yang diterapkan dan diaplikasikan perlu dipantau dan dilakukan refleksi dari segi kandungan kurikulum dan sillabus. Kesemua komponen kemahiran insaniah perlu dikembangkan secara bersepadu, berintegrasi dan merentas disiplin dengan penekanan aplikasi teori dan keterampilan pelajar. Cara pengajaran dan latihan kemahiran yang diterapkan juga perlu memberi perhatian terhadap keperluan pelajar.

PENUTUP

Ilmu teori dan amali serta kemahiran-kemahiran amaliyah yang berbentuk hubungan interpersonal amat penting dalam melahirkan golongan pelajar IPT yang berani kedepan dan menyumbang ke tengah masyarakat disamping kemahiran intrapersonal yang berupa kekuatan dan keistimewaan keperibadian yang menyerap budaya dan nilai-nilai positif sebagai insan intelektual yang menjadi ikon dalam masyarakat. Untuk menjayakan matlamat mewujudkan generasi pelajar yang serba boleh dan berkualiti, kemahiran insaniah (kemahiran generik) telah di tawarkan sebagai satu kursus di Politeknik melalui penggunaan Modul Kemahiran Insaniah yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Modul ini menekankan tentang aspek teori,aplikasi dan pendekatan pengajaran yang menerapkan unsur andragogi bagi mewujudkan penyesuaian kendiri dan iklim kondusif dalam kegiatan pengajaran.

RUJUKAN

Abdul Rahim Ramli, Ariza Ibrahim, Mohd Noor Che A Rahman dan Azizah Endut, 2007. *Program Keterampilan Graduan untuk pelajar Universiti Darul Iman Malaysia,* Persidangan Pengajaran dan Pembelajaran Peringkat Pengajian Tinggi, Hotel Palace of Golden Horses, Seri Kembangan.

Beder, H. & Darkenwald, G. 1982.Differences between teaching adults and pre-adults.Some propositions and findings.*Adult Education, 32 (3),* 142-155.

Bishop, R & Glynn, T. 2003.*Culture count: Changing power realtions in educations.* London: Zed Books.

Haslinda @ Robita Hashim, Muhammad Nubil Abdul Wahab dan Zarina Mohd Ali, 2005. *Pembangunan Sahsiah Mahasiswa Bersepadu: Konsep dan Pelaksanaannya di Kolej Universiti Kejuruteraan.* Kertas kerja Seminar Kebangsaan Kursus Sokongan Kejuruteraan, Hotel Astana, Langkawi.

Kementerian Pengajian Tinggi, 2000. *Model Konseptual Kemahiran Insaniah. Putrajaya: KPT.*

Mohd Hamidi Abdul Hamid, 2002. *Pengurusan Sekolah Cemerlang Menurut Islam.*Maran : Penerbitan Raihan.

Stasz, C. 1990. *Teaching and Learning Generic Skill for the workplace.* Santa Monica.

Turney, C. 1987. *Innovation in teacher education.*Sydney: Sydney University Press.

Peranan Media Dalam Pelaksanaan Komunikasi Dakwah Pensyarah Pendidikan Islam Terhadap Pelajar Di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Hasani binti Ghazali
Jabatan Pengajian Am, Politeknik Nilai, Kompleks Pendidikan Bandar Enstek,
71760 Bandar Enstek, NEGERI SEMBILAN
hasanighazali@yahoo.com

Kata Kunci: Peranan media, komunikasi dakwah, pensyarah Pendidikan Islam

Abtrak: Kajian ini memberi tumpuan kepada aspek Peranan Media Dalam Pelaksanaan Komunikasi Dakwah Pensyarah Pendidikan Islam bagi proses pengajaran dan pembelajaran terhadap pelajar. Kajian ini menggunakan metod kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Responden terdiri daripada 16 orang pensyarah Pendidikan Islam di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Pengumpulan data berdasarkan temu bual bersama pensyarah. Di samping itu, turut dijalankan obsevasi ketika pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan pensyarah. Hasil kajian mendapati 16 orang (100%) pensyarah menggunakan audio visual atau media lisan sebagai medium utama dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas dan penggunaan e-mel menjadi pilihan 8 orang (50%) untuk komunikasi di luar kelas. Kepelbagaian penggunaan media oleh pensyarah bertujuan bagi meningkatkan kefahaman pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan. Walau bagaimanapun kajian juga mendapati penggunaan media komunikasi terkini seperti *facebook*, *whatsapp*, *wechat* dan *blackberry messagger* adalah berkurangan, iaitu 3 orang (19%) dan perlu dipertingkatkan bagi memenuhi keperluan dakwah semasa dalam kepantasan memberi maklum balas maklumat yang diperlukan oleh pelajar. Terdapat pelbagai faktor yang mendorong kepada penggunaan media komunikasi dakwah pensyarah. Namun begitu, masih terdapat kelemahan dan kepincangan yang perlu diperbaiki terutama faktor prasarana yang memberi impak besar dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran.

Pendahuluan

Kewajipan berdawkwah menjadi tuntutan ke atas setiap individu muslim. Arus perubahan masyarakat, menggesa para pendakwah menggunakan metode yang mampu dicernakan oleh masyarakat dan secara tidak langsung membawa perubahan. Pensyarah pendidikan Islam yang bertindak sebagai *da'i* erlu melengkapkan diri diri dengan pelbagai kemahiran dan kreatif dalam penyampaian supaya mampu memberi pemahaman dan penjelasan yang menyeluruh tentang Islam agar pelbagai masalah keruntuhan dalam masyarakat dapat diselesaikan. Media merupakan alat atau perantara dalam komunikasi atau dalam perhubungan (1). Media adalah alat atau perantara komunikasi am, merujuk kepada pelbagai saluran penyampaian sama ada elektronik atau bercetak. Media pengajaran adalah alat bantu proses pengajaran dan pembelajaran dan segala sesuatu yang dapat dipergunakan untuk meransang fikiran, perasaan, perhatian atau ketrampilan pelajar.

Komunikasi dakwah boleh disampaikan dalam pelbagai bentuk saluran. Media komunikasi dakwah merupakan elemen penting dalam usaha pensyarah menyampaikan maklumat, idea, mesej kepada pelajar sama ada melalui lisan, tulisan, al-Quran, jemaah atau organisasi, melalui kesenian, perbuatan atau bahasa badan dan audio-visual. Pada peringkat penggunaan media komunikasi dakwah, pensyarah perlu memilih media yang paling bersesuaian dengan pelajar sama ada berbentuk lisan, tulisan, perbuatan atau audio- visual (2). Keperluan pensyarah dalam penggunaan media yang bersesuaian dengan tujuan membolehkan sesuatu mesej disampaikan dengan tepat, difahami dan mendapat maklum balas (3). Di sini, komunikasi antara pensyarah dan pelajar akan berlaku secara langsung dan tidak langsung. Komunikasi secara langsung akan berlaku ketika penyampaian pensyarah di dalam kelas dengan penggunaan media seperti buku teks, papan tulis, LCD projektor, nota edaran, bahan dari internet dan tayangan interaktif (4). Manakala komunikasi yang berlaku secara tidak langsung di luar kelas dengan perantaraan media yang lebih pantas serta meluas seperti Sistem Pesanan Ringkas (SMS),*facebook, e-learning, whatsapp dan internet,* penulisan artikel dakwah, buletin, ceramah, syarahan, kuliah agama dan program-program agama. Keberkesanan terhadap penggunaan media-media ini oleh pensyarah memberi kelangsungan kepada peningkatan kefahaman pelajar terhadap penyampaian.

Komunikasi Dakwah merupakan suatu proses penyampaian dan pertukaran maklumat dengan menggunakan prinsip dan kaedah yang terdapat dalam al-Quran dan al-Hadith. Proses ini adalah untuk mendidik masyarakat tentang hakikat kebenaran Islam dan meletakkan al-Quran dan al-Hadith sebagai sumber rujukan utama dalam menjalankan segala aktiviti kehidupan sama ada dari aspek akidah, ibadah dan muamalah. Secara umumnya para ilmuan Islam mentakrifkan komunikasi dakwah iaitu menjaga kebenaran tentang mesej yang di bawa, baik dari segi berita, perkhabaran atau perkataan, bersifat realiti iaitu bersesuaian dengan fitrah manusia bagi memenuhi keperluan jasmani dan rohani, menggunakan medium yang sesuai dengan keupayaan intelektual kumpulan sasaran dan merangkumi semua cabang kehidupan manusia sesuai dengan ajaran Islam [5]. Seorang pensyarah yang memiliki kemahiran komunikasi, merupakan nilai tambah dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kelebihan ini dapat membantu pensyarah membina hubungan yang baik dan menggarap segala potensi diri pelajar (6).

Pensyarah bermaksud orang yang mengajar, pendidik, pengajar, pengasuh (1). Menurut Dr. Adli Hj. Yacob dan Khuzaihan Zakaria, guru bermaksud pendidik, pengajar, pengasuh secara formal (7). Menurut Ahmad Mahmood Musanif, guru bermaksud pendidik, pengajar secara formal. Guru mengikut perspektif Islam mempunyai tanggungjawab dalam pembangunan akhlak iaitu sebagai *murabbi* (a trainer of souls and personalities) dan bukan semata-mata sebagai *mu'allim* (a transmitter of knowledge) (8). Pensyarah sebagai *da'i* merupakan golongan profesional yang bertindak sebagai pendidik dan pendakwah dalam masyarakat. Peranan pensyarah adalah untuk menyemai kesedaran tentang kepentingan ilmu, membangunkan ummah, membina akhlak yang baik dan membimbing pelajar supaya menjauhi sifat-sifat *mazmumah* (9).

Pendidikan Islam merupakan modul yang bertindak sebagai alat untuk mengajak manusia ke arah kebaikan. Pendidikan dalam bahasa arab bermaksud *tarbiyyah, tardib, ta'dib, tadris, taklim* dan *riyadah*. Dari aspek istilah pendidikan Islam ialah proses pendidikan untuk mendidik seseorang supaya memiliki akhlak yang mulia, menjauhi sifat terkeji, membimbing manusia ke jalan yang lurus, mengislahkan amal untuk mencapai kebahagiaan kehidupan di dunia dan di akhiratPendidikan Islam merangkumi aspek fardu ain dan fardu kifayah dengan menekankan kepentingan individu dan pembangunan ummah (8,9)

Kajian ini mampu untuk dijadikan sumber informasi penting dalam mengenal pasti kelemahan dan kekurangan peranan media komunikasi dakwah yang gunakan dan penemuan kajian dapat membantu pensyarah merangka kaedah yang lebih dekat dengan jiwa pelajar. Selain itu, kajian ini mampu memberi maklumat awal kepada pihak institusi tentang keperluan meningkatkan prasarana yang berkaitan dengan media pengajaran supaya sejajar dengan kehendak semasa sejajar dengan trasformasi pendidikan kini.

Penyataan Masalah

Pendakwah perlu mempunyai kualiti komunikasi yang mampu mempengaruhi umat Islam kerana keberkesanan dalam penyampaian dapat membawa perubahan yang besar kepada masyarakat. Reliti masyarakat kini sedang menghadapi krisis keruntuhan akhlak yang amat membimbangkan dan media massa yang setiap hari melaporkan berita-berita yang menggugat nilai kebaikan masyarakat seolah-olah masyarakat telah hilang pertimbangan dan pedoman hidup yang berlandaskan lunas-lunas Islam yang sebenarnya. Fenomena ini juga seolah-olah menggambarkan mesej penyampaian ilmu Pendidikan Islam yang berlaku di semua peringkat masyarakat khususnya di sekolah dan Institut Pengajian Tinggi tidak mencapai objektif dan kurang berkesan dalam mengubah masyarakat ke arah kebaikan. Masalah kerutuhan akhlak remaja Malaysia yang saban hari dipaparkan di media massa membuktikan moral remaja begitu kritikal. Dari sudut pendidikan, permasalahan ini berpunca daripada masalah kerohanian yang sakit dan kosong iaitu tidak berupaya mengisi roh mereka dengan rasa nikmat kepada Allah. Para pelajar perlu diberi rawatan kerohanian yang berkesan. Selain itu beliau juga berpendapat proses pengajaran dan pembelajaran dan kurikulum Pendidikan Islam perlu ada inovasi, strategi yang sesuai supaya dapat memberi kesan kepada perubahan minda dan penghayatan pelajar. Guru pendidikan Islam perlu kreatif dalam penyampaian supaya isi pengajaran mudah dicernakan oleh pelajar. Guru Pendidikan Islam sebagai pendakwah perlu meletakkan pelajar sebagai sasaran dakwah. Para guru seharusnya terlebih dahulu membuat perubahan diri dan minda sebelum mengharapkan perubahan pelajar (10)

Objektif Kajian

1. Mengetahui bentuk media komunikasi dakwah pensyarah dalam pengajaran dan pembelajaran.

2. Mengenal pasti faktor-faktor penggunaan media komunikasi dakwah pensyarah dalam pengajaran dan pembelajaran.

3. Mengenal pasti bentuk halangan penggunaan media komunikasi dakwah pensyarah dalam pengajaran dan pembelajaran.

Metodologi Kajian

Pengumpulan data merupakan proses pengumpulan maklumat dengan memilih dan menggunakan kaedah alat pengumpulan data yang bersesuaian dengan permasalahan kajian, strategi penyelidikan di samping jenis dan kewujudan sumber data (11). Kajian perpustakaan digunakan adalah untuk mengumpulkan data-data dan maklumat yang berkaitan dengan kajian, mengetahui dengan lebih mendalam tentang konsep komunikasi dakwah dan penggunaannya dalam penyampaian. Data-data diperolehi daripada bahan-bahan ilmiah seperti buku, jurnal, dokumen, disertasi yang berkaitan dengan kajian. Kajian lapangan iaitu membuat pemerhatian dan mencatat tingkah laku individu atau kumpulan subjek kajian dalam keadaan semula jadi (12). Kajian ini juga bertujuan untuk mendapatkan data-data secara terus daripada responden. Cara ini akan menghasilkan suatu persoalan terkini dan lebih menepati objektif kajian. Kajian ini telah menggunakan dua kaedah kajian lapangan iaitu temubual berstruktur dan observasi berstruktur. Temu bual berstruktur telah dilakukan untuk mendapatkan maklumat tentang penggunaan dan perlaksanaan komunikasi dakwah 16 orang pensyarah Pendidikan Islam dalam kalangan pelajar sama ada di dalam kelas atau di luar kelas.

Observasi berstruktur adalah pemerhatian yang dilakukan untuk membolehkan penyelidik mengumpul data berdasarkan tingkah laku yang diperhatikan bagi memahami secara lebih mendalam tentang perkara yang dikaji dan mencatat dapatan dalam borang pemerhatian (Chua Yan Piaw:2011). Observasi memberi peluang kepada penyelidik melihat sendiri secara langsung dengan situasi yang dikajinya disamping menyokong dapatan soal selidik. Dalam kajian ini observasi telah dilakukan ke atas pelaksanaan dan perjalanan kelas pensyarah dan perjumpaan dengan pelajar secara tidak formal. Kaedah ini dapat membantu penyelidik mendapat maklumat yang lebih mendalam berdasarkan perkara sebenar tentang aplikasi media dalam pelaksanaan komunikasi dakwah pensyarah.

Analisis data adalah proses menghuraikan masalah kajian berasaskan persoalan kajian bagi menjelaskan objektif kajian yang telah disasarkan (13). Semua data yang telah dikumpul akan dianalisis dengan menggunakan kaedah kualitatif . Temu bual secara berstruktur yang dijalankan ke atas 16 orang pensyarah pendidikan Islam melibatkan 3 item yang perlu dijawab. Penganalisaan secara menyeluruh telah dilakukan terhadap hasil jawapan daripada temubual yang dijalankan bagi mendapatkan pengesanan tentang penggunaan media dalam pelaksanaan komunikasi dakwah pensyarah terhadap pelajar.. Proses pengambilan data ini berlaku secara manual sebelum diproses menggunakan perisian *Atlas.t7* iaitu merupakan satu perisian yang membolehkan data kualitatif diproses dalam bentuk kuantitatif. Perisian *Atlas.t7* ini digunakan bagi memproses data adalah untuk kemudahkesanan dan penyusunan ketika menganalisis data.

Kajian ini berdasarkan Model Komunikasi dakwah Pensyarah Terhadap Pelajar. Model komunikasi ini hasil inspirasi daripada Model Retorik Penulisan Dakwah oleh Norrodzoh Hj Siren namun telah diolah mengikut kesesuaian dengan tajuk kajian (14). Model komunikasi ini melibatkan beberapa elemen dalam menjayakan komunikasi. Setiap elemen berhubung kait dalam memberi kesan terhadap komunikasi pensyarah terhadap pelajar.

Rajah 1: Model Komunikasi Dakwah Pensyarah Terhadap Pelajar



Sumber: Pengubahsuaian daripada Model Retorik Penulisan Dakwah oleh Norrodzoh Siren

Rajah 1 menjelaskan tentang hubungan komunikasi dakwah pensyarah terhadap pelajar yang meletakkan pensyarah sebagai da'i dan pelajar sebagai mad'u. Model komunikasi ini meletakkan media sebagai intipati kepada penyampaian mesej dengan penggunaan uslub yang bersesuaian. Keperluan pensyarah dalam penggunaan media yang bersesuaian dengan tujuan membolehkan sesuatu mesej disampaikan dengan tepat, difahami dan mendapat maklum balas.

Skop Batasan Kajian

Penyelidikan ini dijalankan terhadap semua pensyarah Pendidikan Islam seramai 16 orang. Kajian yang dilakukan ke atas komunikasi dakwah secara lisan dan bukan lisan dalam proses perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran oleh pensyarah pendidikan Islam terhadap pelajar Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. kajian ini kemudian dianalisa bagi memperolehi maklumat dalam membantu penambahbaikan dalam perancangan, penyusunan dan perlaksanaan para pensyarah dalam proses penyampaian pengajaran dan pembelajaran (P&P).

Dapatan Kajian

Dalam proses pelaksanaan komunikasi dakwah, pelbagai saluran media digunakan untuk menyampaikan maklumat. Rajah 2, 3 dan 4 merupakan analisa hasil temu bual bersama pensyarah berkaitan aspek penggunaan media dalam komunikasi dakwah mereka terhadap pelajar.

a) Bentuk media yang digunakan



Rajah 2: Bentuk Media Yang Digunakan

Analisa kajian mendapati 16 orang pensyarah menggunakan audio visual sebagai media utama dalam penyampaian dakwah di dalam kelas atau media lisan di samping media lain turut digunakan iaitu menggunakan bahan daripada internet (12 orang), *power point* (15 orang) dan syarahan (enam orang). Walau bagaimanapun komunikasi terus berlaku semasa pensyarah di luar kelas apabila terdapat (lapan orang) memilih emel sebagai medium komunikasi, penggunaan telefon bimbit sama ada melalui panggilan atau sistem pesanan ringkas (SMS) (tujuh orang), menggunakan medium komunikasi semasa seperti *whatsapp*, *wechat*, *blackberry Messenger* (BBM) dan sebagainya (dua orang) dan hanya (seorang) pensyarah menggunakan *facebook* sebagai medium komunikasi bersama pelajar di luar kelas. Menurut Puan Nor Yanie (2013) penggunaan audio visual dan *power point* dapat membantu pensyarah memfokuskan subjek pengajaran. Selain itu, kaedah ini dapat menarik minat pelajar dalam memberi tumpuan semasa pengajaran dan memudahkan proses pemahaman. Manakala bagi komunikasi dakwah bersama pelajar di luar kelas beliau gemar menggunakan emel kerana mudah diakses oleh semua pelajar (Siti Noryanie Yusof:2013). Penggabungan pelbagai media dan memperbanyakkan alat bantu mengajar dapat membantu menarik minat pelajar terhadap pendidikan Islam serta memberi keberkesanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (16).

(b) Faktor penentuan media



Rajah 3 Faktor Penentuan Media

Dalam proses komunikasi terdapat pelbagai faktor yang menentukan penggunaan sesuatu media. Berdasarkan Rajah 3 menunjukkan faktor penentuan media dalam komunikasi pensyarah. Hasil temu bual yang dilakukan mendapati (sembilan orang) pensyarah mengatakan kesesuaian topik menentukan bentuk penggunaan media manakala faktor lain ialah keadaan pelajar (lapan orang) pensyarah, suasana kelas (empat orang) dan media yang lebih fokus dan menjimatkan masa dipilih oleh (dua orang) pensyarah. Menurut Masitah (2013), penggunaan media yang tepat dan bersesuaian dengan topik pengajaran membantu pelajar memahami dengan lebih cepat dan menjimatkan masa (17).

(c) Masalah penggunaan media



Rajah 4: Masalah Dalam Penggunaan Media

Media yang baik akan sentiasa berperanan dalam membantu melancarkan proses komunikasi. Oleh itu masalah penggunaan media boleh menjejaskan kualiti komunikasi itu sendiri. Rajah 4 menunjukkan aspek masalah penggunaan media iaitu semua pensyarah (16 orang) mengatakan masalah penggunaan media mengganggu proses komunikasi dalam pengajaran iaitu peralatan rosak, peralatan tidak mencukupi dan terpaksa membawa sendiri ke kelas sebagai permasalahan utama dalam penggunaan media. Faktor-faktor ini sememangnya memberi impak besar dalam proses penyampaian. Menurut Puan Aisyah (2013), pensyarah sentiasa berusaha memberikan penyampaian yang terbaik kepada pelajar, tetapi masalah-masalah yang di luar kawalan seperti hal tersebut telah menjejaskan mutu penyampaian dan melambatkan proses P&P yang telah dirancang (18).

Rumusan dan cadangan

Kajian ini secara umumnya mengupas tentang peranan media dalam perlaksanaan komunikasi dakwah pensyarah terhadap pelajar bagi proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian dapat mengenal pasti bahawa majoriti pensyarah menggunakan audio visual sebagai media pilihan utama dalam perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik kuliah manakala emel pula menjadi medium pilihan untuk berinteraksi dengan pelajar di luar kelas kerana mudah diakses oleh pelajar. Penggunaan media pengajaran yang pelbagai adalah didorong oleh beberapa faktor terutamanya kesesuaian topik yang diajar. Walau bagaimana pun, permasalahan kekurangan prasarana yang berkait dengan media komunikasi pensyarah sedikit sebanyak menjejaskan kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran yang telah dirancang.

Berdasarkan dapatan kajian yang menunjukkan para pensyarah Pendidikan Islam kurang menggunakan media komunikasi terkini, adalah dicadangkan para pensyarah perlu menghilangkan sedikit *privacy* dengan sentiasa mengaktifkan media komunikasi yang dekat dengan pelajar seperti *whatapps* dan *facebook* demi penambah baikan dalam penyampaian maklumat dan maklum balas yang pantas terhadap permasalahan pelajar.

Kajian juga mendapati *power point* yang digunakan oleh pensyarah merupakan komunikasi sehala yang kurang menarik perhatian pelajar. Oleh yang demikian adalah dicadangkan pensyarah menggunakan *power point* yang berbentuk interaktif yang dapat melibatkan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, kajian juga mendapati kekurangan prasarana yang dihadapi pihak pensyarah dalam proses penyampaian pengajaran dan pembelajaran, adalah dicadangkan pihak pengurusan Politeknik dapat meningkatkan lagi kemudahan-kemudahan seperti menyediakan LCD projektor dalam setiap bilik kuliah dan sentiasa memastikan media pengajaran berada dalam keadaan yang berfungsi demi kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran.

Rujukan

[1] Kamus Dewan , edisi ke-3 , Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2002.

[2] Ghazali Sulaiman, Media Komunikasi Islam, dalam: S.Salahudin Suyurno et al.(eds), Islam dan Komunikasi, Pusat penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi Mara, Shah Alam 2007, h. 67-68

[3] Mohd Baharudin Othman dan Mohd Khairie Ahmad, *Pengantar Komunikasi*,Penerbit Universiti Utara Malaysia, Kedah, 2003.

[4] Abd. Ghafar Md. Din, Prinsip dan Amalan Pengajaran, Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 2003.

[5] Zulkiple Abd. Ghani, Islam, Komunikasi Dan Teknologi Maklumat, Kuala Lumpur, 2001

[6] Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, Yusmini Md. Yusoff, Kaedah Mengajar & Kemahiran Interpersonal Guru, PTS Profesional Publishing Sdn Bhd, Selangor, 2007.

[7] Kamus Bahasa Melayu, Crescent News Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, 2008.

[8] Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri, Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran & Pembelajaran,Universiti Teknologi Mara, Johor,2007.

[9] Ghazali Darusalam, Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah, Utusan Publication & Distributors,Kuala Lumpur, 1996.

[10] Zaharah Hussin & Ab. Halim Tamuri, Pembelajaran Berasaskan Masalah Dalam Pendidikan Akhlak, dalam: Ab. Halim Tamuri *et al*.(eds) , Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, 2010, h.154-161

[11] Sulaiman Masri, Kaedah Penyelidikan Dan Panduan Penulisan:Esei, Proposal, Tesis, Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 2005.

[12] Chua Yan Piaw, Kaedah Penyelidikan Edisi Kedua. McGraw-Hill, Malaysia, 2011.

[13] Idris Awang, Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam, Kamil 7 Shakir Sdn Bhd ,Selangor, 2009.

[14] Norrodzoh , Retorik Penulisan Dakwah, dalam: Nor Raudah Hj Siren, Yusmini Mohd Yusoff dan Mahmudah Hj. Nawawi (eds), Dakwah Islam Semasa-Konsep Dan Perlaksanaan, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006.

[15] Siti Noryanie Yusof, Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 26 April 2013.

[16] Ghazali Sulaiman, Media Komunikasi Islam, dalam: S.Salahuddin Suyurno, Huzaimah Hj. Ismail dan Aini Faezah Ramlan (eds) Islam Dan Komunikasi, Pusat penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi Mara, Shah Alam 2007, h.67-70

[17] Masitah Mohd Ali, Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 23 April 2013

[18] Aisyah binti Abdul Razak (Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah), dalam temubual bersama penulis, 26 April 2013

KEJUTAN DASAR KEWANGAN DALAM DWI SISTEM PERBANKAN DI MALAYSIA MENGIKUT SEKTOR EKONOMI

Rosamiza Binti Meor Razak[1,a], Suzana Binti Ithnin[2,b], Kamisah Binti Salikin[3,c]
[1]Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Persiaran Usahawan, Seksyen U1, 47150 Shah Alam, Selangor, [2]Malaysia, Politeknik Nilai, Kompleks Pendidikan Bandar Enstek, 71760 Bandar Enstek, Negeri Sembilan, Malaysia, [3]Politeknik Nilai, Kompleks Pendidikan Bandar Enstek, 71760 Bandar Enstek, Negeri Sembilan, Malaysia,
[a]rosamizamr@gmail.com, [b]suzanaithnain76@gmail.com, [c]kamisahsalikin@gmail.com

Katakunci: Dasar kewangan dan pinjaman bank

Abstrak. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh kejutan dasar kewangan terhadap pinjaman bank mengikut sektor ekonomi dalam sistem dwi perbankan iaitu perbankan Islam dan konvensional yang diamalkan di Malaysia. Model vektor auto regresi berstruktur (*structural vector auto regressive-SVAR*) dalam bentuk tidak recursif (non-recursive) diaplikasikan dalam kajian ini untuk mengenal pasti *(identify)* kejutan dasar kewangan. Oleh kerana Malaysia adalah sebuah ekonomi kecil terbuka, kajian ini juga mengambil kira peranan beberapa pemboleh ubah asing seperti harga minyak dunia dan dasar kewangan asing ke atas ekonomi negara. Analisis fungsi tindak balas *(impulse response function-IRF)* telah digunakan untuk melihat tindak balas dinamik antara pinjaman sektor ekonomi di perbankan Islam dan konvensional dengan kejutan dasar kewangan. Berdasarkan hasil kajian, pinjaman mengikut sektor ekonomi menunjukkan terdapatnya kesan ketidak selarasan (*heterogeneity*) terhadap kejutan dasar kewangan.

***Keywords**: Monetary policy and bank loan*

The paper aims to examine the effect of monetary policy shocks upon the bank loans by economic sector in a dual banking system of conventional and Islamic banking practices in Malaysia.. This study applied a structural vector auto regressive-SVAR model in non-recusive structure to identify the monetary policy shocks. Since Malaysia is a small open economy the study takes into account several foreign variables such as world oil price and foreign monetary policy. Analysis of the impulse response function(IRF) has been used to examine the dynamic response of loans in the Islamic and conventional banking to monetary policy impulses. While analysis of the variance decomposition (VDC) has been used to describe the influence of other variables in the model to shocks of loans in the Islamic and conventional banking system. The results showed that loans by economic sectors has inconsistency effect (heterogeneity) of the monetary policy shock

Pengenalan

Perkembangan sistem perbankan Islam semakin penting seiring dengan perbankan konvensional yang mana ianya merupakan satu alternatif kepada perbankan konvensional yang mengamalkan kadar bunga. Pada 4 Mac 1993 Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) dilaksanakan untuk membenarkan institusi kewangan konvensional menawarkan perkhidmatan perbankan Islam yang kini dikenali sebagai Skim Perbankan Islam (SPI). Sehingga tahun 2013 terdapat 43 buah bank perdagangan tempatan dan asing di Malaysia, daripada jumlah tersebut 27 buah adalah bank konvensional dan 16 buah bank Islam. Perkembangan SPI di Malaysia terus rancak berkembang seiring dengan perbankan konvensional yang sedia kukuh, yang mana sehingga akhir Julai 2010 aset sistem perbankan Islam meningkat kepada RM337.6 bilion yang merupakan 20.1 peratus daripada jumlah aset sistem perbankan negara. Manakala deposit SPI berkembang 20.6 peratus kepada RM263.4 bilion yang merangkumi 21.6 peratus daripada jumlah deposit sistem perbankan dan pembiayaan meningkat sebanyak 25.1 peratus daripada jumlah pinjaman sistem perbankan (Laporan ekonomi 2010/2011).

Sistem dwi perbankan di Malaysia banyak disokong oleh pelaksanaan dasar oleh Bank Negara Malaysia (BNM) terutama sari segi dasar kewangan. Bermula April 2004 BNM memperkenalkan rangka kerja baru kadar bunga iaitu menjadikan kadar dasar semalaman (OPR) sebagai petunjuk kepada teras dasar kewangan. OPR berperanan sebagai isyarat untuk mempamerkan teras dasar kewangan dan sebagai kadar sasaran operasi mudah tunai harian Bank Pusat dan bertindak sebagai kadar rujukan utama dalam penentuan kadar bunga pasaran yang lain. Maka, dijangkakan pinjaman di dwi sistem perbankan juga dipengaruhi oleh sebarang perubahan dalam dasar kewangan negara.

Dasar kewangan yang dilaksanakan oleh BNM dengan mengawal kadar bunga pasti memberi kesan kepada pinjaman sistem perbankan, namun sejauh mana kejutan dasar ini mempengaruhi pinjaman mengikut sektor ekonomi dalam sistem perbankan Islam dan konvensional masih tidak terdapat banyak kajian yang dilakukan terutama dalam konteks Malaysia. Justeru, kajian ini memberikan sumbangan yang bermakna kepada literatur dalam bidang dasar kewangan. Kajian ini ingin mengesan kejutan dasar kewangan terhadap pinjaman mengikut sektor ekonomi di antara bank Islam dan bank konvensional. Adalah dijangkakan tindak balas bank konvensional dan Islam terhadap dasar kewangan adalah berbeza. Pada umumnya, struktur pembiayaan Islam memerlukan perkongsian risiko dan keuntungan dalam nisbah yang di persetujui lebih awal, memandangkan kos bagi sebahagian besar pembiayaan Islam sedia ada tidak berkait secara langsung dengan perubahan dalam kos dana, dari segi teorinya, perubahan dasar kewangan mempunyai kesan yang terbatas atas kos pinjaman sedia ada (laporan tahunan BNM 2006).

Hasil kajian dapat diringkaskan kepada terdapat fungsi tindak balas yang berbeza dalam kejutan dasar kewangan terhadap pinjaman di antara sistem perbankan Islam dan konvensional.

Untuk memudahkan perbincangan, kertas kerja ini dibahagikan kepada beberapa bahagian. Bahagian kedua membincangkan tinjauan literatur, manakala bahagian ketiga memberikan tumpuan kepada kaedah penganggaran dengan memberi tumpuan kepada model VAR berstruktur

(SVAR). Bahagian keempat membincangkan keputusan empirikal kajian dan bahagian akhir sekali membincangkan rumusan serta implikasi dasar.

Kajian lepas

Terdapat banyak kajian lepas yang mengkaji kejutan dasar kewangan yang dikaitkan dengan saluran kredit bank dan juga kesan terhadap pemboleh ubah makroekonomi seperti output, inflasi, kadar pertukaran dan kadar bunga. Antaranya kajian oleh Ramirez (2004) mendapati saluran kredit mempunyai pengaruh yang besar dalam dasar kewangan bagi ekonomi terbuka yang mana ia mempengaruhi output. Selain itu kajian oleh Sun et al. (2010) mengesahkan pinjaman bank mempunyai pengaruh yang signifikan dalam transmisi dasar kewangan untuk mempengaruhi aktiviti ekonomi di China. Kajian yang dilakukan oleh Etem Hakan & Bengul Gulumser (2011) dengan mengambil sampel di Turki dapat menyangkal andaian bahawa perbankan Islam adalah lebih stabil terhadap perubahan kadar bunga oleh sebab ia berasakan pembahagian keuntungan yang mana kejutan dalam kadar bunga bukan sahaja memberi kesan kepada pinjaman dan deposit perbankan konvensional tetapi juga dalam perbankan Islam di Turki.

Di Malaysia, terdapat beberapa kajian mengenai kesan dasar kewangan terhadap pemboleh ubah makroekonomi dan juga pemboleh ubah pinjaman bank yang melibatkan sistem perbankan konvensional. Kajian yang mengambil kira data di Malaysia oleh Salina dan M. Shabri (2009) bagi tempoh sebelum krisis kewangan Asia (1989:01-2006:12); semasa krisis (1989:01-1996:12); dan selepas krisis (1999:01-2006:12) mendapati deposit dan pinjaman bank mempunyai peranan yang penting dalam transmisi dasar kewangan. Dapatan empirikal membuktikan terdapat hubungan yang kuat antara deposit dan pinjaman bank dengan aktiviti ekonomi semasa di Malaysia. Manakala kajian oleh Noor Azlan dan Aisyah (2005) telah mengkaji tentang kesan sebab menyebab dasar kewangan sama ada mempengaruhi saluran kredit atau penciptaan wang dengan melihat aset dan liabiliti bank perdagangan. Kajian ini mengandaikan dasar kewangan adalah exogenous iaitu dengan hanya mengambil kira pemboleh ubah makroekonomi domestik seperti inflasi, indeks pengeluaran industri, kadar bunga 3 bualan antara bank dan indeks komposit pasaran saham Kuala Lumpur yang mempengaruhi aset dan liabiliti bank. Keputusan kajian menyokong saluran kredit mempunyai kesan sebab menyebab yang signifikan dalam mempengaruhi pemboleh ubah ekonomi. Dengan menggunakan VAR berstruktur Azali dan Matthews (1999) telah mengkaji peranan wang dan kredit dalam transmisi dasar kewangan sebelum dan selepas liberalisasi kewangan dengan mengambil kira enam pemboleh ubah dalam ekonomi tertutup. Hasil kajian mendapati sebelum liberalisasi kewangan kejutan kredit bank memberi kesan lebih tinggi terhadap perubahan output berbanding kejutan kewangan. Selepas liberalisasi peranan wang dan inovasi kredit memberikan kesan kejutan output yang signifikan. Selain itu kajian oleh Ibrahim (2005) juga mengandaikan Malaysia sebuah negara ekonomi tertutup dalam kajiannya terhadap kesan output sektor ekonomi dan kejutan dasar kewangan. Kajian ini menggunakan pengenalpastian skim recursif (*recursive*) VAR dan mendapati terdapat beberapa sektor seperti pembuatan, pembinaan, kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan menunjukkan penurunan dalam agregat pengeluaran akibat daripada kejutan kadar bunga. Model VAR juga telah digunakan oleh Mohd Zaini et al. (2006) bagi mengkaji kesan dasar kewangan yang ketat yang dilaksanakan oleh Malaysia selepas krisis kewangan 1997 dengan melihat kesan terhadap pinjaman beberapa sektor ekonomi di bank perdagangan. Terdapat tujuh sektor ekonomi yang diambil kira dalam kajian ini hasil kajian ini mendapati kesemua pinjaman sektor ekonomi seperti sektor pertanian, pembinaan, perkilangan, harta tanah, perlombongan, perkhidmatan dan perdagangan mempunyai kesan negatif dengan penguncupan dasar kewangan. Kajian lain oleh Domac (1999), menggunakan model VAR untuk melihat kesan dasar kewangan menguncup dan saluran kredit terhadap industri kecil dan sederhana (IKS). Penemuan empirikal mendapati dasar kewangan menguncup memberikan kesan yang lebih besar kepada pengeluaran industri kecil dan sederhana (IKS).

Terdapat beberapa kajian lain juga yang telah mengaitkan dasar kewangan dengan perbankan Islam dan perbankan konvensional. Seperti kajian oleh Salina et al. (2009) mengkaji kesan kejutan dasar kewangan terhadap sistem dwi perbankan di Malaysia. Kajian ini mengambil kira data bulanan dari tahun 1999 hingga 2006 dan menggunakan model VAR. Empat model telah dibentuk untuk membezakan kesan kejutan dasar kewangan terhadap pinjaman dan deposit di dalam sistem perbankan Islam dan konvensional. Didapati bahawa pinjaman dan deposit perbankan Islam lebih sensitif terhadap perubahan kadar bunga berbanding perbankan konvensional. Kajian oleh Raditya & Salina (2010) mengkaji peranan perbankan Islam dalam proses transmisi dasar kewangan di Malaysia dengan menggunakan pemboleh ubah indeks perindustrian, pembiayaan dan deposit perbankan Islam serta kadar dasar semalaman sebagai indikator dasar kewangan. Kajian ini mendapati hasil fungsi tindak balas dasar kewangan yang ketat akan mengurangkan keupayaan bank Islam menawarkan pembiayaan dan seterusnya menguncupkan aktiviti ekonomi. Salina & M. Shabri (2010) meneruskan kajian berkaitan kesan kejutan kewangan terhadap perbankan Islam semasa krisis kewangan 1997 dan 2007. Kajian ini mendapati sistem perbankan konvensional dan perbankan Islam terdedah kepada kejutan dasar kewangan dan pemboleh ubah makroekonomi.

Kajian-kajian ini boleh dikritik kerana Malaysia adalah sebuah ekonomi kecil terbuka maka dasar kewangan asing perlu diambil kira dalam melihat kesan dasar kewangan terhadap pemboleh ubah domestik. Kajian yang mengambil kira Malaysia sebagai ekonomi kecil terbukan telah dilakukan oleh Tang (2006) dengan menggunakan dua belas pemboleh ubah termasuk empat pemboleh ubah asing iaitu indeks harga komoditi, indeks harga pengguna, pendapatan benar dan kadar dana persekutuan bagi Amerika Syarikat yang diandaikan tidak exogenous terhadap pemboleh ubah domestik, yang mana pemboleh ubah domestik boleh menerima kesan daripada pemboleh ubah asing dengan lat masa tetapi tidak dengan serta merta. Kajian oleh M. Azlan & Fisher (2010) yang menggunakan model VAR berstruktur telah mengambil kira pemboleh ubah domestik di samping pemboleh ubah asing iaitu harga indeks komoditi, output, inflasi dan kadar bunga bagi negara rakan dagang utama Malaysia iaitu Amerika Syarikat dan Jepun dalam kajian mereka. Hasil kajian mengesahkan kejutan faktor asing dominan mempengaruhi pencapaian makroekonomi Malaysia.

Oleh itu kertas kerja ini berhasrat untuk melakukan inovasi dari segi pemilihan pemboleh ubah dengan mengambil kira pemboleh ubah endogenous bagi keterbukaan ekonomi Malaysia. Dari segi penggunaan model VAR berstruktur (SVAR) untuk mengkaji kesan kejutan dasar kewangan terhadap sistem dwi perbankan di Malaysia juga berbeza dengan kajian sebelum ini yang dilakukan oleh Salina et al. (2009), Salina & M. Shabri (2010) dan Raditya & Salina (2010) yang mana telah menggunakan model vektor auto regresi (*vector auto regresion-VAR*). Kertas kerja ini juga dapat memberikan sumbangan kajian dalam teori dasar kewangan dan saluran kredit bank berkaitan sistem dwi perbankan di Malaysia dengan mengambil kira peranan sektor ekonomi akibat kejutan dasar kewangan.

Metodologi kajian

Kajian ini menggunakan model VAR berstruktur (SVAR) untuk melihat kesan kejutan dasar kewangan terhadap pinjaman dalam sistem dwi perbankan di Malaysia dengan mengambil kira data dari bulanan dari bulan Januari 1999 hingga bulan Disember 2010. Pemboleh ubah endogenous dibahagikan kepada dua blok iaitu asing dan domestik. Blok asing terdiri daripada harga minyak dunia dan dasar kewangan asing. Manakala blok domestik pula terdiri daripada pemboleh ubah kadar dasar semalaman, pinjaman bank Islam dan bank konvensional, pendapatan negara dan inflasi. Model VAR berstruktur di gunakan dalam kajian ini kerana ia boleh mengenal pasti kesan kejutan dasar kewangan melalui analisis fungsi tindak balas (IRF) dan penguraian varian (VDC).

Malaysia adalah sebuah ekonomi kecil terbuka dalam pembentukan model VAR berstruktur. Hubungan dinamik dalam sistem persamaan model VAR struktur adalah seperti di bawah:

$$A_0 Y_t = \Gamma_0 D_0 + A(L) Y_t + \epsilon_t \tag{1}$$

Yang mana A_0 adalah matriks segi empat sama yang menunjukkan pekali yang berinteraksi secara struktur serta merta di antara pemboleh ubah di dalam sistem, Y_t adalah matriks (7 x 1) iaitu vektor bagi pemboleh ubah ataupun $[\Delta OIL \;\; FFR \;\; \Delta IPI \;\; INF \;\; IBOR \;\; \Delta LOAN \;\; \Delta NEER]$ yang mana LOAN akan dipecahkan mengikut model seperti pinjaman mengikut sektor perkilangan (iKILANG), pembinaan (iBINA) dan kewangan (iWANG), harta tanah (iHARTA), perdagangan dan borong (iBROG), pengangkutan (iANGKUT), elektrik, gas dan air (iELEK), perlombongan (iLOM) dan pertanian (iTANI) di perbankan Islam dan sektor yang sama di perbankan konvensional iaitu sektor perkilangan (kKILANG), pembinaan (kBINA), kewangan (kWANG), harta tanah (kHARTA), perdagangan dan borong (kBROG), pengangkutan (kANGKUT), elektrik, gas dan air (kELEK), perlombongan (kLOM) dan pertanian (kTANI). D_0 adalah vaktor berketentuan (malar, trend dan pemboleh ubah dummi), $A(L)$ adalah turutan k^{th} matriks polimial dalam operator lat $L\,[A(L) = A_1 L - A_2 L^2 - \cdots - A_k L^k]$, $\varepsilon_t = [\varepsilon_t^{\Delta \mathrm{OIL}} \;\; \varepsilon_t^{FFR} \;\; \varepsilon_t^{\Delta IPI} \;\; \varepsilon_t\, \varepsilon^{INF} \;\; \varepsilon_t^{\mathrm{IBOR}} \;\; \varepsilon_t^{\Delta LOAN} \;\; \varepsilon_t^{\Delta\, NEER}]$ adalah vektor kejutan struktur yang mana ia mematuhi $E(\varepsilon_t) = 0$, $E(\varepsilon_t \varepsilon_s) = \Omega_\varepsilon = I$ (matriks identiti) untuk semua $t = s$. Persamaan [1] tidak dapat dianggarkan secara terus untuk memperoleh nilai A_0 , A_k dan ε_t. Walau bagaimanapun, persamaan [1] boleh dianggarkan dengan mengubahnya dalam bentuk terturun (*reduced form)* seperti berikut :

$$Y_t = A_0^{-1} \Gamma_0 D_0 + A_0^{-1} A(L) Y_t + A_0^{-1} \varepsilon_t \qquad \text{atau} \tag{2}$$

$$Y_t = \Pi_0 D_0 + \Pi_1(L) Y_t + \mu_t \tag{3}$$

yang mana, $\Pi_0 = A_0^{-1}\Gamma_0, \Pi_1 = A_0^{-1}A(L), \mu_t = A_0^{-1}\varepsilon_t$ dan $\mathrm{E}(\mu_t\mu_t) = A_0^{-1}\Omega A_0^{-1} = \Sigma$

[4]

Kajian ini telah menggunakan model VAR berstruktur-A untuk membuat pengenalpastian di kalangan parameter semasa (*contemporaneous parameter*). Model persamaan VAR berstruktur yang digunakan untuk mengenal pasti kesan kejutan dasar kewangan terhadap pinjaman mengikut sektor dalam perbankan Islam dan konvensional adalah seperti berikut;

$$\begin{bmatrix} 1 & 0 & 0 & 0 & 0 & 0 & 0 \\ a_{21} & 1 & 0 & 0 & 0 & 0 & 0 \\ a_{31} & a_{32} & 1 & 0 & 0 & 0 & 0 \\ a_{41} & 0 & a_{43} & 1 & 0 & 0 & 0 \\ 0 & 0 & a_{53} & a_{54} & 1 & a_{56} & 0 \\ a_{61} & a_{62} & 0 & a_{64} & 0 & 1 & a_{67} \\ a_{71} & a_{72} & a_{73} & a_{74} & a_{75} & a_{76} & 1 \end{bmatrix} \begin{bmatrix} \mu_t^{\Delta OIL} \\ \mu_t^{FFR} \\ \mu_t^{\Delta IPI} \\ \mu_t^{INF} \\ \mu_t^{\Delta LOAN} \\ \mu_t^{IBOR} \\ \mu_t^{\Delta NEER} \end{bmatrix} = \begin{bmatrix} \varepsilon_t^{\Delta OIL} \\ \varepsilon_t^{FFR} \\ \varepsilon_t^{\Delta IPI} \\ \varepsilon_t^{INF} \\ \varepsilon_t^{\Delta LOAN} \\ \varepsilon_t^{IBOR} \\ \varepsilon_t^{\Delta NEER} \end{bmatrix}$$

[5]

Terdapat sembilan model yang telah dibentuk bagi membezakan kesan kejutan terhadap pinjaman mengikut sektor ekonomi.

Keputusan kajian

RAJAH 1 hingga RAJAH 9 menunjukkan struktur fungsi tindak balas bagi pemboleh ubah endogenous dalam kajian ini. Fokus utama kajian ini adalah untuk menganalisis perbezaan kesan kejutan dasar kewangan terhadap pinjaman dalam sektor perkilangan, pembinaan, kewangan, harta tanah, perdagangan dan borong, pengangkutan, elektrik, gas dan air, perlombongan dan pertanian di perbankan Islam dan konvensional. Berdasarkan rajah tersebut, garisan yang lebih gelap menunjukkan jangkaan tindak balas bagi pinjaman di perbankan Islam manakala garisan yang lebih nipis menunjukkan jangkaan tindak balas bagi pinjaman di perbankan konvensional.

Pinjaman mengikut sektor ekonomi menunjukkan terdapatnya kesan ketidak selarasan (*heterogeneity*) terhadap kejutan dasar kewangan. Pinjaman di perbankan Islam jatuh lebih rendah berbanding pinjaman perbankan konvensional dalam sektor perkilangan, pembinaan, kewangan, harta tanah, perdagangan dan borong, elektrik, gas dan air, perlombongan dan pertanian terhadap kejutan dasar kewangan. Manakala pinjaman di perbankan Islam dan konvensional dalam sektor pengangkutan jatuh dalam kadar yang lebih kurang sama.



Rajah 1 Analisis fungsi tindak balas pinjaman sektor perkilangan bagi perbankan Islam dan perbankan konvensional terhadap kejutan dasar kewangan



Rajah 2 Analisis fungsi tindak balas pinjaman sektor pembinaan bagi perbankan Islam dan perbankan konvensional terhadap kejutan dasar kewangan



Rajah 3 Analisis fungsi tindak balas pinjaman sektor perkhidmatan kewangan dan insurans bagi perbankan Islam dan perbankan konvensional terhadap kejutan dasar kewangan



Rajah 4 Analisis fungsi tindak balas pinjaman sektor harta tanah bagi perbankan Islam dan perbankan konvensional terhadap kejutan dasar kewangan



Rajah 5 Analisis fungsi tindak balas pinjaman sektor perdagangan dan borong bagi perbankan Islam dan perbankan konvensional terhadap kejutan dasar kewangan



Rajah 6 Analisis fungsi tindak balas pinjaman sektor pengangkutan bagi perbankan Islam dan perbankan konvensional terhadap kejutan dasar kewangan



Rajah 7 Analisis fungsi tindak balas pinjaman sektor elektrik, gas dan air bagi perbankan Islam dan perbankan konvensional terhadap kejutan dasar kewangan



Rajah 8 Analisis fungsi tindak balas pinjaman sektor perlombongan dan kuari bagi perbankan Islam dan perbankan konvensional terhadap kejutan dasar kewangan



Rajah 9 Analisis fungsi tindak balas pinjaman sektor pertanian bagi perbankan Islam dan perbankan konvensional terhadap kejutan dasar kewangan

Kesimpulan

Berdasarkan hasil kajian, menunjukkan bahawa terdapatnya ketidak selarasan (*heterogeneity*) kejutan dasar kewangan terhadap pinjaman sektor ekonomi di dalam sistem perbankan Islam dan konvensional. Kesan kejutan di perbankan konvensional adalah lebih sedikit berbanding perbankan Islam yang menerima kesan kejutan yang besar bila dasar kewangan menguncup memandangkan industri perbankan Islam ini masih dalam peringkat perkembangan di samping penglibatan pasaran yang terhad iaitu hanya boleh terlibat dalam pasaran wang secara Islam sahaja.

Kajian yang dilakukan oleh Salina et al. (2009), Salina & M. Shabri (2010) dan Raditya & Salina (2010) sebelum ini turut mengesahkan bagi kes di Malaysia terdapatnya kesan tindak balas yang lebih besar dalam perbankan Islam bila berlaku kejutan dasar kewangan. Menurut, Zaheer et al. (2011) yang membandingkan aset bank Islam dan bank konvensional mendapati dasar kewangan yang ketat mengurangkan pertumbuhan pinjaman bank kecil iaitu bank Islam tetapi boleh meningkatkan kredit yang diberikan oleh bank-bank yang besar dalam jangka pendek, hasil kajiannya ini sama seperti kajian oleh Kashyap dan Stein (1995). Bagi kes di Malaysia pada akhir Julai 2010 aset sistem perbankan Islam hanyalah RM337.6 bilion yang merupakan 20.1% daripada jumlah aset sistem perbankan negara dan selebihnya 79.9% adalah aset sistem perbankan konvensional, maka boleh dikatakan industri perbankan Islam adalah masih kecil, maka ada rasionalnya pinjaman dalam perbankan Islam di Malaysia menerima kesan yang lebih besar akibat kejutan dasar kewangan.

Hasil kajian ini akan memberi petunjuk kepada pembuat dasar bahawa kejutan dasar kewangan akan memberi pengaruh yang besar dalam sistem perbankan Islam yang mengamalkan konsep tanpa kadar bunga. Maka telah tiba masanya untuk pembuat dasar merangka teknik pengurangan risiko yang berkenaan bagi membolehkan bank Islam untuk mengharungi kejutan dasar kewangan dalam infrastruktur kewangan semasa. Jika sistem perbankan Islam yang tidak melibatkan kadar bunga dalam semua instrumen kewangannya lebih stabil terhadap kejutan dasar kewangan maka dengan kadar penyerapan yang berbeza ini dapat menangani kesan kejutan positif dan negatif dengan berkesan. Jika berlaku kejutan dasar kewangan yang positif, perubahan kadar bunga dapat bertindak balas dengan cepat di perbankan konvensional untuk menangani inflasi atau menangani struktur kredit. Apabila kejutan dasar kewangan negatif seperti kesan krisis kewangan, sistem perbankan Islam sepatutnya dapat menampan kejutan yang serta merta tersebut kerana pinjamannya tidak berasaskan kadar bunga dan dapat menyeimbangkan pasaran kewangan negara. BNM perlu juga melaksanakan polisi lain sewaktu dasar kewangan ketat seperti mengurangkan paras rizab berkanun, membeli semula bil perbendaharaan, kawalan kredit terpilih dan pujukan moral bagi menangani kesan kejutan dasar kewangan yang lebih besar dialami oleh sistem perbankan Islam. Polisi kawalan kredit terpilih dan juga pujukan moral dapat memberi sasaran kepada mengurangkan kesan kejutan dasar kewangan terhadap sektor ekonomi tertentu terutama sektor yang banyak bergantung pada pinjaman sektor perbankan.

Rujukan

Azali, M., & Matthews, K. G. (1999). Money-income and credit-income relationship during the pre- and the post-liberalization period: evidence from Malaysia. *Applied Economics , 31*, 1167-1170.

Domac, I. (1999). The distribution consequences of monetary policy: evidence from Malaysia. *world Bank Policy Research Working Papers*.

Etem Hakan, E., & Bengul Gulumser, A. (2011). Impact of interest rates on Islamic and conventional banks: The case of Turkey. *Munich Personal RePEc Archice (MPRA)* , 1-18.

Ibrahim, M. (2005). Sectoral effects of monetary policy: evidence from Malaysia . *Asian Economic Journal , 19*, 83-102.

Kashyap, A., & Stein, J. (1995). Impact of monetary policy on bank balance sheet. *Carnegie-Rochester Couference Series on Public Policy*, (pp. 151-195).

(2011). *Laporan ekonomi 2010/2011.* Bank Negara Malaysia.

(2006). *Laporan Tahunan BNM 2006 : Pergerakan kadar pulangan dan kadar faedah konvensional.* Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.

Mohd Zaini, A. K., Amy Azhar, M. H., & Azira, A. (2006). Monetary policy and sectoral bank landing in Malaysia. *Global Economic Review , 35* (3), 303-326.

M. Azlan, S. Z., & Fisher, L. A. (2010). Monetary Policy and Foreign Shocks: A SVAR analysis for Malaysia. *Korea and the World Economy , 11* (3), 527-550.

Noor Azlan, G., & Aisyah, A. R. (2005). The transmission mechanism of monetary policy in Malaysia: through banking loan or deposit? *IIUM Journal of Economics and Management , 13*, 1-18.

Raditya, S., & Salina, H. K. (2010). Role of the Islamic banks in the monetary transmission process in Malaysia. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Managment* , 7-19.

Ramirez, C. (2004). Monetary policy and the credit channel in an open economy. *International Review of economics and finance , 13*, 363-369.

Salina, H. K., & M. Sabri, A. M. (2009). The role of bank loans and deposit in the monetary trasmission mechanism in Malaysia. *International Journal of Banking and finance , 6*, 37-59.

Salina, H. K., & M. Shabri, A. M. (2010). Impact of financial shocks on Islamic banks Malaysia evidence during 1997 and 2007 financial crises. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management , 3* (4), 291-305.

